

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH

1. Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff
 2. Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar
- (Halaman 1)

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-Undang Hakcipta (Pindaan) 2003 (Halaman 15)
Rang Undang-Undang Kebankrapan (Pindaan) 2003 (Halaman 18)
Rang Undang-Undang Paten (Pindaan) 2003 (Halaman 37)
Rang Undang-Undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2003 (Halaman 51)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- “ Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Rahman bin Palit (Dilantik)
- “ Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh (Johor)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
- “ Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng (Dilantik)
- “ Puan Lim Kee Moi (Johor)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae (Dilantik)
- “ Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
- “ Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)

Yang Berhormat Dato Mohamad Taha Ariffin (Sarawak)

- “ Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Tuan M. Krishnan
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- ” Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
- “ Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
- “ Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
- “ Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Dato’ Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
- “ Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- “ Puan Siw Chun a/p Eam
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Udam @ George Adam Talek
- “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- ” Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman**Penolong Setiausaha**Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****MESIN CETAK**Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan Sarif
Alias bin Mohd. Nor**JURUBAHASA SERENTAK**Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman**BENTARA MESYUARAT**Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****PERUNDANGAN**Mohd Shah bin Rahman
Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Suhairi Othman

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Selasa, 1 Julai 2003

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff
2. Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap ahli-ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlang.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan sedar bahawa akibat daripada peperangan Iraq dan rancangan ekonomi Amerika pada akhir-akhir ini menunjukkan kelemahan yang ketara dan besar kemungkinan akan memberi kesan negatif kepada ekonomi negara kita. Oleh yang demikian, apakah pelan tindakan kerajaan untuk melindungi ekonomi negara kita disebabkan kita terlalu bergantung kepada hasil eksport.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh dan Senator Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar, yang dijadualkan pada hari ini, memandangkan kesemua soalan yang dibangkitkan adalah berkaitan. Begitu juga soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Nor Azah binti Awin, Senator Tuan Haji Abdul Rahman bin Palit, yang dijadualkan pada 30 Jun, Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin dan Senator Tuan Haji Ismail bin Kasim, pada 2 Julai serta Senator Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid, Senator Datuk Nor Azah binti Awin dan Senator Tuan Yew Tuan Chiew pada 8 Julai.

Tuan Yang di-Pertua, kerana soalan ini melibatkan ramai, banyak pertanyaan, maka saya minta izin untuk menjawabnya panjang sedikit. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa negara berhadapan dengan persekitaran luar yang semakin tidak menentu dan kini diburukkan lagi oleh kesan peperangan di Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang sekali lagi menjejaskan proses pemulihan ekonomi dunia secara keseluruhannya. Sebahagian besar daripada penganalisis ekonomi pula

meramalkan pertumbuhan ekonomi negara maju terutamanya Amerika Syarikat dan Jepun akan terus rapuh. Ini seterusnya akan memberi impak negatif ke atas negara lain, terutamanya negara membangun. Sebagai sebuah ekonomi terbuka dengan jumlah perdagangan melebihi 200% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar, Malaysia sedikit sebanyak turut merasai kesannya.

Oleh yang demikian, sebagai langkah untuk menangani segera persekitaran luar yang tidak stabil dan memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi negara berterusan, kerajaan telah mengumumkan pakej strategi baru pada 21 Mei yang lalu. Pakej ini yang digubal untuk mengukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang, memberi tumpuan untuk meningkatkan kegiatan ekonomi domestik supaya dapat mengurangkan pergantungan ekonomi negara kepada sektor luar.

Justeru, pakej ini lebih memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk menggerakkan semula sektor swasta terutamanya Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mempertingkatkan daya saing negara, membangunkan punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan, dengan izin, *delivery system*. Di samping itu, pakej ini turut mengandungi langkah-langkah spesifik bagi membantu mereka yang terjejas oleh wabak SARS.

Langkah-langkah yang telah diumumkan memberi manfaat kepada semua golongan sasaran di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pakej ini memberi penekanan kepada peniaga dan usahawan kecil yang terlibat dalam kegiatan pertanian dan bukan pertanian dengan menyediakan skim kredit mikro berjumlah RM1 billion melalui Bank Pertanian dan Bank Simpanan Nasional juga Amanah Ikhtiar Malaysia dengan kadar faedah rendah sebanyak 4% tanpa cagaran dan pinjaman maksimum sebanyak 20,000.

Bagi pengusaha IKS pula pakej ini juga menyediakan dana tambahan sebanyak RM1.2 billion di bawah tabung IKS dan Tabung Usahawan Baru serta TEKUN. Memandangkan kepada manfaat yang akan diterima oleh lebih ramai daripada golongan ini dan ianya pula secara langsung akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi maka operasi skim bantuan seumpama ini akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor luar bandar kerajaan menyediakan di dalam pakej ini sebanyak RM300 juta untuk infrastruktur dan *delivery system* luar bandar. Termasuk projek-projek seperti pembinaan jeti pemunggahan ikan, jalan ladang dan pusat pungutan keluaran pertanian. Bagi nelayan pula sebanyak 1000 bot yang dilengkapi dengan peralatan moden akan dibina untuk disewa beli oleh mereka.

Di samping itu, pakej ini juga menyediakan dana tambahan sebanyak RM1 billion bagi tabung untuk makanan. Pakej ini juga tidak ketinggalan menyediakan kemudahan kepada ibu tunggal dan menyediakan rumah pangsa untuk disewa beli dengan bayaran bulanan sebanyak RM50 sahaja. Selepas tiga tahun, mereka diberi pilihan untuk membeli unit berkenaan. Bagi ibu tunggal yang terlibat dalam perniagaan mereka juga diberi peluang untuk mendapat pembiayaan skim kredit terutamanya melalui skim amanah ikhtiar.

Bagi mereka yang menganggur terutamanya graduan dan pekerja yang ditawarkan VSS, mereka juga diberi peluang untuk mendapatkan latihan dan latihan semula. Bagi tujuan ini peruntukan dana sebanyak RM500 juta disediakan di bawah pakej ini khusus bagi membantu pelajar teknikal dan vokasional mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin terhadap industri pelancongan yang telah terjejas teruk akibat wabak SARS seperti hotel, restoran dan pengangkutan. Bilangan ketibaan pelancong pada bulan Mac 2003 telah merosot lebih 30% kepada 819, 000 orang daripada purata bulanan sebanyak 1.2 juta pada tahun lepas. Bagi membantu mereka yang terjejas pakej ini menyediakan langkah-langkah khusus yang dijangka akan memberi manfaat kepada semua yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perumahan juga mendapat peluang daripada langkah kerajaan dalam usaha menggerakkan lagi kegiatan industri pembinaan negara. Begitu juga dengan hasrat kerajaan untuk melihat rakyat terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah mempunyai keupayaan untuk memiliki kediaman yang selesa.

Untuk itu berbagai program telah disediakan di bawah pakej ini termasuk projek harapan iaitu harapan rakyat memiliki perumahan dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin kelancaran pelaksanaan kesemua 90 langkah di bawah pakej ini Kementerian Kewangan akan membuat pemantauan rapi serta menyelaraskan kemajuan pelaksanaan oleh setiap kementerian dan agensi serta akan mengemukakan laporan kemajuan kepada jemaah menteri setiap dua minggu. Kerajaan yakin pakej strategi baru ini dapat merangsang kegiatan ekonomi dalam negeri walaupun agak sukar untuk mengukur impaks sepenuhnya daripada pelaksanaan pakej ini dalam jangka pendek namun sambutan yang ditunjukkan oleh pelbagai pihak terutamanya dari segi keyakinan dalam ekonomi negara amat menggalakkan sejak ianya dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin menegaskan bahawa pakej ini bukan bertujuan untuk memancing undi pilihan raya seperti tohmahan setengah-setengah pihak seterusnya parti pembangkang. Sebaliknya pakej ini adalah merupakan usaha gigih kerajaan untuk terus merangsang dan mengukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Kita bersyukur ekonomi negara dalam suku pertama tahun ini telah meningkat sebanyak 4% berbanding 1.3% pada suku pertama tahun lepas, kerajaan yakin dengan sokongan padu semua lapisan masyarakat dan kerjasama sektor swasta pakej ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Insya-Allah pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 4.5% yang dianggarkan bagi tahun ini bukan hanya dapat dicapai malah mampu dicapai pada kadar pertumbuhan yang agak lebih baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Banyak pihak berpendapat bahawa eksport negara kita akan lebih kompetitif apabila tukaran wang asing kita mendapat tukaran yang rendah. Namun begitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pernah menyarankan supaya kita tidak terlalu bergantung kepada wang Amerika malah mencadangkan supaya di dalam soal penjualan kita mula memikirkan untuk menggunakan mata wang Eropah ataupun Euro, apakah kayu pengukur yang akan digunakan oleh negara kita supaya di dalam masa kita menambat kewangan kita dengan mata wang Amerika kita juga mengambil kesempatan untuk mengambil faedah dari kekuatan mata wang Eropah.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa negara kita banyak bergantung kepada eksport tetapi eksport kita terus kompetitif walaupun banyak faktor-faktor negatif yang melanda kita tetapi eksport kita akan terus kompetitif sehingga setakat ini. Dan juga memandangkan kepada jatuhnya nilai Dollar Amerika dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering menasihatkan supaya syarikat-syarikat yang terlibat dengan urusan eksport dan import supaya menjual dalam Euro supaya dapat kita memperoleh dengan lebih dan membeli dalam bentuk USD. Kerana mengambil kesempatan daripada kejatuhan nilai USD dan kestabilan nilai Euro. Jadi kerana itu maka di masa-masa akan datang ini kita melihat bahawa negara kita terus kompetitif dari segi eksportnya dan di samping itu kita juga tidak terlalu bergantung kepada sesebuah negara. Misalannya dahulu Amerika merupakan pengimport barangan Malaysia yang utama tetapi sekarang ini kita telah mempelbagaikan kita punya eksport dan sekarang ini negara-negara ASEAN menjadi 'pengekspor' utama barang-barang kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Pengimport!

Tuan Hashim bin Ismail: Pengimport, maafkan saya, pengimport utama barangan-barangan kita iaitu lebih kurang 25% manakala Amerika hanya lebih kurang 20% lebih dan kita mempelbagaikan pasaran untuk kita eksport barangan kita, tidak hanya tertumpu kepada sesebuah negara seperti dahulu. Jadi dengan itu maka kita menjadi lebih kompetitif dan kita mengambil kesempatan dari setiap faktor luar yang berlaku daripada kejatuhan nilai Dollar Amerika pun kita ambil kesempatan dan daripada kestabilan Euro juga kita ambil kesempatan dan kerana itu dan kerana kecekapan kita dalam perkara ini maka eksport kita ataupun ekonomi kita terus berada di atas landasan yang kukuh dan *fundamental* kita terus berada di atas landasan yang kuat.

Oleh kerana itu maka kita dapat memacu ekonomi negara dengan baik dan kita terus dapat meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara kita untuk tahun ini setelah diambil kira semua faktor, kita masih berpendapat kita mampu mencapai 4.5%

pertumbuhan GDP, malah mungkin lebih baik dengan adanya rangsangan yang diumumkan oleh pihak kerajaan yang sedang dalam peringkat pelaksanaan sekarang ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. **Dato Mohamad Taha Ariffin** minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan pembangunan industri perfileman negara masih lagi belum bertapak dengan kukuhnya sungguhpun sudah berusia lebih setengah abad, apakah kajian dan analisis terperinci sudah dibuat mengenai keupayaan dan kelemahan Malaysia dalam bidang ini dan apakah langkah yang akan dibuat untuk memajukan industri ini ke tahap antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan melalui Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS) telah mengadakan beberapa kerjasama dengan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) dan Universiti Malaya (UM) untuk mengenal pasti masalah-masalah dan bidang-bidang yang perlu diberi perhatian dalam usaha membangunkan industri filem tempatan.

Antara kajian-kajian yang telah dilaksanakan adalah mengenai kajian penonton, masalah penulisan skrip dan profesionalisme dalam industri perfileman Malaysia. Antara perkara yang dikenal pasti adalah penulisan skrip yang mana didapati mutunya terlalu rendah. Hasil daripada kajian ini, langkah peningkatan kemahiran penulisan skrip telah dilaksanakan melalui kursus-kursus penulisan skrip jangka pendek secara bengkel selama satu minggu dan kelas Sijil Penulisan Skrip selama lebih kurang enam bulan.

Aspek kedua yang dikenal pasti adalah masalah modal. Filem dianggap satu pelaburan yang berisiko tinggi. Tiada badan-badan atau institusi kewangan yang sedia memberikan pinjaman bagi tujuan ini. Maka melalui FINAS, disediakan Skim Kemudahan Produksi (SKP) iaitu satu skim pinjaman mudah dengan maksimum RM500,000 bagi satu filem iaitu satu kadar yang telah ditingkatkan dari RM200,000 bagi satu filem pada masa pelancarannya pada tahun 1983.

Semasa negara dilanda kemerosotan ekonomi pada tahun 2000 di mana produksi filem berada pada peringkat paling minimum, kerajaan telah memutuskan peruntukan sebanyak RM12 juta bagi merencanakan aktiviti perfileman negara dengan memberi tumpuan kepada penerbitan filem bermutu. Filem Negara Malaysia dengan kerjasama FINAS telah diarah menerbitkan filem bagi tujuan ini. Sehingga kini filem Negara Malaysia dan FINAS telah berjaya menerbitkan filem 'Embun' dan 'Paloh'. Penerbit filem ini walau bagaimanapun ialah dari kalangan-kalangan swasta sebagai galakan kepada mereka. Di bawah program ini juga, peluang diberi kepada syarikat-syarikat perfileman swasta. Sehingga kini, dua filem telah diluluskan iaitu 'Pontianak Harum Sundal', malah diterbitkan oleh Pesona Picture dan 'Qaisy dan Laila' terbitan usaha sama Nizarman, Serangkai Holdings dan Warna Motion.

Aspek seterusnya adalah masalah tenaga mahir. Bagi tujuan ini, beberapa langkah telah diambil. Antaranya ialah melaksanakan program latihan jangka pendek dan jangka panjang secara formal dan tidak formal. Latihan secara formal adalah melalui pusat-pusat pengajian seperti Akademi Filem Malaysia dan lain-lain Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Manakala secara tidak formal adalah seperti menghantar penggiat-penggiat filem dan pelajar-pelajar menyertai latihan sambil kerja di dalam dan luar negara, bengkel-bengkel dan kursus-kursus jangka pendek. Penekanan kini diberi kepada golongan muda.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk membawa filem-filem Malaysia ke pasaran antarabangsa telah dimulakan oleh Kementerian Penerangan melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dengan melibatkan diri di pasaran filem di Cannes, Perancis dan *Hong Kong International Film Market*. Melalui program ini, FINAS telah mengambil inisiatif menyewa gerai di pasaran filem ini untuk digunakan secara percuma oleh pengeluar-pengeluar filem Malaysia bagi memasarkan filem mereka.

Dengan penyertaan pasaran ini secara berterusan setiap tahun, diharapkan Malaysia akan mampu menarik perhatian pengedar-pengedar filem di peringkat antarabangsa. Melalui penyertaan secara berterusan ini juga memberi peluang kepada pengeluar-pengeluar dan pengedar-pengedar filem Malaysia mewujudkan jaringan antarabangsa serta mengenal pasti apakah filem-filem yang diminati. Ini memudahkan mereka membekalkan filem-filem berkenaan.

Dato Mohamad Taha Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah prospek kerjasama (*cooperation*) di dalam bidang ini di antara negara-negara ASEAN? Adakah sudah dimulai ataupun belum lagi dijalankan?

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat Asia, kita ada hubungan antara negara-negara Asia melalui kerjasama SSIJ - kerjasama antara kerajaan dengan kerajaan di dalam negara-negara Asia ini. Kita sentiasa bekerjasama antara negara-negara di dalam Asia ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya ingin bertanya mengenai dengan komposisi dan tugas Lembaga Penapisan Filem sebab kalau kita menonton TV satelit ASTRO, kita akan dapati bahawa adegan-adegannya lebih seksi lagi, lebih ghairah, lebih menggiurkan, jauh lebih ganas, kadangkala menyentuh perkara-perkara yang sensitif seperti akidah agama Islam. Soalannya, adakah piawaian ataupun standard mekanisme penapisan filem oleh Lembaga Penapisan Filem Negara berbeza antara filem yang disiarkan melalui ASTRO yang merupakan hampir *direct transmission* dibandingkan dengan filem yang ditayangkan oleh TV1, TV2, TV3 dan ntv7. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan dari Yang Berhormat. Mengenai dengan penapisan filem di kementerian ini adalah di bawah Lembaga Penapisan Filem Malaysia iaitu di bawah FINAS. Semua filem tempatan atau luar negara yang disiarkan melalui penyiaran awam kita di TV1 dan TV2 atau RTM itu, sebelum ditayang, ditapis melalui Lembaga ini. Lembaga ini mempunyai garis panduan yang telah ditetapkan untuk menapis segala filem yang diterima sebelum ditayangkan di dalam media elektronik kerajaan.

Walau bagaimanapun, bagi RTM, kita menafikan bahawa terdapat unsur-unsur lucah atau adegan yang kurang sopan di dalam program-program yang disiarkan melalui TV1 dan TV2. Sementara di stesen-stesen penyiaran yang lain, juga ditapis melalui Lembaga Penapisan Filem kecuali ASTRO, oleh kerana ia menyiarkan program-programnya melalui satelit yang mana sebelum disiarkan ia sendiri mempunyai jawatankuasa atau lembaga untuk menapis sebelum ditayangkan. Jadi ia tidak tertakluk kepada akta di bawah Kementerian Penerangan oleh kerana Akta Penyiaran ini sekarang di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia 1998 dan bukan di bawah kawalan Kementerian Penerangan. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang memberi jawapan dengan panjang lebar kepada soalan asal tadi. Cuma saya nampak, berdasarkan perbincangan antara saya dan rakan-rakan dalam industri perfileman, mereka mengatakan bahawa usaha pihak kerajaan amat baik, positif. Ertinya, yang terakhir umpamanya memberi peruntukan RM12 juta untuk FINAS. Akan tetapi, usaha ini nampaknya lebih banyak menuju kepada *ad hoc*, jangka pendek sahaja. Apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk melihat industri kreatif multimedia ini dengan lebih besar kerana wujudnya Koridor Raya Multimedia, ada pula perancangan tentang *e-Village*. Sepatutnya kita melihat industri kreatif multimedia sebagai terpenting di antara yang lain.

Oleh kerana itu, program yang lebih khusus dalam institut pengajian tinggi umpamanya, patut ditekankan seperti mana yang dibuat oleh salah satu IPT swasta yang begitu hebat sekali. Jadi kalau ini diberi tumpuan dan diberi peruntukan kewangan yang lebih daripada pihak kerajaan sendiri, bukan secara *ad-hoc* setakat dua belas juta untuk tiga atau empat produser filem. Pada saya ini lebih menjurus ke arah wawasan kita yang sebenar, ke arah melengkapkan kemahiran asas dalam dunia industri kreatif supaya dapat bersedia menyumbang secara positif dalam *e-Village* yang sedang dibaik pulih atau sedang

dibuat perancangan secara besar-besaran untuk lebih berkesan bagi menentukan Koridor Raya Multimedia akan berjaya sepenuhnya. Jadi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat daripada segi itu. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, industri perfileman di negara kita ini walaupun telah berjalan lebih suku abad, akan tetapi kita di negara ini kita melihat industri perfileman ini kita perlu melihat secara lebih meluas dan kita tidak boleh membandingkan di antara negara kita dengan negara luar terutamanya kita berpendapat bahawa faktor penting untuk menentukan kejayaan dan kemajuan sesuatu industri perfileman ini maju di dalam sesebuah negara bergantung juga kepada faktor-faktor seperti pasaran.

Di negara kita ini, pasaran kita tidak begitu luas seperti di negara-negara lain. Oleh sebab itu perkembangannya tidaklah nampak terlalu cepat. Oleh sebab itu walaupun kerajaan menyediakan peruntukan, mungkin dilihat tidak begitu banyak dan usaha-usaha tidak begitu drastik untuk meningkatkan lagi industri perfileman ini supaya bertaraf ataupun mencapai peringkat yang lebih yang dipanggil peringkat dunia tetapi kita telah mengambil segala langkah-langkah yang perlu termasuk kita menggalakkan pihak bank untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti yang saya sebutkan tadi bahawa melalui FINAS kita telah pun menyediakan peruntukan berjumlah RM12 juta untuk memajukan lagi industri perfileman ini.

Oleh sebab itu penerbit, pengusaha, syarikat-syarikat tempatan juga perlu mempertingkatkan daya saing mereka sendiri untuk bersaing bukan sahaja di dalam peringkat industri tempatan tetapi sehingga kepada peringkat yang globalisasi supaya industri perfileman di negara kita ini akan mencapai tahap seperti yang dikehendaki oleh negara dan masyarakat kita. Terima kasih.

3. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah tindakan proaktif yang telah dan akan diambil oleh pihaknya untuk memberi taklimat kepada diplomat-diplomat atau perwakilan asing di Kuala Lumpur tanpa perlu menunggu arahan daripada pihak kepimpinan tertinggi negara dalam sesuatu isu yang melibatkan kepentingan negara kita.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini dari semasa ke semasa Kementerian Luar Negeri mengadakan taklimat-taklimat berkaitan isu yang melibatkan kepentingan negara kepada perwakilan-perwakilan asing di Malaysia. Selain daripada taklimat keselamatan kepada ketua-ketua perwakilan asing yang diadakan di Wisma Putra pada bulan Mei yang lalu, Kementerian Luar Negeri juga pernah mengadakan beberapa taklimat lain berkaitan isu dan perkara yang melibatkan kepentingan negara umpamanya isu epidemik SARS dan juga statusnya di Malaysia.

Sekiranya isu berkenaan hanya melibatkan negara-negara tertentu, Kementerian Luar Negeri juga akan memanggil ketua perwakilan negara tersebut atau wakilnya ke Wisma Putra bagi memberi penerangan dan penjelasan yang lebih lanjut supaya mereka lebih memahami persepsi dan pandangan Kerajaan Malaysia tentang isu tersebut. Kementerian Luar Negeri juga akan meneruskan usaha ini di masa hadapan bagi memastikan komuniti diplomatik di Malaysia menerima maklumat terkini dan tepat dari Kerajaan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain daripada memberikan maklumat kepada diplomat-diplomat kedutaan asing yang berada di Kuala Lumpur, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan wakil-wakil kita di negara-negara asing itu khasnya mereka yang mewakili kita di beberapa negara itu juga diberikan taklimat yang mencukupi supaya mereka boleh memberi maklum balas yang cepat kepada kerajaan-kerajaan asing sekiranya di sana juga ada persoalan-persoalan tentang pendirian Malaysia di atas sesuatu perkara itu. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bahawa dalam usaha kita untuk mempertingkatkan atau mengemaskinikan maklumat-maklumat kepada ahli-ahli atau perwakilan kita di luar negara semenjak tahun yang lalu kita telah pun siap mengadakan *networking* atau secara komputer dengan semua perwakilan kita di seberang laut.

Menerusi ini tiap-tiap hari Bahagian Penerangan akan menghantarkan maklumat-maklumat terkini yang melibatkan dari segi ekonomi, politik negara untuk memberikan atau memperkemas maklumat-maklumat di kedutaan-kedutaan kita dan terus menerusi kepada duta-duta ataupun perwakilan kita di luar negara.

Kedua, mereka juga dikehendaki untuk memberi maklum balas menerusi *internet* ini atau saluran-saluran yang khas untuk digunakan oleh perwakilan kita dan ialah secara *coded* atau secara sulit.

Yang ketiganya, kita menggalakkan atau mengusahakan atau bagi perwakilan kedutaan-kedutaan kita di luar negara untuk berhubung dengan pihak media dan juga pihak-pihak tertentu supaya saluran-saluran kita untuk memberi maklumat yang betul ataupun memperbetulkan mana-mana maklumat yang tidak betul di luar negara.

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat berhubung dengan tindakan kita dalam penerangan ini iaitu satu masalah yang telah melibatkan hubungan dua hala kita. Apa yang saya hendak tekankan ialah hubungan kita dengan Singapura. Kita lihat kita lebih berhati-hati dalam membuat sesuatu kenyataan, tindakan dan sebagainya, sedangkan di sebelah pihak sana kita lihat dalam mereka mengecam kita untuk sesuatu yang boleh memenangi hati masyarakat dunia dan antarabangsa mereka sanggup mendedahkan perkara-perkara sulit ataupun surat-surat sulit yang sepatutnya tidak didedahkan kepada *public* dan sebagainya.

Memandangkan perkara ini, kita berharap Wisma Putra harus berhati-hati dan kita di kalangan pegawai-pegawai kanan kita harus bersedia dalam segala hal. Kalau sekiranya kita diserang tidak berhenti-henti, kita juga bagi pihak kerajaan dalam mempertahankan maruah dan kedaulatan kita, maka harus mengambil tindakan menyerang balas supaya kita sentiasa berada di pihak yang benar. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa memang dalam perhubungan dua hala kita banyak masalah yang timbul dan kita berusaha untuk mengatasinya supaya ia dapat meredakan keadaan dan tidak sampai ke peringkat kita menyerang antara satu sama lain.

Mengenai perkara yang spesifik dengan Singapura ini, memang masalah ini adalah satu perkara yang kita boleh katakan dalam keadaan yang dikawal walaupun kita nampak kita tidak dapat mespekulasikan apa sebabnya mereka ini masih mengungkit-ungkit perkara ini walaupun kita telah mempersetujui dalam banyak perkara untuk mengambil tindakan-tindakan yang tertentu dan seterusnya berunding secara diplomatik dan juga secara mengikut undang-undang kita dan juga undang-undang antarabangsa dan juga perhubungan yang baik di antara dua negara.

Memang kita akan terus berusaha menjaga nama baik negara kita. Itulah tujuan kita yang utama dan juga menjaga kepentingan-kepentingan rakyat di negara kita, kedaulatan negara kita dalam mana-mana pun usaha-usaha atau tanggungjawab Kementerian Luar Negeri di dalam negeri dan juga di luar negara dan saya memastikan bahawa kita akan terus berusaha supaya kepentingan dan kita akan mencari jalan yang kita akan mengatasi masalah-masalah dua hala supaya tidak akan mencetuskan perkara yang tidak baik dan akan merugikan negara kita. Terima kasih.

4. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebagai langkah utama menjadikan pelabuhan-pelabuhan Malaysia sebagai industri maritim yang mampu bersaing dengan pelabuhan-pelabuhan strategik di seluruh dunia, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian berikutan tindakan Lembaga Pelabuhan Bintulu mengenakan bayaran pelabuhan yang terlalu tinggi berbanding lain-lain pelabuhan tempatan dan dunia.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya untuk makluman Yang Berhormat, caj perkhidmatan di Pelabuhan Bintulu termasuk caj mengenai caj gas asli cecair adalah berdasarkan kepada tarif yang telah diluluskan oleh kerajaan di bawah undang-undang kecil Lembaga Pelabuhan Bintulu. Penetapan caj dan tarif tersebut adalah dibuat berasaskan kepada beberapa faktor seperti berikut:

- (i) kajian dan cadangan yang dibuat oleh juru perunding yang telah dilantik oleh kerajaan bagi pelabuhan-pelabuhan Sabah dan Sarawak dan caj-caj ini adalah dianggap sebagai pada masa itu satu *scale* yang munasabah;
- (ii) dasar kerajaan bahawa semua pihak berkuasa pelabuhan adalah perlu beroperasi sebagai satu badan yang berdaya menyara diri dan juga satu badan yang berupaya untuk menanggung perbelanjaan operasi, susut nilai aset dan memiliki modal untuk pelaburan dan pembesaran pelaburan pelabuhan di masa akan datang;
- (iii) syarat pemberian pinjaman oleh ASEAN Development Bank dalam pembiayaan pembinaan Pelabuhan Bintulu yang menetapkan bahawa mengenakan caj yang membolehkan ianya beroperasi di atas prinsip-prinsip komersial yang baik;
- (iv) keperluan standard keselamatan pelabuhan LNG yang lebih tinggi dari segi reka bentuk, taraf dan kemudahan-kemudahan lain seperti penahan ombak yang melibatkan kos yang lebih besar berbanding dengan pelabuhan kontena-kontena konvensional.

Walau bagaimanapun, sekiranya caj tersebut menjadikan Pelabuhan Bintulu kurang berdaya saing ataupun begitu tinggi terutama sekali untuk pengguna utamanya LNG iaitu Petronas maka kerajaan melalui kementerian boleh berbincang dan kita telah pun memberitahu pihak Petronas supaya mengemukakan cadangan-cadangan yang tertentu bagi mengurangkan caj-caj ini.

5. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah respons dan reaksi segera yang telah diambil oleh kementerian dalam usaha memantau serta meningkatkan kualiti servis perubatan di hospital-hospital dan klinik-klinik awam memandangkan terdapat aduan orang ramai terhadap berlakunya kes-kes kecuai hospital sehingga menyebabkan komplikasi dan membahayakan kesihatan mereka seperti kesusilaan suntikan, alat pembedahan yang tertinggal dalam tubuh dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan amat peka terhadap pertuduhan orang awam mengenai kecuai di hospital. Dengan tujuan untuk meningkatkan kepercayaan dan kredibiliti institusi perubatan di negara ini, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Majlis Keselamatan Pesakit di peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Terma rujukan Majlis ini merangkumi penyiasatan semua aduan mengenai semua kecuai yang dilakukan oleh doktor-doktor di sektor awam dan swasta. Jawatankuasa Majlis ini juga akan mengesyorkan tindakan untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti dan juga bertujuan untuk dengan izin, *remedial rather than punitive*. Di samping itu, di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, Ketua Pengarah Kesihatan mempunyai kuasa untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penilaian Kematian Kebangsaan.

Jawatankuasa ini berfungsi untuk menerima dan menimbang maklumat yang berhubung dengan kematian boleh nila dan untuk menggalakkan penggunaan bus, tatacara perubatan, pembedahan dan teknologi perubatan yang selamat dan cekap. Di

samping itu, kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta perlu menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Kematian untuk menjalankan fungsi yang serupa.

Kementerian Kesihatan ada rancangan untuk menilai status kecekapan atau *competency* pengamal perubatan melalui sistem penilaian markah kredit sebelum mengeluarkan Sijil Amalan Perubatan. Pindaan Akta Perubatan 1971 akan dibuat untuk tujuan tersebut.

Dato' Lau Yin Pin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah benar pada keseluruhannya kualiti servis perubatan di hospital-hospital kerajaan telah merosot dari tahun ke setahun? Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu bagaimana Yang Berhormat sampai kepada pandangan tersebut kerana kita harus mempunyai statistik untuk mengatakan sedemikian dan kita selalu mengatakan taraf perkhidmatan kesihatan negara kita semakin hari semakin meningkat. Begitu juga belanjawan yang dikhaskan untuk Kementerian Kesihatan pun tiap-tiap tahun meningkat lebih kurang 20%.

Ini menunjukkan bahawa spesifikasi kesihatan kita adalah baik dan juga kita berhasrat untuk mencapai tahap negara-negara yang telah maju. Jadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tadi tidak tepat.

6. **Tuan Krishnan a/l Maniam** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah keberkesanan penggunaan komputer dalam pengajaran subjek Sains dan Matematik dan apakah langkah Kerajaan kepada sekolah-sekolah yang terletak di kawasan luar bandar yang mana tiada mempunyai bekalan elektrik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penggunaan komputer telah banyak membantu guru dalam meningkatkan mutu pengajaran. Guru-guru telah dapat meningkatkan kepelbagaian strategi pengajaran dengan menggunakan ICT. Peralatan ICT juga banyak membantu guru dengan memudahkan mereka menyediakan bahan pengajaran dalam menggunakan pelbagai aplikasi dari komputer seperti internet dan *power point*. Seterusnya, menjadikan pelajaran lebih menarik dan relevan.

Dapatan dari pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris menunjukkan peralatan ICT serta, dengan izin, *teaching courseware* telah digunakan oleh semua guru yang terlibat. Dari segi pelajar, dapatan pemantauan menunjukkan bahawa pelajar lebih berminat dengan pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Semua sekolah dibekalkan dengan peralatan ICT termasuk juga sekolah di luar bandar. Bagi sekolah-sekolah di kawasan pedalaman yang tiada bekalan elektrik, generator set atau *genset* digunakan. Peningkatan infrastruktur akan terus dibuat supaya sekolah-sekolah di pedalaman akan dapat bekalan elektrik yang stabil melalui usaha bersama kementerian-kementerian yang berkenaan. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen kerana soalan saya agak menyimpang sedikit daripada soalan asal iaitu saya ingin mengetahui berkaitan dengan status Sekolah Agama Rakyat kerana kita tidak mahu mereka ini ketinggalan khususnya dalam penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dan bilakah dijangka agar Sekolah Agama Rakyat ini dapat menyelesaikan masalah pengolahan atau kaji semula sistem kurikulumnya demi kepentingan anak bangsa agar mereka tidak ketinggalan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa soalan Yang Berhormat tidak terkeluar, sebab pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris yang telah kita mulakan di darjah satu, tingkatan satu dan tingkatan enam kemudiannya. Bagi menjawab itu saya terus terang ingin saya membuat pernyataan yang jelas dan saya rasa ini berulang kali saya buat di mana-mana pernyataan. Saya minta supaya pihak parti pembangkang terutama sekali PAS menghentikan kempen-kempen mereka yang

mengatakan pihak kerajaan mahu tutup Sekolah Agama Rakyat. Malah ada yang katanya ada bukti. Saya telah kata saya cabar pihak yang mengatakan bahawa pihak kementerian kita telah pun mengeluarkan satu arahan untuk menutup Sekolah Agama Rakyat. Ini tidak benar sama sekali.

Ini adalah tohmahan yang saya kira tidak berasas sama sekali. Tidak pernah pun kita mengeluarkan apa-apa arahan sekalipun, malah kita tidak pun mengatakan boleh tutup atau boleh buka, kita membiarkan kepada mereka, cuma kita menggalakkan murid-murid daripada Sekolah Agama Rakyat berpindah ke sekolah kebangsaan. Itu pun kita tidak memaksa, dia suka, dia datang, dia tidak suka tidak apa, kita berikan kebenaran. Soalnya mengenai dengan keadaan Sekolah Agama Rakyat, saya ingin menjelaskan juga bahawa kita tidak pernah menuduh mereka tidak berperanan sebelum ini. Mereka berperanan, tetapi akhir-akhir ini boleh dikatakan Sekolah Agama Rakyat tidak menyampaikan pendidikan yang sepatutnya diberikan.

Malah ada Sekolah Agama Rakyat digunakan untuk parti-parti tertentu. Jadi, terus terang saya katakan lebih baiklah kalau kita memindahkan anak-anak muda kita itu ke sekolah kebangsaan yang mana kita sudah siapkan dengan segala kemudahan, malah mata pelajaran agama pun kita siapkan. Insya-Allah, sedikit masa lagi selepas laporan Tan Sri Murad, kita harap pendidikan agama, bukan kita hendak mengubah apa-apa pun, kalau diperlukan tambahan dan sebagainya, itu akan kita ikuti. Sekali lagi, apa yang kita lakukan kepada Sekolah Agama Rakyat cuma kita hentikan per kapita geran itu kepada sekolah-sekolah berkenaan. Akan tetapi jangan lupa, Kafa masih kita berikan bantuan, yang ini kita tidak abaikan. Di pihak kita, kita masih berikan kelas fardu ain kepada anak-anak kita.

Jadi, jangan bimbanglah mengatakan bila tidak ada Sekolah Agama Rakyat nanti, anak kita tidak tahu sembahyang, anak kita tidak boleh membaca Muqaddam dan sebagainya, jangan membuat tuduhan. Kita semua buat dengan baik dan kalau boleh, minta juga kepada pembangkang khususnya PAS bekerjasama dalam hal ini untuk membina pendidikan anak-anak muda kita.

Perkara yang lagi satu yang ingin saya bangkitkan mengenai dengan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Terus terang saya katakan setakat ini bukanlah tujuan kita hendak menukarkan bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris, tetapi kita hendakkan anak-anak kita abad ke 21 ini adalah anak-anak muda yang baik - lingua mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini mengalu-alukan kunjungan hormat Honorable Mr. L. Moseki - *Chairperson of the Portfolio Committee of the Premier of North West Province of South Africa, welcome to the Senate. [Tepuk]*

7. **Datuk Nor Azah binti Awin** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan dan seterusnya menghakis amalan pecah amanah oleh pihak pengurusan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah dilaksanakan bagi memastikan Amanah Ikhtiar Malaysia mempunyai pengurusan yang berwibawa dan beramanah. Langkah-langkah ini adalah seperti berikut:

- (i) beberapa orang ahli baru telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Amanah Ikhtiar Malaysia, termasuk wakil Kementerian Kewangan dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) Lembaga Pengarah Amanah Ikhtiar Malaysia telah juga melantik Pengerusi dan Pengarah Urusan yang baru; dan
- (iii) dalam konteks *micro-credit* yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini, maka sejumlah RM200 juta yang disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia telah diletakkan di bawah

pengawasan Bank Pertanian Malaysia seperti yang diumumkan dalam pakej strategik baru-baru ini.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Nor Azah binti Awin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya ialah, adakah dalam perancangan pihak kerajaan mengenai langkah-langkah untuk menginstitusikan Amanah Ikhtiar Malaysia ini umpamanya, satu institusi yang dikhususkan kepada kredit mikro. Ini adalah mustahak terutama dengan apa Yang Berhormat *Parliamentary Secretary* mengatakan bahawa Amanah Ikhtiar Malaysia akan memainkan peranan yang amat penting dengan pendekatan baru kerajaan kepada strategi pertumbuhan dalaman yang digariskan dalam pakej rangsangan menjana ekonomi yang dilancarkan baru-baru ini, yang memberi pengkhususan kepada sektor usahawan dan perusahaan mikro, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui bahawa Amanah Ikhtiar Malaysia merupakan satu badan yang telah banyak memainkan peranannya untuk membantu kerajaan dan negara untuk sekurang-kurangnya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat. Akan tetapi, setakat ini Amanah Ikhtiar Malaysia adalah masih merupakan sebuah badan NGO dan mereka masih tidak tertakluk kepada mana-mana institusi seperti *micro-credit* dan cadangan Yang Berhormat itu setakat ini belum lagi dapat kita dipertimbangkan.

Bagaimanapun, kita ambil kira kerana tugas Amanah Ikhtiar Malaysia semakin mencabar dalam usaha kerajaan untuk membantu rakyat dan mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara kita. Akan tetapi setakat ini Yang Berhormat, ia masih lagi merupakan NGO dan tidak tertakluk kepada mana-mana institusi kerajaan seperti yang disebutkan tadi dan kita mengambil kira tentang perkara ini. Terima kasih.

K.R.A Naidu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan kerajaan telah memperkenalkan beberapa Skim Kredit Mikro melalui Bank Pertanian Malaysia (BPM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) di bawah pakej strategik baru bagi merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara, saya ingin tahu sama ada kerajaan akan meluluskan pemberian pinjaman melalui Amanah Ikhtiar Malaysia kepada semua kaum seperti amalan sekarang. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, di bawah pakej rangsangan yang terbaharu ini, kerajaan telah mengumumkan pengwujudan *micro-credit* – pinjaman *micro-credit* iaitu satu pinjaman yang mudah dalam usaha kerajaan untuk mengelakkan masyarakat kita, rakyat kita daripada pergi kepada Along untuk mendapatkan pinjaman kecil-kecilan seperti ini. Cuma, dalam konteks ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1 bilion di mana RM500 juta diletakkan di bawah Bank Pertanian Malaysia secara langsung dan RM300 juta diletakkan di bawah Bank Simpanan Nasional dan juga RM200 juta yang disalurkan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) diletakkan di bawah pengawasan Bank Pertanian Malaysia.

Itu sahaja perbezaannya, RM500 juta secara langsung di bawah Bank Pertanian, RM300 juta secara langsung di bawah Bank Simpanan Nasional dan RM200 juta melalui Amanah Ikhtiar Malaysia diletakkan di bawah pengawasan Bank Pertanian. Program ini akan berterusan memberikan pinjaman secara kecil-kecilan kepada rakyat di mana jumlah maksimum pinjaman ialah RM20,000 dan tidak dihadkan jumlah minimumnya dan satu keadaan pinjaman yang begitu mudah 4% dan kalau boleh, diluluskan dalam masa dua minggu, kalau dapat seboleh-bolehnya secepat mungkin dan tanpa ada cagaran dan dibayar berdasarkan kepada aliran tunai.

Ertinya, kalau dia boleh bayar seminggu sekali, dia boleh bayar seminggu sekali. Kalau dia mampu bayar hari-hari, dia boleh bayar hari-hari dan kalau dia mampu bayar tiga bulan sekali, setelah dapat hasil, maka dia boleh membayar dalam tempoh tersebut. Dalam keadaan yang longgar begini, mudah, maka kita berharap rakyat akan pergi kepada saluran ini dan bukan pergi kepada Along semasa mereka memerlukan bantuan dan pinjaman. Terima kasih.

8. **Dato' Dr. S. Vijayaratnam** minta Menteri Kerja Raya menyatakan perkembangan rancangan untuk membina suatu lebuhraya dari Seremban ke Kuala Pilah.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak ada perancangan untuk membina sebuah lebuhraya dari Seremban ke Kuala Pilah. Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan akan melaksanakan projek menaik taraf jalan yang sedia ada dari Seremban ke Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Pada mulanya kerajaan telah melantik sebuah syarikat untuk melaksanakan projek ini secara Skim Bayaran Tertanggung. Memandangkan harga tawaran yang dikemukakan oleh syarikat terbabit terlalu tinggi, maka kerajaan telah memutuskan supaya projek ini dilaksanakan secara tender terhad dengan pembiayaan secara Skim Bayaran Tertanggung. Buat masa ini, JKR sedang menyediakan dokumen tender. Adalah dijangkakan kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada tahun 2004.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan saya atas kehadiran Yang Berhormat Dato' Seri Menteri sendiri [*Tepuk*] untuk menjawab soalan mengenai kementerian beliau.

Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Dato' Seri dan saya minta maaf kerana ini soalan tempatan, *regional* sedikit, oleh kerana saya dari Negeri Sembilan. Adakah rancangan untuk projek lebuhraya-lebuhraya baru yang lain di kawasan Negeri Sembilan seperti dari Seremban terus ke Pahang atau Lebuhraya Ke-2, dari Seremban ke Kuala Lumpur, melalui Mantin, Semenyih dan Kajang? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, lebuhraya yang telah diluluskan oleh kerajaan, dari Kuala Lumpur ke Seremban melalui Kajang itu masih mempunyai banyak masalah oleh kerana kontraktor pertama yang telah dapat konsesi itu tidak berminat untuk meneruskan kerja-kerja.

Oleh kerana itu, satu kumpulan baru yang membeli konsesi itu mahu juga meneruskan dengan projek, mereka sedang urus dengan bank untuk mendapatkan pinjaman daripada bank. Saya percaya apabila ini selesai, kumpulan baru itu berminat dan mempunyai *calibre* atau kebolehan untuk menjalankan projek ini.

Jikalau kita ambil kira projek-projek di Seremban, kita ada juga satu projek jalan lingkar tengah di Seremban, untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan berhampiran Seremban dan juga di pusat bandar Seremban. Dengan pembinaan jalan itu, saya percaya bolehlah juga kita selesaikan masalah-masalah lebuhraya di sana.

Datuk Nor Azah binti Awın: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya dari Kuala Pilah. Soalan tambahan saya kepada pihak kementerian, kepada Yang Berhormat Menteri ialah kenapakah lebuhraya dari Seremban ke Kuala Pilah itu diasaskan kepada *deferred payment* atau bayaran tertunda. Adakah kajian menunjukkan bahawa *traffic flow*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dari Kuala Pilah ke Seremban ini tidak *viable*? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita ikut dengan pengiraan sedia ada sekarang, kerja itu boleh *viable* juga, tetapi pada permulaannya kita beri kontrak ini kepada satu syarikat bernama *Green Leaves Sdn Berhad*. Apabila surat tauliah sudah diberi kepada syarikat, seorang pengarah tukar nama Syarikat *Green Leaves* – *Green Leaves*, macam-macam dia taruh, tambah nama, dia kata kerja ini saya punya, bukan syarikat punya. Oleh kerana itulah kita sudah tanggung kerja itu dan beri kepada tender sekarang. Saya baru sahaja melalui jalan itu pergi ke Bahau, saya nampak banyak lalu lintas, tetapi saya percaya selepas kita dapat melaksanakan tender ini, saya harap kita boleh juga menurunkan kos bagi jalan itu.

Kerajaan telah memutuskan bahawa anggaran kos pada keseluruhan jalan ini ialah RM255 juta dan ini tidak termasuk kos pengambilan balik tanah. Kos pengambilan balik tanah ialah RM30 juta, jadi jumlahnya RM285 juta. Saya percaya dengan tawaran di

antara kontraktor, kita boleh juga mendapat harga yang berpatutan untuk melaksanakan kontrak ini.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada orang bukan Negeri Sembilan untuk bertanya. *[Ketawa]* Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini kita mendengar berita yang amat baik daripada Yang Berhormat Menteri sendiri tentang implementasi sistem *Touch N' Go* akan bermula pada 1 Ogos. Kita pun kata alhamdulillah. Ini satu langkah bijak dan amat baik.

Kemudian, kita dengar kata, ditangguhkan setahun lagi. Jadi, kita agak kurang faham, mengapa ditangguhkan. Apa permasalahan yang sebenarnya, apakah kerajaan tidak begitu tegas dengan sesetengah syarikat yang agak liat untuk mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan? Jadi, rakyat menunggu *Touch N' Go* ini dengan begitu hebat sekali kerana boleh pakai juga di *shopping complex* dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sistem *Touch N' Go* itu sudah diluluskan lebih kurang 5 tahun dahulu. Walaupun tiap-tiap tahun kita minta syarikat-syarikat untuk menukar sistem yang mereka punyai kepada satu sistem di mana rakyat jelata yang menggunakan jalan itu boleh juga menggunakan satu kad sahaja untuk perjalanan di mana-mana, seluruh Persekutuan atau di mana-mana, tetapi syarikat itu walaupun berjanji akan menukarkan sedikit masa nanti, sudah lima tahunlah. Sekarang saya tetapkan tarikh iaitu 1 Ogos. Pada masa itu *Touch N' Go* akan dipasang di semua syarikat-syarikat konsesi. Kita juga akan menutup semua *gates* yang sedang beroperasi oleh syarikat-syarikat konsesi dengan sistem sendirinya.

Mereka sekali lagi minta enam bulan. Enam bulan itu pun sudah beri enam bulan dahulu. Enam bulan dahulu sudah beri enam bulan, minta lagi enam bulan, lagi minta enam bulan. *[Ketawa]* Dia pandai minta enam bulan, enam bulan. Saya kata, kali ini dengan serta merta saya gazatkan, sesiapa menggunakan sistem ini selepas tarikh 30 Jun, ini salah. Jadi, satu sistem sahaja boleh diguna. Mereka berjumpa lagi dengan Kementerian Kewangan, kementerian ini, pusing-pusinglah semua, pada akhirnya perkara ini telah dibangkitkan ke Jemaah Menteri. Jemaah Menteri telah bersetuju, oleh kerana mereka memohon untuk mendapat sedikit masa lagi.

Kita akan memasang siap sebelum 31 Julai. Pada 1 Ogos semua syarikat konsesi akan mempunyai sistem *Touch N' Go*, tetapi sesiapa yang telah mempunyai sistem lama itu, mereka diberi tempoh masa setahun untuk menyelesaikan hutangnya, dia punya bayaran, siapa yang jual kadnya, kad mereka jual untuk RM500, RM600, RM1,000 ada juga. Jual lebih, kutip lebih duitlah. Ha, ini semua dia tidak tahu bagaimana mahu selesai.

Oleh kerana itu, kita beri dia setahun lagi. Setahun sudah selesai di negeri ini ada satu sistem sahaja, sistem itu *Touch N' Go* atau *Smartcard*. Syarikat ini pun bukanlah syarikat swasta, syarikat ini ialah syarikat kerajaan. Saya minta Jemaah Menteri, kita mesti mengadakan satu sistem, sistem ini boleh digunakan di mana-mana *toll gate*, jika mereka mahu. Jadi, saya harap pada 1 Ogos, kita akan mengadakan semua sistem di semua plaza tol di seluruh negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Dato' Seri S. Samy Vellu yang telah dapat menghilangkan banyak kesangsian terutama tentang *Touch 'N Go*, Jalan Seremban – Kuala Pilah dan sebagainya. Rupanya bukan salah kementerian, banyak pihak terlibat. Terima kasih. Dijemput Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam.

9. **Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah pihak kementerian memberi peluang kepada kaum ibu tunggal bagi mengikuti kursus-kursus MLVK yang dianjurkan oleh pihak kementerian.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latif Ahmad]: Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) tidak menetapkan apa-apa syarat kemasukan yang menghalang ibu tunggal ataupun bapa tunggal untuk mengikuti kursus-kursus Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Oleh yang demikian, kaum

ibu tunggal turut mempunyai peluang yang sama untuk mengikuti kursus-kursus di pusat-pusat yang ditauliahkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya bagi mengemukakan soalan tambahan. Sebenarnya saya bukan ibu tunggal tetapi saya sangat prihatin kepada kaum ibu tunggal,

Timbalan Yang di-Pertua: Ha, itu penting beri penjelasan.

Puan Siw Chun a/p Eam: [*Ketawa*] ...yang kena sara anak yang masih kecil selepas ditinggalkan suami. Mereka hilang mata pencarian dan tiada hala tuju dan saya difahamkan mereka hanya dapat bantuan ehsan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memang tidak mencukupi bagi menyara keluarga mereka. Saya memegang kepada satu *philosophy* yang mengatakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*Give me a fish, I eat for a meal, but if you teach me to fish, I eat a lifetime*", dan soalan tambahan saya, apakah kursus-kursus yang terkandung dalam kursus MLVK dan apakah kriteria-kriteria yang membolehkan mereka mengikuti kursus ini?

Adakah ia terhad kepada umur atau tahap pendidikan? Selepas pelatih-pelatih ini tamat kursus dan memperolehi sijil dan ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan, adakah pihak kementerian menyediakan tabung khas untuk memberi pinjaman ataupun bantuan kewangan bagi mereka dijadikan modal permulaan perniagaan mereka? Sekian, terima kasih.

Dr. Abdul Latif Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Bukan Yang Berhormat sahaja yang prihatin, saya ingat yang dalam Dewan ini juga prihatin tentang nasib ibu-ibu tunggal dan bapa tunggal. Ada dua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pertama jenis-jenis kursus dan jenis-jenis kelayakan. Sebenarnya kita ada 600 jenis kursus yang dibuka kepada semua orang termasuk ibu tunggal tetapi rekod yang kita dapat, yang paling menjadi daya tarikan kaum wanita termasuk ibu tunggal adalah dua kursus. Satu, kursus jahitan, satu lagi kursus jurugaya, kira macam mak andam. Kalau kita katakan mak andam ini tidak komersial, kalau cakup jurugaya dia lebih glamor.

Timbalan Yang di-Pertua: Istilah baru juga ini Dr. Abdul Latif Ahmad.

Dr. Abdul Latif Ahmad: Ini diluluskan oleh DBP, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Jurugaya.

Dr. Abdul Latif Ahmad: Jurugaya. Kelayakan untuk mengikuti kursus-kursus ini amat mudah. Mesti warganegara Malaysia, 18 hingga 49 tahun, 18 hingga 49 ini kita tetapkan kerana untuk memudahkan mereka mendapat pinjaman daripada Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) yang boleh kita bahagi semaksimum RM5,000 seorang setahun. Jadi, tahap kemasukan - kelulusan tidak ada kerana jenis-jenis kursus ini bergantung bukan berdasarkan kepada akademik tetapi berasaskan kepada kemahiran. Jadi asal ada kemahuan, di situ ada peluang.

Setakat ini kementerian tidak ada peruntukan khas untuk mereka yang sudah dapat pensijilan yang kita panggil Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Satu hingga Tahap Lima. Kalau hendak pinjam, kalau keluar sekarang boleh pinjam daripada skim-skim mikro kredit yang disediakan RM1 bilion. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah selesai]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 2003 Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan kali bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang", [30 Jun 2003]

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan ini dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung menjawab.

11.16 pagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung penggulangan semalam dengan menyentuh isu berhubung pelupusan barang-barang yang disita. Beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu ini. Pindaan ini menggantikan perkataan "dimusnahkan" kepada perkataan "dilupuskan" bagi memberi budi bicara kepada pegawai hak cipta untuk menentukan cara-cara yang sesuai barang-barang yang disita dilupuskan dan tidak terhad kepada dimusnahkan sahaja. Ini adalah perlu kerana adalah tidak praktikal dan membazir jika semua barang-barang yang disita dimusnahkan sedangkan ianya masih mempunyai nilai-nilai ekonomik atau boleh digunakan lagi.

Kita ambil kenderaan sebagai contoh, kenderaan yang disita. Kenderaan yang masih elok boleh dilupuskan dengan cara yang praktikal seperti dijual melalui lelong atau sebagainya. Tanpa pindaan ini, kenderaan tersebut mesti dimusnahkan begitu juga dengan jentera-jentera yang disita dan sebagainya. Manakala jentera-jentera yang disita boleh juga didermakan kepada pihak-pihak tertentu seperti sekolah-sekolah ataupun Henry Gurney Boys' School dan lain-lain yang dari masa ke semasa memohon jika ada jentera ataupun barang-barang yang boleh didermakan. Namun begitu barang-barang yang disahkan sebagai salinan larangan atau cetak rompak, cara pelupusan adalah dengan memusnahkannya supaya tidak boleh digunakan lagi.

Bagi maksud melupuskan barang-barang yang disita iaitu barang salinan larangan atau barang-barang cetak rompak. Bagi maksud melupuskan barang-barang itu, kementerian telah menyediakan garis panduan pelupusan yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai. Di samping itu pegawai juga adalah tertakluk kepada prosedur-prosedur kewangan yang berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak, tidak hadir hari ini - telah pun membangkitkan perkara premis yang ditakrifkan di bawah peruntukan Akta Hakcipta 1987 yang sedia ada, premis ditakrifkan bagi meliputi tempat-tempat terbuka. Dengan itu setiap pemeriksaan di tempat-tempat terbuka seperti gerai-gerai di tepi jalan, di pasar-pasar malam dan sebagainya perlu dibuat dengan satu waran geledah yang dikeluarkan oleh Majistret. Sama seperti pemeriksaan ke atas premis-premis tetap. Keadaan ini menyukarkan tindakan-tindakan penguatkuasaan kerana aktiviti-aktiviti perniagaan di tempat-tempat terbuka lazimnya tidak mempunyai alamat tetap, berpindah randah dan proses mendapatkan waran geledah boleh menyebabkan kelewatan mengambil tindakan terhadap pihak-pihak terbabit dan pihak-pihak berkenaan juga dengan mudah boleh melarikan diri.

Cadangan pindaan ini tidaklah bermakna perniagaan CD, VCD atau bahan-bahan cakera optik yang lain dibenarkan di tempat-tempat terbuka. Ianya masih diharamkan selaras dengan keputusan kerajaan yang telah dibuat pada Ogos 2001. Dengan pindaan perkataan 'premis terbuka' dipotong daripada takrifan asal itu menjadikan premis bermaksud 'tempat-tempat tertutup sahaja' dan hanya tindakan di premis seumpama ini memerlukan waran geledah. Jika pindaan ini diluluskan, pegawai-pegawai tidak lagi perlu mendapatkan waran geledah untuk melakukan pemeriksaan di tempat-tempat terbuka. Jadi, ini akan membawa kesan yang lebih baik dalam masa yang lebih singkat.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Datuk Hajah Dayang Mahani telah pun membangkitkan soalan mengenai hukuman yang dikenakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan berhubung cetak rompak. Peruntukan mengenai penalti di bawah Akta Hakcipta 1987 yang dikemukakan untuk pindaan ini adalah mencukupi sebagai *deterrent* kepada pesalah-pesalah.

Jika dibandingkan dengan negara-negara lain, undang-undang yang dipinda ini adalah lebih ketat. Sebagai contoh, di Singapura, hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan cetak rompak ialah denda sehingga S\$10,000 bagi setiap artikel dan maksimum sebanyak S\$100,000 atau penjara sehingga tempoh tidak melebihi lima tahun.

Kita pula akan mewujudkan denda minimum dan denda maksimum iaitu minimum sebanyak RM2,000 dan maksimum sebanyak RM20,000 bagi setiap salinan langgaran. Jadi, kalau ada 100 kesalahan, denda adalah sehingga RM2 juta tetapi itu adalah maksimum, minimum RM2,000 bagi setiap artikel. Di Singapura umpamanya, tidak melebihi S\$100,000 bagi berapa banyak artikel yang disita sekalipun. Bagi kesalahan berhubung pemilikan peralatan dan mesin untuk membuat salinan langgaran, denda minimum ialah RM4,000 dan maksimum RM40,000. Dari segi hukuman penjara pula, pesalah-pesalah boleh dikenakan penjara lima tahun bagi setiap salinan langgaran dan sepuluh tahun bagi pemilikan peralatan dan mesin.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan undang-undang kita adalah ketat jika perbandingan dibuat dengan negara-negara maju seperti Jepun, United Kingdom, Australia dan New Zealand. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Christina Tibok Vanhouten telah membangkitkan masalah pengeksporan dan meminta kementerian memantau pengeksporan CD dan VCD ke negara-negara luar. Kementerian di samping menjalankan tindakan-tindakan penguatkuasaan di peringkat pengilang, stokis dan juga peruncit, pemantauan juga dibuat di pintu-pintu masuk bagi membendung pengimportan dan pengeksporan CD dan VCD haram. Kawalan-kawalan dilakukan dengan kerjasama pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Malaysia Airport Berhad dan syarikat-syarikat penghantaran cepat bagi menyekat pengeksporan itu. Tindakan-tindakan ini juga dijalankan secara berterusan oleh kementerian dan pihak-pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga menyentuh tentang perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Christina Tibok Vanhouten mengenai tindakan USTR. Kementerian sedar Malaysia diletakkan di antara 23 buah negara di dunia dalam kategori *Watch List* oleh pihak *US Trade Representatives* iaitu pada mulanya, Malaysia di dalam kategori *Watch List Priority* dan selepas beberapa tindakan, mereka menurunkan kita sebagai *Watch List* sahaja. Ertinya mereka berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan.

Walaupun demikian, kementerian sangsi dengan penggredan tersebut kerana asasnya tidak jelas. Pihak berkenaan hanya mendapat, tidak tahu input dari mana, tetapi kita anggap ia adalah input dari pihak industri dalam membuat penilaian tanpa merujuk kepada pihak kementerian. Kementerian mahu tahu dari mana mereka dapat statistik ini dan apakah asas mereka membuat kategori ini? Adakah benar atau tidak kementerian telah pun menghubungi pihak industri tersebut di dalam negara dan minta pihak industri mengemukakan statistik-statistik yang mereka punyai untuk menentukan bahawa Malaysia merupakan satu daripada 23 buah negara yang perlu dimasukkan dalam *Watch List*? Sampai sekarang tidak ada apa-apa respons yang diberikan.

Oleh itu, adalah wajar kita mempersoalkan ketepatan dan kesahihan laporan tersebut. Kita masih menunggu dan sehingga kita menerima laporan, kita tidak begitu puas hati mengenai apa yang mereka buat untuk memasukkan negara dalam *Watch List*. Ini bukan bererti kita tidak akan meneruskan tindakan-tindakan kementerian untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bagi membasmi atau membanteras kegiatan-kegiatan cetak rompak. Undang-undang baru, pindaan-pindaan bagi undang-undang dan juga lain-lain keputusan yang diambil oleh pihak kerajaan akan diteruskan.

Cuma kita tidak puas hati bahawa kerajaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga beberapa kementerian lain termasuk Kementerian Dalam Negeri dalam hal filem pornografi dan mereka berkuasa untuk mengambil tindakan

dan juga lain-lain agensi termasuk Jabatan Kastam dan lain-lain. Walaupun mereka telah mengambil tindakan-tindakan yang lebih daripada negara-negara yang berhampiran atau banyak negara dalam dunia....

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: [Bangun]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', Datuk Mansor minta laluan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Habiskan ayat dahulu.

Dato' S. Subramaniam: Saya habiskan ayat dahulu. Walaupun kita telah ambil tindakan dan juga mengemukakan undang-undang yang perlu untuk meningkatkan kerja-kerja penguatkuasaan tetapi penyenaiaan negara kita dalam senarai *Watch List* itu tidak menyenangkan ataupun tidak mencerminkan usaha-usaha dan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Mansor.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ada soalan pendek untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan industri ataupun kerja-kerja membuat cetak rompak ini satu perkara yang lumayan oleh mereka yang melakukan dan pihak kementerian serta pihak berkuasa memerlukan kerjasama daripada orang ramai, untuk kita sama-sama membanteras kegiatan ini tentulah maklumat-maklumat yang lebih tepat untuk mengesan kegiatan ini datangnya daripada maklumat-maklumat orang ramai.

Persoalannya seperti juga perkara-perkara larian cukai dan sebagainya, pihak Kastam ada menyediakan insentif tertentu kepada pemberi maklumat dan perlindungan tertentu diberikan kepada mereka yang memberi maklumat. Adakah pihak kementerian mempunyai peruntukan seperti itu untuk memberikan insentif kepada mereka yang memberikan maklumat, kerana ianya melibatkan wang yang begitu banyak. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jadi, penjelasan dan jawapan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan pindaan telah selesai. Bagi Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai kegiatan cetak rompak, yang pertama pihak kerajaan dan kementerian telah mengambil satu keputusan dan pendirian yang tegas untuk membasmu ataupun menjalankan aktiviti-aktiviti untuk membanteras cetak rompak. Itu yang pertama. Kita akan teruskan kerja itu.

Yang kedua, kita juga minta kerjasama daripada industri, dari industri supaya mereka menimbang semula mengenai kos. Selepas kita telah dapat respond daripada industri yang memuaskan, barulah kerajaan membuat keputusan supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan-tindakan yang wajar untuk menentukan harga ataupun menjadikan barang-barang ini di bawah kategori *controlled items* dan menentukan harga yang berpatutan bagi barang-barang.

Jadi, bagi orang ramai, kita juga minta supaya memberi perlindungan kepada hak cipta, kepada penemuan-penemuan melalui paten dan juga seluruh hak-hak di bawah *intellectual property* atau harta intelek, kita juga telah meminta pihak orang ramai supaya memberi kerjasama, membeli barang-barang tulen dan jangan membeli barang-barang yang tiruan.

Saya sampai ke tahap kata, kalau tidak dapat mampu membeli barang-barang tulen, oleh kerana harganya begitu tinggi, jangan beli barang-barang itu. Barang-barang filem, muzik dan lain-lain bukan merupakan barang-barang perlu, ia bukan barang-barang perlu seperti makanan dan minuman. Jadi, sehingga itu kita telah menyeru bukan bererti boikot barang-barang tulen, beli barang-barang tulen, kalau tidak dapat beli oleh kerana harga itu bukan *affordable*, boikot barang-barang itu, oleh kerana barang-barang itu bukan merupakan barang-barang yang perlu.

Pihak kementerian memang ada skim yang memberi insentif kepada sesiapa sahaja yang akan mengemukakan maklumat kepada kementerian untuk menangkap ataupun menjalankan serbuan terhadap syarikat-syarikat yang mengeluarkan barang-barang langgaran. Kita ada skim insentif dan skim insentif ini telah dikemukakan pada dua tahun dahulu apabila satu pasukan petugas khas ditubuhkan oleh pihak kementerian untuk menangani masalah yang wujud di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan itu, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang yang dikemukakan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' S. Subramaniam, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, atas jawapan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.37 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]:
Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Pindaan-pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 ini bertujuan untuk menangani isu-isu keadilan sosial yang wujud dan keseragaman sistem *insolvency* dengan izin, sejagat berdasarkan kepada perubahan-perubahan tahap kehidupan masyarakat serta cabaran-cabaran globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha murni kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang, pindaan ini memasukkan satu peruntukan baru untuk membezakan penjamin-penjamin iaitu penjamin sosial dan penjamin biasa.

Penjamin sosial adalah penjamin untuk maksud biasiswa atau pinjaman pendidikan, penyelidikan, pembelian kenderaan peribadi dan perumahan untuk kegunaan peribadi. Manakala penjamin biasa ialah penjamin untuk semua jenis transaksi selain daripada apa yang telah disebutkan.

Perbezaan ini membolehkan penjamin sosial diberi perlindungan sewajarnya daripada tindakan sebahagian besar pemiutang yang mengambil jalan mudah dengan membuat tuntutan hutang terus daripada penjamin tanpa berusaha untuk mendapatkan daripada peminjam atau merealisasikan harta peminjam terlebih dahulu.

Peruntukan baru di dalam Seksyen 5 dimasukkan supaya pihak pemiutang tidak dibenarkan memulakan prosiding kebangkrapan terhadap penjamin sosial melainkan setelah berjaya memuaskan hati mahkamah bahawa segala usaha untuk mendapatkan hutang dari peminjam telah diambil terlebih dahulu sebelum tindakan diambil terhadap penjamin sosial.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada keadaan kuasa membeli yang sentiasa menurun dan kos sara hidup yang sentiasa meningkat, maka pindaan menaikkan kuantum hutang bagi membolehkan tindakan kebangkrapan diambil iaitu daripada RM10,000 kepada RM30,000 serta amaun maksimum boleh dipinjam oleh seorang bankrap daripada RM100.00 kepada RM1,000.00 wajar dibuat.

Kenaikan kuantum bagi memulakan prosiding kebangkrapan ini tidak sepatutnya menjadi penghalang kepada institusi-institusi kewangan memberi pinjaman kepada pinjaman-pinjaman yang kurang daripada kuantum tersebut. Pemiutang sebenarnya masih boleh mengambil tindakan melalui prosiding-prosiding lain seperti *writ* saman, saman penghutang kehakiman, *writ* penyitaan dan penjualan dan apa-apa *remedy* lain yang terdapat di dalam undang-undang lain untuk menuntut bayaran ataupun hutang tersebut.

Usaha-usaha untuk memelihara kebajikan orang bankrap daripada terus dibebani dengan hutang yang tidak sepatutnya ditanggung, pindaan dibuat terhadap pengiraan kadar faedah penalti atau bunga di dalam Jadual C kepada Akta ini. Pindaan dibuat supaya kadar pengiraan bunga berhenti pada tarikh perintah penerimaan diberikan oleh mahkamah. Peruntukan ini terpakai dalam hal apabila tiada kadar bunga dirizabkan atau dipersetujui sama ada terdapat surat bertulis atau tidak bagi maksud pembayaran hutang tersebut.

Pindaan ini akan memberikan keadilan sosial kepada peminjam kerana sebab-sebab berikut:

- (i) penerusan pengiraan kadar faedah selepas perintah penerimaan bertentangan dengan konsep perlindungan kepada individu atau syarikat di dalam Akta Kebankrapan 1967;
- (ii) pemberhentian ini memberi ruang kelegaan kepada peminjam untuk melunaskan hutang-hutang beliau tanpa dibebani dengan penalti faedah; dan
- (iii) ia merupakan konsep keadilan sosial iaitu tidak membebankan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sentiasa berusaha untuk mempercepatkan apa juga proses kerja di dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat. Berasaskan kepada aspirasi tersebut, pindaan kepada seksyen 33B Akta ini dibuat dengan memberi kuasa kepada Pegawai Pemegang Harta untuk mengeluarkan Sijil Pelepasan hanya dengan memberi notis dan tanpa perlu lagi menyediakan alasan bagi pelepasan yang dibuat. Langkah ini menjurus kepada pengeluaran Sijil Pelepasan dengan lebih cepat.

Sehubungan dengan itu, pindaan dibuat dengan memasukkan seksyen baru 84A supaya Ketua Pengarah Insolvensi mempunyai kuasa seperti mana kuasa Pesuruh Jaya Polis bagi melicinkan dan mempercepatkan tugas-tugas siasatan dan penguatkuasaan di bawah Akta Kebankrapan. Ini akan menjana kepada peningkatan keyakinan dan rasa hormat semua pihak kepada kemampuan Jabatan Pemegang Harta di dalam mengendalikan urusan insolvensi.

Berpandukan kepada perkembangan yang berlaku di negara-negara maju, peranan dan fungsi Jabatan Pemegang Harta serta amalan tata nama jawatan di dalam jabatan Kerajaan Persekutuan, nama jawatan Pegawai Pemegang Harta sudah wajar dipinda kepada Ketua Pengarah Insolvensi. Jawatan-jawatan ini adalah turut dipinda selaras dengan gelaran ketua jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain yang tidak dinyatakan adalah merupakan pindaan-pindaan kecil atau berbangkit sahaja. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui.

11.45 pagi.

Datuk William Lau Kung Hui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim dalam menjalankan tugasnya serta mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam perkara yang diuruskannya. Saya sentiasa menunggu kedatangannya di Dewan ini untuk mendengar ucapannya yang bernas, tepat dan padat ketika beliau mengulang dan menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa komen dan pandangan bukan sahaja terhadap Rang Undang-undang ini tetapi juga terhadap Akta ibu. Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, Rang Undang-undang ini memang tepat dan kena pada masanya dibentangkan di Dewan yang mulia ini, dan saya memang mengalu-alukan cadangan ini terutamanya tentang cadangan untuk menaikkan jumlah dari RM10 kepada RM15 apabila seseorang boleh diisytiharkan bankrap kerana memandangkan jumlah ini buat masa sekarang ini tidak dapat dielakkan kerana perkembangan ekonomi dan nilai wang semasa.

Dalam hubungan ini, saya suka menambah bahawa kerajaan perlu berhati-hati dalam menetapkan jumlah kewangan yang sesuai kerana jika jumlahnya terlalu tinggi, ia akan menafikan hak orang atau badan yang mengeluarkan pinjaman untuk menuntut hutangnya, tetapi jika ia terlalu rendah seperti keadaan sekarang, terlalu ramai pula orang yang dijadikan bankrap dan akibatnya lebih menyusahkan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, antara beberapa pindaan yang dicadangkan, saya perhatikan bahawa cadangan di bawah Fasal 5 meminta seksyen 33B Akta ibu, akan memberikan Pegawai Pemegang Harga suatu kuasa yang luas, di mana dialah orang yang berkuasa untuk menentukan nasib seorang bankrap. Mengikut pindaan ini, dia tidak perlu lagi mengemukakan sebab kepada pihak peminjam atau kreditor untuk membebaskan seorang bankrap dengan syarat orang itu telah menjadi bankrap selama lima tahun atau lebih.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan ini, saya suka bertanya kepada pihak yang berkenaan, adakah terdapat atau dibuat apa-apa garis panduan bagi memantau Pegawai Pemegang Harta untuk menjalankan tugas ini. Jika tidak, sebarang bantuan, adakah betul jika saya katakan secara umumnya, sesiapa sahaja yang diisytiharkan bankrap selama lima tahun atau lebih, dia layak dilepaskan dari kebangkrapan seolah-olah menjadi suatu hak kepadanya, apatah lagi bilamana Pegawai Pemegang Harta tidak diperlukan memberikan sebarang sebab di atas keputusannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, tugas Jabatan Kebankrapan ialah untuk mengadili semua kos kebangkrapan menurut undang-undang. Oleh itu, adalah amat wajar jabatan ini diisi oleh penjawat yang profesional lagi terlatih. Oleh itu, saya memang mengalu-alukan Fasal 7. Saya berharap para pegawai yang menjalankan tugasnya akan sentiasa adil dan menimbangkan kepentingan menjaga hak pemberi pinjaman, penjamin dan peminjam. Hanya apabila berlaku perimbangan yang tepat antara pihak-pihak tersebut, haruslah urusan pinjaman akan berjalan dengan lancar, malahan akan memesatkan lagi perkembangan ekonomi di negara itu. Jika kerajaan terlalu menjaga kepentingan satu pihak

sahaja, saya yakin perkembangan ekonomi akan terjejas. Pelbagai pertikaian juga boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada pihak yang berkenaan, ada berapa banyakkah pejabat pegawai kebangkrapan harta di Sarawak. Setakat saya tahu pejabat-pejabat cawangan terdapat di Kuching, Sibu dan Miri sahaja. Sejauh mana saya tahu berkenaan dengan pejabat di Sibu, saya dapati ia tidak pernah diisi oleh pegawai yang berpengalaman. Hanya baru-baru ini sahaja baru ia diisi oleh seorang pegawai yang berpengalaman.

Dalam hubungan ini, saya ingin tahu adakah betul jika saya katakan bahawa di Sibu, Sarawak terdapat banyak kes kebangkrapan yang tidak dikendalikan dengan baik dan masih tertunggak. Jadi, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pejabat kebangkrapan di Sibu untuk mengatasi masalah ini dan memastikan tidak ada lagi kes-kes kebangkrapan yang tertangguh. Saya berpendapat masih banyak yang perlu dilakukan oleh jabatan ini meningkatkan *practitioner*. Saya cadangkan adalah lebih baik jika jabatan ini mempunyai entiti sendiri untuk mengurangkan karenah birokrasi. Lagipun bila sampai masanya jabatan ini diberikan kepercayaan untuk mengendalikan jabatannya sendiri tanpa Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mengalu-alukan cadangan di bawah Fasal 3C. Di bawah rang undang-undang ini untuk meminda konsep penjamin di mana kini dibezakan di antara penjamin sosial dan penjamin korporat. Di bawah undang-undang sedia ada semua penjamin adalah sama. Saya faham dengan tujuan kerajaan untuk membezakan kedua-dua jenis penjamin ini, tetapi adakah ia bermakna jika pinjaman seperti pinjaman perumahan, kereta dan sebagainya yang dikategorikan sebagai pinjaman sosial, badan-badan pemberi pinjaman akan mengalami kerugian kerana mereka akan menghadapi kesukaran untuk menuntut hutang tidak dibayar. Oleh itu, bolehkah ia mendatangkan kemungkinan badan-badan pemberi pinjaman tidak akan bekerjasama untuk meluluskan pinjaman yang diperlukan kerana mereka khuatir mereka tidak berkuasa lagi ke atas pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahas rang undang-undang ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk bertanya kementerian atau jabatan yang berkenaan adakah mereka mempunyai rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mendidik orang ramai tentang undang-undang pinjaman pengguna dan kebaikan mempunyai perancangan supaya mereka akan menjadi lebih bertanggungjawab dan faham tentang obligasi untuk membayar hutang apabila mereka diberikan kemudahan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, ramai dari kalangan para peminjam kurang faham apakah implikasinya jika mereka gagal membayar hutang, dan apakah tindakan undang-undang yang akan diambil ke atas mereka. Mereka juga tidak dapat membayangkan apakah natijahnya jika mereka dijatuhkan bankrap kerana saya tahu ramai di antara kita pun masih samar-samar dengan peruntukan undang-undang yang ada. Oleh itu, sampailah masanya jabatan ini mengorak langkah supaya menjadi proaktif dalam memainkan peranan untuk mendidik orang ramai supaya beberapa situasi yang kurang menyenangkan boleh dikurangkan atau boleh dielakkan sama sekali.

Sebagai contohnya, jika kita semak dahulu status seorang yang hendak diambil bekerja yang hendak diberikan pinjaman dan lain-lain, isu-isu yang tidak diinginkan tentu boleh dielakkan. Seperti yang berlaku di Majlis Perbandaran Ampang Jaya baru-baru ini di mana seorang bankrap telah diambil bekerja tanpa disemak dahulu status kebangkrapannya.

Tuan Yang di-Pertua, *we must not allow a situation where the defaulters are allowed to keep their property and continue to live a life of luxury when the lenders are unable to recover their loans*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga di negeri-negeri Jammu dan Kashmir, India, bolehkah saya berkongsi sedikit pandangan saya. Bank-bank di sana terpaksa mencari jalan kreatif untuk mendapatkan kembali wang yang telah dipinjamkan, dengan meletakkan dalam notis surat khabar senarai nama serta gambar foto peminjam yang enggan membayar hutang. Ada juga setengah-setengah bank yang menghantar pekerja-pekerja mereka ke rumah peminjam dengan membawa sepanduk dan memukul gendang

untuk memberitahu orang ramai tentang keengganan peminjam menjelaskan hutang. Saya harap cara kuno sebegini janganlah digunakan lagi di negara ini kerana kita mempunyai undang-undang yang lebih baik untuk menangani masalah orang yang tidak mahu membayar hutang.

Mesej yang saya ingin tekankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah institusi kewangan dalam negara kita tidak patut mengetepikan undang-undang atau bertindak di luar batasan undang-undang untuk mengatasi masalah keengganan pembayar hutang kerana undang-undang negara ini sudah menetapkan cara yang adil dan baik untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini untuk dilaksanakan demi kebaikan dan negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

11.58 pagi.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya rakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian yang telah mengemukakan satu rang undang-undang yang berniat untuk mengemaskinikan perundangan supaya ianya lebih relevan dengan kehendak semasa.

Senario ekonomi negara pada masa kini cukup memberangsangkan, lebih-lebih lagi dengan keupayaan kerajaan menangani segala masalah dengan berkesan, sedangkan dalam masa yang sama ada negara-negara yang juga mengalami masalah yang serupa tetapi tidak berupaya mencari penyelesaian terbaik bagi mengelakkan ketidakstabilan ekonomi mereka. Justeru itu, keupayaan inilah yang kita ingin lihat bersambung daripada satu generasi ke satu generasi yang lain agar kemakmuran sentiasa dapat dikecapi oleh semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita sudah boleh berbangga dengan keadaan yang kita nikmati sekarang setelah bersusah payah keluar daripada kemelut ekonomi, kita tidak seharusnya leka dengan perkara-perkara yang boleh membawa kita kembali kepada kemelut tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dayang, saya minta laluan hendak buat pengumuman.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Ya sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Dalam memastikan keutuhan dan kestabilan ekonomi yang kita kecapai sekarang ini terus berada dalam suasana yang memberangsangkan salah satu aspek yang perlu kita beri perhatian adalah aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh usahawan-usahawan kita. Ini kerana sebahagian besar daripada sumbangan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara datangnya daripada aktiviti-aktiviti perniagaan ini. Oleh itu, apa jua perkara yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti perniagaan haruslah dipantau dengan sebaik mungkin agar suasana perniagaan yang harmoni dan yang berdaya saing dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kebankrapan 1967 adalah salah satu daripada banyak akta yang digubal oleh kerajaan bagi memantau perjalanan operasi sesebuah perniagaan. Sekiranya tidak ada akta sedemikian, saya percaya sudah tentu sesebuah perniagaan yang dijalankan akan terus beroperasi sedangkan pada hakikatnya perniagaan tersebut telah tiada. Di sinilah peranan yang dimainkan oleh akta ini di mana perniagaan yang telah tidak berupaya untuk beroperasi akan diarah tutup supaya keadaan ini tidak memberikan

gambaran yang negatif terutamanya kepada pelabur-pelabur asing yang beroperasi dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Berbalik kepada Akta Kebankrapan 1967, satu perkara yang ingin saya utarakan di sini ialah berkenaan dengan perwujudan takrif *social guarantors*. Dalam hal ini, saya berpendapat perwujudan takrif sedemikian sememangnya perlu kerana ia akan memberikan garis panduan yang jelas terutamanya kepada pihak-pihak yang akan diminta menjadi *social guarantors*. Dengan ini, mereka akan merasa lebih terjamin melalui keadaan-keadaan yang telah diterangkan di bawah akta ini dan juga yang telah diperjelaskan oleh Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya juga ingin melahirkan beberapa persoalan untuk dijawab oleh pihak kementerian yang berkenaan. Pertama, ialah berkenaan dengan jumlah hutang minimum yang membolehkan seseorang itu diisytiharkan bankrap atau muflis. Mengikut Fasal 4(a) dalam akta ini, jumlah tersebut telah dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM30,000. Pada pendapat saya, walaupun langkah ini dilihat sebagai salah satu cara untuk kita mengurangkan bilangan peniaga ataupun orang yang muflis, akan tetapi pada situasi yang lain pula, ia akan menimbulkan anggapan bahawa orang boleh meninggalkan hutang yang banyak sehingga RM30,000, kemudian barulah akan diisytiharkan sebagai muflis. Sedangkan, sekiranya jumlah RM10,000 dikekalkan sebagai jumlah hutang minimum, saya percaya orang akan lebih berhati-hati dalam meninggalkan hutang kerana tahap minimum yang ditetapkan adalah rendah dan amat mudah dicapai sekiranya mereka terlalu kerap meminjam dan berhutang dengan pihak lain.

Kedua ialah perkara dalam Fasal 5 yang bertujuan untuk meminda Subseksyen 43(5) Akta 360 yang menyatakan bahawa Ketua Pengarah *Insolvency* akan dibolehkan untuk tidak memberi apa-apa alasan tentang tindakannya mengeluarkan sijil pelepasan kepada seseorang bankrap. Saya lihat perkara ini akan menimbulkan ketidakselesaan kepada pihak pemiutang kerana mereka merasakan seperti tidak ada kaitan langsung dengan hal-hal kebangkrapan dan pihak yang berhutang. Selain itu, saya turut kuarir keadaan ini akan menjadi suatu yang boleh memberikan imej yang tidak baik terutamanya kepada pihak Ketua Pengarah *Insolvency* sekiranya pihak yang ingin dikeluarkan sijil pelepasan tersebut mempunyai pertalian saudara dengannya.

Keadaan ini sudah tentu akan menimbulkan perselisihan faham yang berat dan sukar untuk diselesaikan dengan segera, sungguh pun tujuan asalnya ialah untuk mempercepatkan pengeluaran Sijil Pelepasan Muflis. Ketiga, berkenaan dengan Fasal 10 yang memberi kuasa kepada Pengarah *Insolvency* sama seperti seorang pesuruhjaya polis dan pegawai-pegawai penyiasatannya, sama ada kuasa seseorang pegawai polis sama dengan kuasa seorang pegawai polis.

Walaupun keadaan ini boleh membantu melicinkan kerja-kerja siasatan, pendakwaan dan penguatkuasaan, akan tetapi saya juga kuarir pegawai-pegawai yang diberi kuasa semakin berkecenderungan menyalahgunakan kuasa tersebut. Implikasinya kelak akan menjejaskan institusi kepolisan itu sendiri disebabkan kuasa yang ada pada mereka boleh diagih kepada pegawai-pegawai lain yang bukan dalam perkhidmatan mereka. Sekiranya pegawai-pegawai tersebut melakukan kesalahan seperti salah guna kuasa, sudah pasti institusi kepolisan kita turut merasai musibahnya.

Oleh itu, saya ingin merayu kepada pihak kerajaan agar memikirkan semula langkah untuk memberi kuasa kepada pegawai-pegawai penyiasat yang bukan daripada perkhidmatan polis sama seperti kuasa yang dimiliki oleh seorang pegawai polis. Bukan sahaja kepada pegawai-pegawai siasatan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri tetapi juga semua agensi yang berkaitan dengan kerja-kerja penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan. Mungkin kerajaan perlu memikirkan cara lain memberikan kuasa polis untuk membantu melicinkan kerja-kerja tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri hujah saya pada kali ini, saya sekali lagi ingin menekankan bahawa, apa jua perkara yang kita buat perlulah berlandaskan kepada keperluan dan pandangan rakyat jelata supaya segala tindakan tersebut tidak akan dipandang sinis oleh mereka. Ini seterusnya akan menjamin kesinambungan kerajaan yang telah kita pilih selama ini.

Dengan kata-kata yang sedemikian, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada kementerian dan saya menyokong. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dijemput Yang Berhormat Datuk Yaakob.

12.07 tgh.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Menteri atas kesedaran kementerian untuk membuat sesuatu pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 kerana kalau kita lihat sudah pun melampaui 26 tahun dan kini saya rasa, memang dan amat sesuai sekali ia harus dipinda. Secara menyeluruh, saya ingin sentuh tiga aspek dalam meminda Akta Kebankrapan 1967. Sebagaimana kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, sistem pinjaman kewangan dan sistem orang yang meminjam juga semakin hari semakin *complicated* kerana berhadapan dengan suatu jenis bentuk pemikiran manusia, ada yang jujur, ada yang tidak jujur.

Dalam membuat pinjaman, begitu juga sebagai seorang penjamin sebagaimana yang disentuh dalam akta ini, saya ingin membangkitkan soal terdapat agensi-agensi kewangan yang memang telah pun memberi pinjaman dan ada kalanya ditentukan suatu *fee* yang harus diberi kepada pemohon bagi meluluskan sesuatu pinjaman dan ini perlu diberi perhatian. Ini kerana, kejujuran, keikhlasan pemohon dan pemberi pinjaman harus dilihat secara telus kerana ia akan memberi implikasi baik positif ataupun negatif kepada bentuk kewangan yang dipohon. Saya juga ingin sentuh soal pihak yang memberi pinjaman, pihak agensi kewangan, yang mana kadang-kala mencari jalan mudah iaitu yang pastinya pemohon yang membuat pinjaman kadang-kadang sukar sekali dihubungi.

Pihak bank ataupun agensi kewangan kadang-kala mencari jalan mudah, jalan pintas dengan menjadikan penjamin sebagai orang yang akan melunaskan pinjaman si pemohon, baik individu ataupun *director*, ataupun syarikat. Yang saya lihat, kadang-kadang pihak penjamin begitu kurang mahir tentang impak kepada beliau sebagai seorang *guarantor* atau sebagai penjamin. Kadang-kadang kita lihat borang-borang pinjaman itu terus dibawa kepada penjamin, kadang-kadang tanpa difahami oleh *guarantor* ataupun penjamin yang kadang-kadang secara ikhlas ingin menolong, kadang-kadang kawan, kadang-kadang *partner* syarikat terus menandatangani borang pinjaman tanpa faham akan impak kepada surat perjanjian yang telah pun sedia ada.

Kita lihat kadang-kadang pinjaman itu akan dijamin oleh beberapa orang penjamin kadang-kadang di antara tiga penjamin tetapi yang mudah dihubungi adalah seorang penjamin. Yang jelas penjamin ini yang akan menjadi mangsa kepada pemohon yang menghilangkan diri ataupun syarikat yang hidup segan mati tidak mahu. Bagaimanakah caranya pembahagian *quantum* ataupun jumlah harus dibahagi-bahagikan di tanggung oleh penjamin-penjamin yang berkaitan. Mungkin suatu tata cara perlu ditetapkan agar penjamin yang senang dihubungi itu tidak terus diperalatkan ataupun menjadi mangsa kepada jumlah pinjaman yang harus dilunas oleh penjamin tersebut.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Dato' Menteri iaitu setakat hari ini berapakah di antara jumlah penjamin-penjamin yang masih lagi terpaksa menjadi mangsa untuk terus membuat penjelasan, tuntutan dari pihak agensi kewangan dan berapakah di antara mereka itu telah pun diisytiharkan muflis ataupun bankrap.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri iaitu bagaimanakah cara yang paling sempurna, *of course* yang *perfect* tidak mungkin, tetapi yang paling baik bagi pihak agensi kewangan agar terus mensasarkan tuntutan mereka kepada peminjam yang berkaitan daripada mencari jalan pintas dengan menghubungi pihak-pihak penjamin sebagaimana yang telah saya nyatakan di peringkat awal tadi.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di antara peminjam-peminjam ataupun syarikat-syarikat yang berkaitan mungkin mempunyai strategi ataupun kadang-kadang sindiket membuat pinjaman dalam berbagai bentuk strategi yang mana dengan niat untuk membuat pinjaman kemudian diisytiharkan bankrap. Tetapi yang kita lihat apabila

seseorang itu ataupun syarikat yang berkaitan membuat pinjaman yang begitu besar dan individu ataupun *director* tersebut diisytiharkan bankrap, mereka masih boleh hidup begitu mewah, senang-lenang tanpa menunjukkan suatu kesan bagaimana mereka insaf kerana wang pinjaman itu bukannya milik mereka tetapi milik institusi kewangan ataupun milik pihak-pihak tertentu dan adalah kurang wajar dan tidak adil, pihak yang telah pun mendapat pinjaman yang begitu besar kemudian diisytiharkan bankrap tetapi masih hidup begitu senang-lenang.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sehingga hari ini berapakah jumlah di antara mereka yang telah diisytiharkan bankrap itu di samping dapat hidup senang-lenang tetapi mendapat kemudahan untuk ke luar negara dengan diberi pasport antarabangsa untuk tujuan-tujuan tertentu, jadi maklumat ini sekitar lima tahun kebelakangan ini.

Dengan beberapa perkara yang telah saya sentuh di sini, saya turut menyokong pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md.Jaafar: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

12.14 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana juga dijemput untuk membahaskan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta 360. Saya harap selepas dilantik seorang Timbalan Menteri untuk membantu Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, beliau akan lebih kerap hadir di Dewan ini untuk membentangkan Rang Undang-Undang baru ataupun pindaan-pindaan yang sesuai pada masa hadapan.

Memandangkan negara kita sudah meluluskan banyak undang-undang dan banyak daripadanya pun kena dikemaskinikan seperti Akta 360 ini, biar saya menghuraikan beberapa Fasal sebagai tambahan kepada komen-komen rakan-rakan saya tadi, yang telah memberi pendapat tentang beberapa aspek.

Yang pertama ialah tentang Fasal 3 iaitu satu definisi bagi satu kategori baru iaitu 'penjamin sosial'. Saya tidak tahu sama ada tinjauan-tinjauan tertentu telah dibuat. Tentang pendapat bank dan institusi-institusi kewangan, sama ada mereka juga begitu rela meminjamkan kepada seorang kalau ia hanya mengamalkan pinjaman seorang penjamin sosial sahaja. Kalau institusi-institusi kewangan tidak ada halangan untuk meminjamkan kepada seseorang itu dengan adanya kategori penjamin sosial ini, kalau bank-bank itu tidak ada halangan mereka masih rela untuk tujuan-tujuan yang disebutkan itu, bagi saya adalah lebih baik kalau hapuskan terus penjamin bagi kategori-kategori berkenaan.

Kalau bank dan institusi itu tidak ada halangan untuk pinjamkan kepada pihak ini kerana dalam kategori ini bank tidak dapat kutip daripada peminjam, barulah boleh cuba kutip daripada penjamin sosial dan penjamin sosial ini nampaknya yang *last* sekali, akhir sekali yang boleh membantu institusi itu. Jadi mereka kena tunjuk usaha dan sebagainya dan selepas itu apabila pihak berkenaan sudah berpuas hati barulah mereka boleh mencari penjamin sosial ini.

Bagi saya kalau sudah ada kategori-kategori atau jenis-jenis pinjaman yang boleh dilakukan di bawah Fasal ini kenapa kita tidak perlu lagi penjamin, terus tidak payah ada penjamin asalkan bank itu masih rela untuk meminjamkan kepada seseorang di bawah kategori ini. Kalau kategori ini masih diperlukan, kalau *guarantor* masih diperlukan, saya hendak tanya kenapa kita tidak menambah dalam kategori ini untuk tujuan perubatan? Saya baca dalam kategori di mana dibenarkan penjamin sosial ini tetapi tidak termasuk kategori untuk perubatan.

Saya lihat ada untuk penyelidikan tetapi kalau dibandingkan penyelidikan dengan perubatan, saya nampak perubahan itu lebih memerlukan bantuan daripada penyelidikan. Kita ada untuk pinjaman pelajaran dan sebagainya tetapi untuk perubatan tidak ada disebut. Saya hendak tahu kenapa perubatan itu tidak diambil kira kerana pinjaman untuk perubatan bagi saya adalah juga sesuatu yang diperlukan dan KWSP pun ada peruntukan di mana mereka boleh guna duit daripada KWSP untuk tujuan perubatan. Ada satu daripada akaun itu adalah untuk perubatan.

Saya harap perubahan juga diambil kira kalau kita mahu menyenangkan pihak-pihak berkenaan kerana kalau dibandingkan dengan penyelidikan, keperluan perubahan itu mungkin lebih mendesak. Tadi kita juga mendengar penjelasan kenapa Fasal 5 itu perlu dan ini adalah berkenaan dengan Sijil Pelepasan yang dikeluarkan Pengarah *Insolvency*.

Sekarang dikatakan beliau tidak diperlukan memberi apa-apa alasan di atas tindakan beliau itu. Sebab yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah kerana mahu mempercepatkan proses mengeluarkan sijil ini. Bagi saya, kalau sudah ada sebab yang munasabah, kenapa sijil ini harus dikeluarkan. Ia patut juga disebutkan kerana Pengarah *Insolvency* sudah berpuas hati bahawa pihak ini layak dikeluarkan surat atau sijil pelepasan.

Kalau demikian apa salahnya kalau juga disebutkan atas sebab-sebab ini dan mungkin sebab-sebab itu boleh juga disenaraikan dalam sijil tersebut dan beliau hanya catatkan sebab yang dipakai untuk kes ini. Jadi tidak payah cari apa-apa sebab dan kalau kata ada sebab-sebab yang lain yang tidak nyata, sebut! Itu pun bagi saya bukan masalah yang besar.

Adalah lebih baik kalau sebab-sebab itu disebutkan dan untuk mempercepatkan proses, itu satu kebaikan tetapi kalau menggunakan masa sebagai sebab kenapa ini tidak diperlukan, saya tidak begitu dapat menerima sebab itu kerana bagi saya ini tidak begitu kuat untuk membolehkan satu aspek yang penting itu diketepikan kerana tidak perlu. Jadi itu bermakna tidak perlu sebut dan kita juga bimbang sama ada ini di salah guna tanpa sebab yang munasabah, satu sijil pelepasan itu dikeluarkan dan ini tidak perlu sebutkan juga kenapa.

Jadi lebih baik kalau Jabatan Perdana Menteri ini mengkaji sama ada sesuai atau tidak untuk dibenarkan sijil pelepasan oleh Pengarah *Insolvency* tanpa memberikan apa-apa sebab. Kemudian saya ingin menyentuh tentang kuasa iaitu di bawah Fasal 10, 84(a)(i) dan juga (ii) di mana Ketua Pengarah *Insolvency* akan diberi kuasa Pesuruhjaya Polis. Pesuruhjaya Polis, atau *Commissioner of Police* ialah satu pangkat yang sangat tinggi di perkhidmatan polis.

Tuan Yang di-Pertua pun faham tentang kuasa-kuasa seorang Pesuruhjaya Polis itu. Jadi saya ingin tahu kalau seorang Ketua Pengarah *Insolvency*, apakah pengalaman yang beliau punya untuk diberikan kuasa sebagai seorang Pesuruhjaya Polis. Setahu saya, untuk sampai ke pangkat ini, seorang pegawai polis kalau mula dari pangkat Inspektor, mungkin mengambil masa lebih kurang 25 hingga 30 tahun baru boleh mencapai tahap ini. Ramai pegawai polis pun bersara tanpa mendapat pangkat ini.

Jadi seseorang yang sudah diberi kuasa Pesuruhjaya Polis itu pada hemat saya adalah seorang yang cukup berpengalaman dan saya bimbang sama ada Ketua Pengarah *Insolvency* itu juga mempunyai pengalaman yang begitu luas sehingga boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya Polis. Di negara kita, Pesuruhjaya Polis pun mungkin ada enam orang sahaja. Kalau saya kira betul dan saya perlu sedikit penjelasan tentang ini dan ada juga diperuntukkan bahawa beliau sendiri akan menguruskan kuasa ini. Mungkin ini satu kebaikan...

Datuk Yaakob bin Haji. Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin kerana memberi laluan. Saya ingin sekadar minta pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Setuju atau tidak kalau kita lihat lain-lain jawatan dalam perkhidmatan awam baik Ketua Pengarah Kastam, kita lihat tidak semestinya jawatan Ketua Pengarah Kastam itu datangnya daripada pegawai-pegawai kastam naik pangkat sampai jadi Ketua Pengarah Kastam kerana ianya juga merupakan jawatan terbuka boleh dilantik daripada pegawai PTD.

Begitu juga dengan jawatan-jawatan lain sebagaimana kita sedia maklum Jawatan-jawatan yang lain selalunya ada pakar-pakar penasihat yang akan turut membantu jawatan umpamanya jawatan *Director General of Insolvency*. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Memang saya pun faham bahawa dalam menjalankan tugas seseorang itu, ia perlulah juga

kuasa-kuasa tertentu supaya dia dapat menjalankan tugas-tugas itu dengan lebih baik. Sekiranya ia tidak memahami banyak aspek kuasa-kuasa itu maka ia boleh melantik penasihat-penasihat dan sebagainya untuk membantunya. Selalunya ini berlaku tetapi bagi satu jawatan yang begitu penting seperti ini, saya khuatir sama ada seorang Ketua Pengarah *Insolvency*, saya tidak tahu apakah kelayakan beliau ini, sama ada beliau seorang Pegawai Kewangan lepas itu dijadikan Ketua Pengarah *Insolvency* ataupun beliau seorang peguam, saya pun kurang tahulah latar belakang Ketua Pengarah *Insolvency* tetapi untuk mencapai kuasa Pesuruhjaya Polis itu nampaknya pada hemat sayalah ia memerlukan pengalaman yang cukup luas. ...

Sama ada ia dapat dijalankan oleh Ketua Pengarah *Insolvency*, itulah satu perkara. Mungkin nanti Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim akan memberi penjelasan tentang aspek ini tetapi buat masa sekarang untuk makluman Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Mohammed, saya masih khuatir tentang peranan Ketua Pengarah Insolvensi dalam menjalankan kuasa-kuasa Pesuruhjaya Polis. Satu aspek lagi yang saya ingin sentuh ialah cadangan untuk meminda seksyen 109 iaitu fasal 12(a) untuk meminda seksyen 109. Sekarang apabila seseorang muflis itu yang belum dilepaskan kalau dia hendak pinjam lebih daripada RM100, dia kena memberitahu si pemiutang itu bahawa dia seorang muflis belum dilepaskan lagi dan mungkin orang yang tahu maklumat itu pun enggan bagi dia meminjam RM100 ke atas.

Cadangan sekarang ialah supaya ia ditambah kepada RM 1000. Jadi kurang daripada RM 1000, tidak perlu memaklumkan maklumat ini kepada pihak yang akan meminjam duit kepada kita. Saya pun khuatir sama ada perkara ini berpatutan atau tidak. Kepada pihak si pemiutang kerana ini adalah maklumat yang dahulunya kena disampaikan kepada pihaknya, tetapi sekarang tidak perlu lagi kecuali had itu melebihi RM1000.

Saya pun kurang faham apakah rasionalnya pindaan ini untuk menaikkan amaun daripada RM100 kepada RM1000. Kalau kita kata sebabnya ialah melihat keadaan semasa mata wang kita pun mungkin telah jatuh nilainya dan sebagainya. Ini akan menggambarkan keadaan yang sedia ada, tetapi bagi seseorang yang ingin meminjam kepada seorang lagi, mungkin dia akan berfikir lebih mendalam, kalau dia tahu yang akan meminjam duit itu ialah seorang muflis yang belum dilepaskan daripada kebangkrapan lagi, dan apa salahnya kalau maklumat itu disampaikan.

Ia masih terpulang kepada orang ini sama ada hendak atau tidak mahu pinjam. Akan tetapi dahulu undang-undang memerlukan orang ini memaklumkan kalau dia ingin meminjam RM100 ke atas tetapi sekarang dibolehkan ia tidak perlu diberitahu kecuali dia mahu meminjam RM1000 ke atas, kurang daripada itu tidak perlu.

Jadi adakah ini akan menyusahkan lagi mereka yang mungkin membantu kawan dan sebagainya, tetapi tidak tahu latar belakang yang lebih mendalam. Apa salahnya kalau pihak-pihak ini diminta mengisytiharkan atau memberitahu sebelum dia membuat pinjaman itu. Jadi keadaan sekarang dan sebagainya pun bagi saya nampaknya satu sebab yang lemah dan tidak seharusnya digunakan untuk tujuan ini.

Mungkin fasal ini tidak perlu dipinda atau mungkin tidak harus dipinda. Pada pendapat saya, biarkan fasal ini sedemikian kerana ia tidak ada kebaikan yang saya boleh lihat. Adakah ini akan menggalakkan si muflis mendapat banyak pinjaman yang kurang RM1000 dan adakah ini akan membawa lebih banyak masalah dari segi untuk dia dilepaskan daripada kebangkrapan.

Itu adalah pertanyaan-pertanyaan yang penting pada pemikiran dan saya harap penjelasan dapat diberi tentang rasional-rasional ini yang lebih kukuh supaya ia dapat diberi sokongan dan sebagainya. Jadi itulah secara ringkas pendapat saya dan saya menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan. Terima kasih.

Tuan K. R. A Naidu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 yang dinamakan Akta Kebankrapan (Pindaan) 2003. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil tindakan untuk memperbaiki beberapa undang-undang yang terdapat sekarang.

Oleh kerana ramai rakan saya telah membincang dan membahaskan tentang beberapa faktor, saya akan hanya menyentuh tentang dua perkara yang ada di sini. Yang pertama adalah tentang fasal 4(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 51 Akta 360 untuk menambah hutang minimum yang membolehkan seseorang itu diisytiharkan muflis daripada RM10,000 kepada RM30,000. Perkara ini saya memang setuju kerana pada zaman ini nilai wang ringgit berbanding pada tahun 1967 telah turun dan oleh sebab itu, ini memanglah wajar dan perlu dialu-alukan.

Yang kedua saya ingin sentuh ialah tentang Fasal 4(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (3) ke dalam seksyen 5. Akta ini untuk memastikan bahawa tindakan kebangkrapan hanya diambil terhadap penjamin sosial selepas segala langkah untuk memungut hutang telah diambil terhadap peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, di sini takrif untuk penjamin sosial atau *social guarantor* adalah untuk, dengan izin,

- (a) *a guarantee for loans, scholarships or grants for educational or research purposes;*
- (b) *a guarantee for a hire-purchase transaction of a vehicle for personal or non-business use;*
- (c) *a guarantee for a housing loan transaction solely for personal dwelling;*

Di sini saya tidak begitu senang dengan apa yang dikatakan di sini sebab tindakan hanya diambil selepas segala langkah untuk pemungut hutang telah diambil terhadap pinjaman, dan hanya untuk *social guarantor*. Kalau ini adalah hanya untuk *social guarantor*, bagaimanalah tentang penjamin-penjamin atau *guarantors* yang lain? Katakanlah sebagai contoh seorang datang kepada satu ketua di mana-mana kampung atau bandar, dia kata saya mahu RM5,000 untuk menjalankan sedikit perniagaan ataupun untuk sesuatu perniagaan. Dia berkata, RM5,000 tuan tidak percaya sayakah? Jadi dia terpaksa menandatangani perjanjian itu, walaupun dia tidak suka, walaupun dia tahu dia bukan *social guarantor*.

Jadi, saya berharap ini dapat diberikan pertimbangan dan cadangan saya ialah kalau boleh dipertimbangkan untuk penjamin sosial, mungkinkah kita adakan undang-undang di mana dia perlu membayar hanya hutang sahaja tanpa dikenakan apa-apa faedah. Untuk pinjaman bukan sosial atau penjamin bagi pinjaman bukan sosial dikenakan faedah, tetapi maksud saya ialah tindakan terhadap peminjam dahulu mesti diambil sebelum tindakan ke atas penjamin diambil, untuk semua pinjaman bukan sahaja pinjaman sosial tetapi juga pinjaman yang bukan seperti itu. Jadi, itulah pendapat saya dan saya berharap mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan. Sekian terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ada lagi hendak membahaskan? Kalau tidak ada saya hendak menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan.

12.43 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini yang telah mengambil bahagian menyokong pembentangan pindaan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2003 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pergi kepada fasal-fasal tertentu ataupun bab-bab yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya menerangkan sekali lagi asas tujuan am pindaan ini diperbuat. Asas dan tujuan amnya yang besar ialah bagi menunjukkan bahawa kerajaan bersimpati dengan golongan masyarakat yang dihimpit oleh hutang piutang yang selama ini begitu mudah dibankrapkan oleh pihak-pihak tertentu. Boleh saya nyatakan di sini, sebelum langkah pindaan ini dibuat, susulan demi susulan, permohonan demi permohonan dibuat kepada Jabatan Pemegang Harta mengatakan bahawa angka RM10,000 itu pada zaman ini terlalu mudah membuatkan seseorang itu

menjadi seorang bankrap apabila *creditor* menyaman dan kemudiannya memohon dari mahkamah supaya orang yang berhutang itu dibankrapkan secara mudah.

Kedua ialah selain dari angka yang berkenaan, pinjaman bagi mendapatkan biasiswa yang disokong dengan secara *guarantee* ataupun jaminan pinjaman bagi pembelian kereta, perumahan dan aspek-aspek yang berkaitan dengan penyelidikan juga memudahkan *creditor* menjadikan seseorang itu sebagai si bankrap. Atas kesedaran itulah kerajaan berpendapat harus dikategorikan beberapa jenis pinjaman yang berasas kepada *guarantor* ataupun penjaminan yang wujud. Yakni bagi mereka yang meminjam dan dijamin pinjamannya secara mata terbuka dan pinjaman itu bertujuan untuk tujuan-tujuan korporat atau perniagaan, mereka ini harus tidak disamakan dengan pinjaman-pinjaman bagi tujuan sosial tadi.

Dengan penjelasan yang awalan ini maka kita berharap Ahli-ahli Yang Berhormat seperti mana juga di Dewan Rakyat tempoh hari dapat satu konsep yang lebih jelas. Dengan menyatakan sedemikian, kita dapati bahawa dunia ekonomi perdagangan atau *commerce* dan hubungan pelbagai hala secara ekonomi dan sosial di dunia pada hari ini berubah. Di England, di Eropah, di Australia dan juga di New Zealand misalnya, jabatan-jabatan yang dahulunya beroperasi sebagai jabatan kebangkrutan biasa sudah mula melengkapkan jabatan-jabatan tersebut dengan kelengkapan-kelengkapan undang-undang yang menjurus kepada *insolvency*, tidak lagi disebut sebagai bankrap atau kebangkrutan.

Istilah bankrap dan kebangkrutan sudah menjadi begitu sempit, tidak lagi menjurus kepada suatu generalisasi ataupun perkara am yang boleh kita kemudiannya dan kita susun dengan acara-acara undang-undang yang lebih jelas. Justeru, maka dicadangkan pegawai yang dahulunya bernama dan dipanggil Pegawai Pemegang Harta sekarang kita panggil beliau sebagai Ketua Pengarah atau Pengarah *Insolvency*. Ini kemudian akan menjurus kepada masalah berkaitan dengan syarikat-syarikat yang hendak digulung atau *winding-up*. Bab ini akan kita kaji semula dengan Kementerian yang berkenaan dan soal-soal berkaitan dengan *insolvency* syarikat yang mana kita tidak sentuh pada kali ini akan kita bawa kemudian setelah kajian mendalam dan juga koordinasinya dilangsungkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang perkara-perkara penting yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk William Lau yakni berkaitan dengan pindaan seksyen 33B. Beliau hendak tahu kuasanya luas dan apakah garis panduan. Sebenarnya garis panduan di bawah seksyen 33A dan B itu adalah terkandung dalam amalan yang telah pun diiktiraf sebagai panduan-panduan am yang mempunyai kuasa kepada pihak-pihak tertentu khususnya pemegang harta, untuk menentukan sama ada pihak yang hendak dilepaskan itu menepati beberapa faktor sebagaimana dimaklumkan di bawah seksyen 22 Akta Ibu. Menteri berkenaan boleh membuat peraturan-peraturan khusus sekiranya beberapa *lacuna*, dengan izin, telah didapati dalam undang-undang tersebut .

Jadi, dalam hal melaksanakan tuntutan seksyen 33 ini, faktor umur misalnya, dikaji, faktor kesihatan, faktor kedudukan daya dan keupayaan ekonomi keluarga, faktor sama ada seseorang si bankrap itu telah secara ikhlas menunaikan tanggungjawabnya setelah didapati menerusi hukuman mahkamah, beliau bankrap dan menjelaskan bayaran-bayaran yang telah dimuatkan di dalam arahan *installment* atau segmen bayaran semula yang dikenakan kepada beliau dan juga faktor-faktor lain yang berkaitan dengan peribadinya serta laporan-laporan dari jabatan-jabatan yang berkaitan.

Dengan lain perkataan, sebelum seseorang itu diberi pelepasan di bawah seksyen 33, harus diteliti latar belakangnya dan semua persoalan-persoalan berkaitan dengan sahsiah serta kedudukan ekonomi keluarga itu harus diketahui. Sebelum ini, banyak kes didapati bahawa kewajaran bagi seseorang bankrap itu dilepaskan di bawah seksyen 33 tetapi oleh kerana di bawah peruntukan lama seseorang *creditor* itu boleh menahan tindakan pemegang harta tanpa sesuatu alasan yang tegas ataupun bernas.

Jadi, sekarang, pemegang harta yang kemudiannya, insya-Allah akan dinamakan Pengarah *Insolvency* ini tidak perlu lagi memberi alasan kepada *creditors* asalkan atas kewajaran yang beliau timbangkan, seseorang yang ditakluki di bawah undang-undang

kebankrapan ini boleh dilepaskan atas perkiraan-perkiraan dan faktor-faktor yang telah ditimbang oleh beliau.

Ini akan memberi gambaran dan juga pertolongan kepada masyarakat yang ingin meneruskan kehidupannya tanpa begitu berat diselangi oleh bebanan hutang yang berkaitan dengan kedudukan beliau sebagai masyarakat bersandarkan kepada status *social guarantors*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan di Sibu yang beliau bangkitkan itu, insya-Allah jabatan ini akan terus memantaunya dan kepegawaian atau kakitangan yang diperlukan itu akan disemak dan juga sekiranya perlu ditambah. Walau bagaimanapun, saya sendiri akan memberi arahan agar pemantauan terkini diperbuat sekiranya kes-kes di Sibu banyak dan meningkat terus menerus bagi jabatan ini untuk mengambil tindakannya.

Setakat ini didapati 108,000 kes-kes kebangkrapan di seluruh negara, dan angka ini menunjukkan bahawa kenaikannya adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang berbentuk pelbagai. Antaranya ialah:

- (i) faktor bagi mereka yang tidak meneliti keperluan ekonomi keluarganya dengan tegas dan teratur;
- (ii) mereka yang menyatakan bahawa meminjam itu amat mudah menerusi kad kredit dan sebagainya. Menerusi kad kredit sahaja, lebih kurang 12% adalah mewakili dari angka 108,000 tersebut.

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad mengenai berapakah penjamin yang masih mufliis, sukacita saya memaklumkan bahawa angka 108,000 itu adalah angka majmuk ataupun angka am. Dari angka tersebut penjamin sahaja yang menjadi mufliis akibat tindakan di mahkamah ialah 30% daripada angka tersebut atau lebih kurang 30,000 kes yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani, mengenai kesangsian beliau berkaitan dengan jumlah hutang RM10,000 dan RM30,000. Beliau semacam melahirkan kesangsian di atas kesan negatif yang mungkin timbul. Walaupun saya tidak dapat meneka apakah kesan negatif yang diunjurkan dalam sentimen tersebut, biar saya berikan gambaran.

Tujuan pindaan ini ialah supaya tidak begitu mudah bagi *creditor* membankrapkan seseorang individu. Jadi, sekarang bagi mereka yang meminjam, waima RM5,000 pun, *creditor* itu masih boleh menyaman melalui sistem *writ of summons*, menerusi *procedure* mahkamah yang biasa di bawah *Debtors Act* atau Akta Sipemiutang dan lain-lain. Bukan bermakna seseorang itu lepas daripada cengkaman undang-undang apabila sistem ataupun proses kebangkrapan tidak berjalan.

Jadi, sekiranya seseorang itu meminjam RM8,000, apakah jadinya? Hasilnya ialah orang yang memberi hutang itu masih boleh menyaman orang yang meminjam RM8,000 ini, cuma tidak boleh menjadikannya sebagai seorang mufliis, lantaran status mufliis itu mempunyai *desirability effect*, dengan izin. Sekiranya seseorang itu meminjam RM29,999,000, beliau tidak boleh diseret ke mahkamah untuk tujuan membankrapkan tetapi sistem perundangan kita masih wujud untuk si *creditor* menyaman orang yang meminjam dan mendapatkan lunas undang-undang daripadanya, sama ada menerusi *writ saman* atau menerusi sistem *debts collection*, dengan izin, yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah yang akan dijadikan seorang pegawai yang lebih berkesan, saya juga pernah menerima teguran daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, kononnya tujuan ini barangkali tidak menepati keadaan dan mungkin kesukaran timbul apabila dibandingkan dengan kuasa Pesuruhjaya Polis sebenar. Beliau juga membayangkan sekian tahun seseorang pegawai polis dalam bentuk Pesuruhjaya Polis dilatih dan hingga sampai ke pangkat itu, baru dapat kuasa-kuasa itu. Sedangkan pula, katanya, pegawai seperti PPH atau Pemegang Harta atau Ketua Pengarah yang berkenaan mudah sahaja dapat kuasa ini.

Contohnya ialah seksyen 422, Kanun Keseksaan. Ada banyak kes menunjukkan bahawa Ketua Pengarah tidak dapat memeriksa buku orang yang berkenaan sebab kuasa hendak pergi ke pejabat itu, hendak membuka bukunya dan juga memeriksa *details* buku itu, tidak ada kuasa tersebut.

Jadi, tujuannya, sekiranya ada akaun yang disimpan, yang menyebabkan seseorang muflis tadi mempunyai hasil mahsul yang lain, maka beliau tidak dapat menerima butir-butir itu untuk digunakan sebagai perimbangan demi keadilan. Lantaran itulah kuasa itu terhad hanya kepada beberapa perlakuan seperti yang ada di bawah Penal Code, tidak lebih daripada itu.

Ini bukan tujuan bagi Ketua Pengarah Insolvency pergi menangkap orang, masuk pejabat dan berlagak sebagai seorang Pesuruhjaya Polis, tidak. Hanya untuk meneliti hal-hal yang spesifik supaya pemeriksaan beliau itu bersandar kepada kenyataan dan boleh dipertanggungjawabkan di sisi undang-undang sebagai pembuktian bagi tugas-tugas menyempurnakan khidmatnya di bawah Akta 360 ini, tidak lebih daripada itu.

Tentang *query* mengenai kenapa perubahan tidak dimasukkan di bawah takrif '*social guarantor*' ini, yalah orang tua-tua berkata, "pemikiran tidak datang sekali, pandangan tidak sesajaja". Kalau kita hendak fikir sekali gus.....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat Datuk Seri, panjang lagikah jawapan?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Boleh tahan, Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau tidak beri puas jawapan, maka Ahli-ahli Yang Berhormat kata, melepas batuk di tangga sahaja.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Kita sambung 2.30.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Insya-Allah.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menanggungkan persidangan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim menyambung jawapan.

2.32 ptg.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita kita menyambung ulasan dan juga jawapan berkaitan dengan beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Semasa sebelum tempoh rehat jam 1.00 tadi, saya telah cuba menjelaskan sedikit mengenai kuasa polis yang dipersoalkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat khususnya oleh Yang Berhormat Senator Dayang Mahani dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Selain apa yang telah saya huraikan sebentar tadi, sukacita saya merujuk kepada Seksyen 42(1), 42(2) dan 42(3) *Penal Code* atau Kanun Keseksaan. Kuasa-kuasa yang dipinda di bawah pindaan ini adalah menyamai apa-apa tanggungjawab yang ada di bawah seksyen-seksyen tersebut. Secara amnya, ini adalah berkaitan dengan kemungkinan pihak-pihak tertentu untuk menyembunyikan fakta-fakta ataupun data, rekod dan sebagainya berkaitan dengan harta yang dimiliki atau berkaitan dengan harta yang sepatutnya diketahui oleh para *creditors*. Justeru tidak perlulah kita bimbang bahawa kuasa-kuasa yang diperturunkan itu akan memberi penduaan atau duplikasi kepada kerja-kerja polis.

Sesungguhnya kuasa-kuasa yang diberi di bawah pindaan ini hanya menjurus ke arah itu. Lagipun jika kita teliti bahagian *commercial crime* atau jenayah perdagangan yang sekarang dilaporkan sentiasa di bawah jagaan Polis Diraja Malaysia, terdapat terlalu

banyak tanggungan pihak Polis Diraja Malaysia sehinggakan jika berkaitan dengan kes-kes kebangkrapan tidaklah harus bagi kerajaan terus menerus membebankan pihak Polis Diraja Malaysia untuk kuasa-kuasa sampingan atau, dengan izin, *miscellaneous policing powers*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang minat tentang beberapa data asas kebangkrapan seperti Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob Haji Muhammad, sukacita saya memaklumkan, bagi tahun-tahun 1995 hingga tahun 2003 ini, kes-kes yang telah tercatat sebagai meliputi kes kebangkrapan individu.

Tahun	Kes Kebankrapan Individu
1996	57,761
1997	62,008
1998	67,986
1999	75,071
2000	83,471
2001	95,449
2002	103,405

Menjelang bulan Mac tahun 2003, angkanya seperti yang saya maklumkan secara am sebelah pagi tadi ialah 108,234 kes.

Pecahan-pecahan kaum yang mungkin juga diminati oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara tertentu ialah bagi tahun lalu, 4,799 orang Melayu telah terlibat dengan kes-kes kebangkrapan yakni bagi tahun lalu sahaja; 5,623 kaum Tionghua; 877 kaum India dan lain-lain 657.

Satu kajian khusus pernah dibuat oleh seorang pensyarah yang berminat dalam bidang kajian kebangkrapan di Universiti Malaya telah menyiapkan kajiannya tahun lalu dan beberapa sedutan daripada kajian akademik itu mungkin memberi gambaran yang lebih tepat tentang sebab musabab kebangkrapan. Kajian itu telah meliputi khusus 2,940 kes dan dari angka tersebut, sebab musabab seseorang itu menjadi bankrap adalah seperti berikut:

- pinjaman sewa beli atau *hire-purchase* – 21.3% dari angka tersebut, hutang kepada bank dalam pelbagai bentuk pinjaman bagi kepentingan keluarga, peribadi, persekolahan dan lain-lain ialah 14.8%;
- pinjaman untuk tujuan biasiswa dan pendidikan 13.6%;
- hutang kad kredit yang disebutkan pada sebelah pagi tadi ialah 11.2%;
- hutang perniagaan -10.4%;
- pinjaman perniagaan sahaja - 6.2%;
- pinjaman persendirian - 6%;
- pinjaman perumahan - 2.8%;
- bencana alam - 2.8%;

- jaminan pinjaman sewa beli kenderaan - 2.5%; dan
- jaminan pinjaman persendirian - 2.4%.

Tuan Yang di-Pertua, dari huraian ini jelaslah bahawa pinjaman berkaitan dengan perubatan seperti yang terkandung sedikit dalam *query* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tidak tersenarai. Justeru, kemungkinan apabila *draftsman* atau pihak penggubal setelah kita membincangkan hal-hal permasalahan kekeluargaan, peribadi dan kumpulan, maka persoalan perubatan itu tidak dimasukkan ke dalamnya. Insya-Allah, sekiranya angka yang berkaitan dengan permasalahan perubatan ini meningkat atau tertera dalam kajian akan datang, kita akan memasukkan kategori itu sebagai salah satu daripada sebab yang harus diberi perhitungan. Setakat ini, kategori tersebut belum lagi dapat disenaraikan oleh kerana ia, dengan izin, berupa *insignificant*.

Tuan Yang di-Pertua, dari hal yang berkaitan pandangan tentang penjaminan sosial dan korporat ini, memang boleh dijawab dengan menyatakan bahawa pihak bank tidaklah begitu gemar oleh kerana konsep keberhutangan dalam undang-undang *common law* iaitu *severally liable*, *jointly liable* atau *jointly and severally liable* memang dianggap sebagai satu konsep perundangan yang tidak boleh diketepikan lagi.

Cuma dari segi pandangan kerajaan, apabila angka kebangkrapan individu itu terus menerus meningkat, kita harus bertindak sama ada kita hendak memberi kepuasan kepada pihak yang memberi hutang atau kita hendak membantu masyarakat kita supaya potensi mereka untuk terus bankrap seperti dahulu tidak lagi wujud. Jadi, kerajaan memilih untuk memberi saluran khas yakni, sama ada bank atau institusi kewangan hendaklah menunjukkan terlebih dahulu bahawa mereka pergi mempertanggungjawabkan atau mempertanggungjawabkan orang yang berhutang dahulu dan tidak penjamin. Itu lunasnya.

Tinggal lagi, bagi seseorang yang meminjam secara penjamin korporat, ini harus kita huraikan sedemikian iaitu seseorang yang hendak menjamin satu perniagaan, katalah RM2 juta nilainya, beliau itu membuat perhitungan peribadi atas kemampuannya sebagai penjamin atas keberuntungan atau sebaliknya perniagaan tersebut. Kedudukan beliau itu berlainan daripada seorang penjamin yang hendak membantu anaknya ke universiti, yang hendak membantu kaum keluarga atau sahabatnya membeli kereta atau membantu kenalan atau sahabatnya ataupun keluarganya memiliki rumah, berbeza keadaan itu.

Justeru, kerajaan berpendapat lebih baiklah diberi bantuan kepada penjamin kategori kemasyarakatan tadi dan tidak kepada penjamin yang berkategori menjejaskan keuntungan menerusi alam korporat beliau sendiri.

Walau bagaimanapun, saya yakin selepas ini nas undang-undang di mahkamah ialah seperti mana dilandaskan dalam prinsip ekuiti iaitu *one must come with clean hands*, dengan izin, dan satu lagi ialah *to exhaust all remedies*. Dengan yang demikian, setelah didapati bahawa semua jalan telah dilalui dan semua proses telah dialami, barulah penjamin tadi diberi susulan tindakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menghuraikan perkara tersebut, saya juga perlu menjawab soalan yang berbangkit dengan tujuan kenapakah Jabatan Kebankrapan ini atau selepas ini, Jabatan Insolvensi, terus berada di bawah Bahagian Undang-undang Jabatan Perdana Menteri. Ini adalah soal dasar. Perdana Menteri boleh meletakkan mana-mana jabatan di bawah mana-mana pengawasan kementerian atau menteri berkenaan. Barangkali beliau melihat bahawa Jabatan Kebankrapan ini adalah jabatan yang kena-mengena dengan undang-undang, maka sewajarnya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan seorang menteri seperti saya, buat sementara ini, mengawasinya.

Insya-Allah, jika Ahli Yang Berhormat berkehendakkan bahagian ini dipindahkan kepada bahagian lain, saya sedia menerima cadangannya dan saya akan kemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sementara itu, bahagian ini yakni Bahagian Undang-undang akan terus mengawas Jabatan Kebankrapan yang nanti akan dipanggil dengan nama Jabatan Insolvensi.

Tentang seksyen 12A, kenapakah perlunya amaun RM100 ini dinaikkan sampai RM1,000? Jawapannya mudah, Tuan Yang di-Pertua. Yang RM100 ini biasanya

seseorang si bankrap boleh pinjam untuk sara hidup atau untuk keperluan sampingan kekeluargaan. Yang RM100, kira-kira 15 tahun dahulu tentulah perlu kita kaji nilai kuasa beliannya atau *purchasing power* yang ada dan kerajaan berpendapat dari RM100 ini wajar dinaikkan kepada RM1,000, yakni seseorang si bankrap boleh memohon untuk mendapatkan kredit RM1,000 dan beliau akan menyatakan, "Saya seorang bankrap tetapi saya berhak meminjam atau mendapatkan kredit RM1,000".

Di bawah pindaan ini, kita benarkan untuk tujuan sedemikian. Tidak tahulah kalau ada Ahli Yang Berhormat memikirkan si bankrap tidak boleh pun mendapat kredit RM1,000, barangkali kita kena merasai dahulu alam si bankrap. Saya suka merujuk kepada sejarah iaitu semasa mula-mula Ordinan Kebankrapan ini wujud di negara kita, stigma sosialnya sangat teruk. Malah, ada tanggapan di kalangan orang-orang kampung dahulu mengatakan, "Hendak pakai selipar pun tidak boleh". Katanya. Sebenarnya itu tidak betul. Itu hanya merupakan satu *exaggeration*, dengan izin, tetapi memang stigma si bankrap memang tebal.

Oleh yang demikian, kita harus mendidik masyarakat bahawa apabila seseorang itu jatuh ke lembah kebankrapan, bukan bererti dunia sudah habis baginya. Ini bererti hanya satu cabaran hidup. Justeru, status dari segi undang-undang mesti muncul ke arah pembelaan demi keadilan. Satu daripada pembelaan itu ialah untuk memberitahu rakyat khususnya kumpulan yang bankrap bahawa boleh dididik atau diasuh mereka itu dengan kerjasama pemegang harta dan juga Bahagian Undang-undang agar mereka berkebolehan menyusun perniagaan sedemikian rupa supaya lebih sempurna haluan hidup.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri tentang hendak mengajar masyarakat bagaimana untuk mereka terus hidup walaupun mereka dalam alam kebankrapan, saya gunakan ayat Yang Berhormat Menteri tadi.

Bagaimana pula dengan masyarakat dengan setengahnya hidup dalam alam kebankrapan tadi tetapi alam yang berbeza dengan apa yang kita pandang atau masyarakat tengok sebagai orang yang bankrap kerana ada sesetengahnya semua orang tahu bahawa mereka adalah orang yang bankrap tetapi duduk di dalam rumah yang besar, dalam kereta mewah, duduk di belakang pemandu dan sebagainya.

Apakah kategori ini juga harus diberikan satu cara atau hidup dalam masyarakat yang sewenang-wenangnya ataupun bagaimana. Ini saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, adakah mereka ini harus diajar juga supaya masyarakat lain tidaklah mengikut cara yang mungkin boleh menyelewengkan apa yang ada dalam undang-undang kita? Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu boleh kita selesaikan jika kita teliti peruntukan Akta Kebankrapan ini khususnya Seksyen 109 yakni dikatakan *fraudulent data* ataupun mereka yang menyelewengkan kuasa serta peranan. Saya maklum pernah dilaporkan kes-kes di mana seseorang itu berada di dalam penjara untuk menjalani sesuatu hukuman tetapi di samping itu perjalanan syarikatnya dan cara keluarganya hidup dipersoalkan oleh banyak pihak.

Kita juga maklum bahawa sesuatu yang telah dilaporkan sebagai melibatkan si bankrap, tetapi si bankrap itu kelihatan masih menjalankan kehidupan yang mewah, ini soal *enforcement*, ini soal penguatkuasaan. Ini bukan soal tidak boleh diambil tindakan, sama ada pemegang harta hendak mengambil tindakan ataupun tidak dari segi penyelidikan.

Contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Senator, berkaitan dengan Senator Datuk William Lau sebentar tadi, tentang penguatkuasaan di MPAJ misalnya. Ini bukan salah undang-undang, ini salah tidak ada atau tidak wujudnya tindakan menyelidik latar belakang seseorang sebelum diambil bekerja dengan kerajaan.

Sebaliknya jika didapati bahawa seseorang itu sesungguhnya bankrap, tetapi beliau menjalankan atau melalui kehidupan yang mewah yang jelas bertentangan dengan konsep atau latar belakang kebankrapannya, boleh memberitahu PPH atau Pemegang Harta (selepas ini akan dinamakan Ketua Pengarah *Insolvency*) kenapa si anu-anu itu kelihatan dalam kelakuan gelagatnya mewah, sedangkan kami mengetahui beliau adalah

seorang bankrap. Insya-Allah, kita akan mengambil tindakan, kalau segan hendak memberitahu PPH, boleh memberitahu menteri yang berkenaan. Kita pun boleh mengambil tindakan.

Cuma masalah yang didapati pada ketika ini ialah makluman itu kadangkala tidak sampai kepada perenggan pegawai yang bertanggungjawab maka tidaklah ada diambil tindakan. Insya-Allah teguran Yang Berhormat Senator akan kita rakam dan kita akan susul jika ada kes-kes yang jelas menunjukkan pengabaian tugas di bawah undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya buat akhirnya cuba menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Apakah kebijaksanaannya, beliau memberi teguran, yakni adakah keadaan daripada penjamin sosial dan mereka yang menjalankan tugas di bawah Seksyen 33 misalnya akan melalui kemungkinan-kemungkinan salah guna kuasa.

Sebenarnya untuk menjalankan tugas di bawah mana-mana undang-undang pun, kemungkinan salah guna kuasa memang ada. Waima di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan sekali pun di mana Peguam Negara secara peribadinya dan juga secara rasminya boleh mendakwa atau memberhentikan mana-mana pendakwaan atau membangkitkan semula, meneruskan pendakwaan mengikut budi bicaranya.

Itu merupakan *discretion* paling tinggi dalam undang-undang negara, inikan pula di bawah Seksyen 33A di mana pegawai berkenaan terpaksa mengikut beberapa asuhan, latihan dan juga prinsip-prinsip sebelum mengambil tindakan di bawahnya. Pindaan yang dikemukakan ini khusus untuk beliau tidak lagi memberi sebab. Terdahulu dari ini apabila sahaja beliau hendak melepaskan seseorang daripada status bankrap, maka *creditor* dengan pelbagai cara mengemukakan beberapa soalan, sengaja untuk menghentikan atau untuk menggagalkan tindakan melepaskan seseorang daripada status kebangkrutan setelah beliau itu menjadi si bankrap lima tahun dan lebih.

Jadi, sekarang apa yang dipinta ialah jika pada pandangan pemegang harta didapati sesuatu kes itu wajar dan layak dilepaskan setelah mengambil kira semua kriteria, maka pelepasan harus diberi dan tidak payahlah lagi bagi beliau memberitahu *creditor* dengan alasan-alasan yang panjang lebar seperti dahulu. Inilah tanggungan yang ada di bawah pindaan ini dan saya yakin ianya adalah diterima baik oleh masyarakat, tinggal lagi kesannya nanti tentulah kita akan pantau.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

Datuk Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan kepada saya.

Tadi, menteri telah menjawab satu hujah yang telah dibangkitkan oleh saya dan saya pun telah mendengar jawapan itu dengan teliti. Saya hendak tahu apakah pendapat menteri tentang keadilan kepada *creditor*? Adakah ini juga ada keadilan kepada *creditor*? Itu juga penting dalam perbincangan pindaan-pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Yaakob juga hendak bertanya soalan yang samakah? Boleh sekali arung.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ya, boleh Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Utama. Saya terpanggil apabila melihat kepada angka-angka yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Utama tadi tentang jumlah kes bankrap yang hampir 110,000 pada masa kini di negara kita.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Datuk Seri Utama tentang secara perbandingan jika dibandingkan dengan jumlah penduduk negara kita hampir mungkin sekitar 24 juta dengan peratus yang kita *declare* sebagai mufliis jika dibandingkan dengan masyarakat-masyarakat Jepun atau masyarakat Eropah? Apakah ini menandakan sudah wujud suatu penyakit budaya peminjam yang mana boleh dianggap *lower grade* ataupun masih ada kelas dari segi negara kita, kerana jumlah bankrap tidak ramai? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ataupun pandangan Yang Berhormat Datuk Yaakob itu adalah soalan yang bersifat *sociological* yakni suatu pendekatan yang sangat penting dari segi pengunjuran kita bagi *nation-building*, dengan izin, bagi dekad-dekad yang akan datang.

Tetapi secara rambang bolehlah saya memberi reaksinya iaitu jika purata 100,000 si bankrap individu berbanding dengan 25 juta penduduk sekarang - tidak lagi 24 juta - ini adalah angka yang amat kerdil dan kita boleh berbangga dengan hakikat bahawa nisbah kebangkrapan di Malaysia berasas kepada perangkaan individu terlalu kecil.

Namun, saya ulangi, namun sedemikian, tidak terkeluar kita daripada tanggungjawab untuk memberi didikan secara langsung kepada anak bangsa kita agar kecenderungan untuk meminjam tanpa aset dan tanpa latar yang kuat dari segi ekonomi, tentu menjadi permasalahan yang besar.

Untuk itu, jabatan berkenaan telah pun menjalankan tugas-tugasnya dan satu seminar di *Hotel Crown Princess* baru-baru ini telah memberi gambaran yang amat baik. Dan menurut perhitungan kita, kita akan terus menjangkau ke luar-luar bandar dan ke pekan-pekan untuk memberi taklimat, penerangan dan sesi soal jawab dengan Dewan-dewan Perniagaan, seterusnya dengan kumpulan-kumpulan di FELDA misalnya supaya tidak terjerumus kepada kebangkrapan ini.

Sociological approach ini akan juga kita lakukan terus menerus supaya penyelidikan yang sempat saya sebutkan tadi, kita besarkan *basenya*. Pada waktu dahulu hanya 2,900 lebih subjek, tetapi sekarang kita akan cuba mengembangkan *database* itu dengan lebih besar lagi supaya kita akan dapat gambaran yang lebih tepat buat masa akan datang sebagai latar belakang yang bertanggungjawab.

Mengenai susulan soalan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, saya setuju iaitu *equity* atau keadilan mesti wujud di kedua-dua belah pihak, tidak hanya kepada peminjam tetapi juga kepada kreditor. Saya suka merujuk Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng kepada seksyen 33B Akta ini, iaitu sekiranya kreditor tidak berpuas hati, beliau memang terbuka untuk mencabar di mahkamah dan hak itu tidak pernah ditutup.

Izinkan saya menyatakan di sini dan membacakan sedikit peruntukan itu:

"Section 33B - A creditor who has been served with a notice under subsection (1), and who wishes to object to the issuance of a certificate discharging the bankrupt shall, within 21 days from the date of service of the notice, furnish a notice of the objection stating the grounds of his objection."

Jadi, dengan yang demikian, tidaklah nyata bahawa beliau atau kreditor hilang haknya. Tinggal lagi, sekiranya pemegang harta mendapati bahawa sesuatu kes itu benar-benar layak dibantu, biasanya kreditor tidaklah menyanggahi. Ini terpulanglah kepada situasinya dan amaunnya serta apa yang telah diputuskan dalam bentuk keputusan pembicaraan di mahkamah sebelum pelepasan itu diberi.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira lanjut juga nampaknya penerangan itu dan setakat ini saya rasa telah pun menjawab semua persoalan termasuk yang datang dari Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu mengenai *social guarantor* sebentar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bukan sahaja telah menjawab tetapi telah menjawab dengan baik soalan-soalan yang telah dibangkitkan dan penerangan-penerangan yang begitu jelas. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.05 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, prosedur biasa pemfailan untuk pendaftaran paten antarabangsa adalah membebankan pihak pemohon dari segi masa dan kos kerana pemohon perlu membuat pemfailan sendiri di setiap negara yang ingin dilindungi paten mereka. Bagi memudahkan prosedur itu, pihak *World Intellectual Property Organization* (WIPO) telah mewujudkan satu *Treaty* antarabangsa yang dinamakan *Patent Cooperation Treaty* (PCT) dengan izin, di mana satu sistem pemfailan antarabangsa yang mudah dan murah telah dilaksanakan.

Di bawah sistem ini, pemohon boleh membuat pemfailan antarabangsa dengan hanya memfailkan satu permohonan paten dan hanya perlu menandakan mana-mana negara yang dipilih untuk dilindungi paten mereka. Urusan pemfailan di negara-negara lain yang dipilih oleh pemohon akan dibuat oleh WIPO. Ini menjimatkan masa dan kos kepada pemohon kerana tidak perlu melantik ejen di negara-negara yang dipilih untuk membuat pemfailan bagi pihak mereka.

Di bawah sistem PCT ini, iaitu *Patent Cooperation Treaty*, proses carian (*search*) dan pemeriksaan (*examination*) ke atas permohonan paten akan dijalankan oleh satu badan sahaja, iaitu Pihak Berkuasa Carian dan Pemeriksaan Antarabangsa yang dilantik oleh WIPO. Melalui sistem ini, kos carian dan pemeriksaan hanya dibayar kepada satu pihak sahaja, iaitu Pihak Berkuasa Carian dan Pemeriksaan Antarabangsa. Ini berbeza dengan prosedur biasa di mana setiap negara akan membuat carian dan pemeriksaan mereka sendiri ke atas permohonan paten yang sama. Oleh itu, ia membebankan pemohon kerana perlu membayar kos carian dan pemeriksaan kepada semua negara berkenaan.

Sistem PCT ini juga dapat meringankan beban kerja di Pejabat Pendaftaran Paten serta boleh membantu Malaysia mempercepatkan proses permohonan paten kerana sistem PCT menetapkan bahawa proses carian dan pemeriksaan oleh Pihak Berkuasa Carian dan Pemeriksaan Antarabangsa dilaksanakan dalam tempoh 30 bulan atau dua setengah tahun. Laporan pemeriksaan tersebut akan dihantar kepada Pejabat-pejabat Paten negara berkenaan untuk dibuat pemeriksaan akhir dan keputusan ke atas permohonan berkenaan. Dengan itu proses permohonan paten di bawah sistem PCT ini hanya mengambil masa kurang daripada tiga tahun berbanding dengan kira-kira lima tahun sekarang ini.

Sistem PCT ini tidak menjejaskan kedaulatan dan hak sesebuah negara untuk membuat keputusan ke atas sesuatu permohonan paten kerana kuasa melulus atau menolak masih terletak di bawah bidang kuasa setiap negara. Hanya proses carian dan pemeriksaan sahaja yang dibuat oleh badan antarabangsa dengan berdasarkan kepada kriteria dan standard yang diterima pakai di semua negara. Dengan itu, Kementerian saya mendapati bahawa sistem PCT ini amat berfaedah kepada negara, khususnya mengurangkan beban kerja kepada Pejabat Pendaftaran Paten dan menjimatkan kos pemfailan kepada paten.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan Malaysia menjadi ahli PCT dan melaksanakan sistem PCT ini, pindaan-pindaan sewajarnya perlu dibuat ke atas Akta Paten 1983 bagi menyediakan peruntukan-peruntukan berkaitan dengan PCT. Dengan itu, Fasal 5 Rang Undang-undang Akta Paten (Pindaan) 2003 ini mencadangkan satu bahagian baru iaitu XIVA diwujudkan dalam Akta ibu untuk menyediakan peruntukan-peruntukan bagi pemfailan paten antarabangsa.

Bahagian ini mempunyai 17 Seksyen iaitu Seksyen 78A hingga 78Q bagi menjelaskan fungsi-fungsi Pejabat Pendaftaran Paten sebagai pejabat penerima permohonan paten antarabangsa di bawah sistem PCT. Ia juga menjelaskan mengenai prosedur-prosedur bagi pemfailan paten antarabangsa.

Selaras dengan sistem PCT juga, Fasal 2 rang undang-undang mencadangkan pindaan ke atas Seksyen 34 Akta ibu bagi membenarkan orang awam membuat pemeriksaan ke atas dokumen permohonan paten selepas 18 bulan dari tarikh *priority* atau dari tarikh pemfailan permohonan. Pada masa ini pemeriksaan oleh orang awam hanya boleh dibuat selepas sesuatu paten itu diberi kelulusan.

Pindaan ini akan membolehkan orang awam mengetahui lebih awal mengenai kewujudan sesuatu reka cipta. Ini membolehkan mereka mengelak daripada menjalankan penyelidikan ke atas sesuatu perkara yang telah pun dibuat penyelidikan oleh orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan untuk menyediakan peruntukan mengenai sistem PCT, peluang ini juga diambil untuk memperkemas beberapa peruntukan sedia ada seperti berikut:

- (i) peruntukan mengenai tempoh perlindungan paten selama 20 tahun; dan
- (ii) peruntukan mengenai lesen wajib (*compulsory licence*).

Mengenai tempoh perlindungan paten, Fasal 3 rang undang-undang mencadangkan supaya Seksyen 35 Akta ibu dipinda untuk menjelaskan bahawa tempoh perlindungan Paten selama 20 tahun daripada tarikh pemfailan adalah juga terpakai kepada semua permohonan paten yang difailkan sebelum 1 Ogos 2001 iaitu tarikh kuat kuasa perlindungan Paten selama 20 tahun. Ini bermakna bahawa Paten yang telah diluluskan dan yang belum diproses sebelum tarikh tersebut tetapi belum mencapai tempoh 20 tahun daripada tarikh pemfailannya adalah layak mendapat tempoh perlindungan selama 20 tahun. Pindaan ini adalah selaras dengan kehendak Perjanjian TRIPS iaitu *Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 Rang Undang-undang mencadangkan untuk meminda Seksyen 52(a) Akta ibu untuk memberi kelonggaran kepada pemunya lesen wajib melakukan kegiatan import. Pada masa ini mereka yang diberi kebenaran untuk mengeksploitasi sesuatu paten melalui lesen wajib hanya boleh melaksanakannya dengan mengeluarkan sendiri produk itu dalam negeri. Dengan memberi kelonggaran untuk mengimport, mereka boleh memilih sama ada untuk mengeluarkan sendiri atau mengimport produk berkenaan. Kelonggaran ini dirasakan wajar sekiranya kos untuk mengeluarkan sendiri didapati lebih tinggi daripada kos produk import.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang Akta Paten (Pindaan) 2003 ini adalah merupakan pindaan bagi memperbaiki sistem dan prosedur sedia ada. Saya yakin dengan pindaan ini, sistem perlindungan paten negara akan menjadi lebih mudah dan cekap. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sokong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten Tahun 1983 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin.

3.16 ptg.

Datuk Nor Azah binti Awin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya amat menyokong hasrat kerajaan untuk meminda Akta Paten 1983 ini agar dapat mendatangkan keberkesanan dalam urusan permohonan paten seperti yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Sudah sampai masanya, malahan mungkin harus dibuat sebelum ini lagi untuk Malaysia menjadi salah sebuah negara dalam *treaty* kerjasama paten atau dengan izin, *Patent Corporation Treaty* (PCT) terutamanya kerana negara kita adalah anggota Paris *Convention for the Protection of Industrial Property 1883*. PCT ini telah disiapkan dalam tahun 1970, dipinda pada tahun 1979 dan diubah suai dalam tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pindaan ini kita dimaklumkan tadi bahawa pendaftaran sesuatu paten di negara ini sama ada pemohonnya warganegara Malaysia atau syarikat di Malaysia akan memakan masa lebih daripada empat tahun berbanding dengan Jepun dan Korea Selatan yang hanya memerlukan kurang daripada tiga tahun. Malahan ada kalanya ia memakan lebih daripada lima tahun kerana pendaftaran paten ini memerlukan spesifikasi yang lengkap untuk dapat diproseskan. Maka adalah sesuai mengadakan pindaan ini supaya ia akan dapat memudahkan Pejabat Pendaftaran Paten di negara kita memberikan perkhidmatan yang cekap kepada pemohon tempatan.

Malahan juga dengan menganggotai PCT ini perkhidmatan kepada pemohon asing dari negara yang menjadi ahli kepada *treaty* ini juga akan dipertingkatkan lagi terutama dengan *facility* menjalankan pendaftaran dengan secara serentak atau dengan izin, *simultaneous* dalam pelbagai negara yang ingin difailkan oleh pihak pemohon. Dengan ini, negara kita akan mencapai taraf mutu perkhidmatan antarabangsa sejajar dengan hasrat kita menuju kepada negara maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan *treaty* ini daripada segi proses, mengandungi dua langkah. Pertama ialah proses carian, iaitu kepastian bahawa sesuatu reka cipta (*invention*) itu betul-betul ulung dan tidak ada didaftarkan di mana-mana negara sekalipun. Proses ini adalah amat rumit dan memakan masa yang panjang tetapi masa kini dengan adanya ICT melalui Internet ia kini dapat dikendalikan dengan cepat dan cekap. Langkah seterusnya juga iaitu pendaftaran paten yang dibuat secara serentak (*simultaneous*) dalam negara-negara yang dikenal pasti oleh permohonan juga dapat dilaksanakan pada *real time* melalui ICT. Memandangkan negara kita berteraskan k-ekonomi, lengkap dengan *corridor multimedia* nya, langkah memodenkan proses carian dan proses pendaftaran paten ini melalui penganggotaan PCT ini adalah amat tepat dan amat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, paten ini adalah salah satu daripada kumpulan *intellectual property* atau harta intelek seperti juga *copyright* atau hakcipta, *trademark* dan sebagainya yang dibahaskan semalam. Saya juga pernah di Dewan yang mulia ini membuat analisis terperinci tentang jumlah wang yang telah diperuntukkan setiap tahun di universiti-universiti dan badan-badan penyelidikan untuk R&D. Kita tidak ketinggalan dalam pengkhususan kita dalam bidang *new frontier* ini. Malahan dana-dana dan geran yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah menggalakkan dan sangat memberangsangkan.

Tetapi, persoalannya ialah, setakat manakah ciptaan tersebut dipatenkan yang mana langkah yang seterusnya yang logik ialah dari segi *commercialization* atau proses mengkomersialkan. Bidang-bidang yang telah di sasar merangkumi produk berasaskan sumber domestik atau dalaman, teknologi moden berasaskan ICT dan pelbagai yang lain juga.

Kita juga telah menyeru agar usahawan-usahawan dan agensi-agensi tempatan menjalinkan perkongsian bistari dengan badan-badan *research* asing untuk mempelopori bidang-bidang yang mana kapasitinya mungkin tidak mencukupi atau masih memerlukan peningkatan di negara kita. Sementara kita perlu menjaga dan menyelamatkan *invention* kita dari pencerobohan pihak-pihak asing, kita juga harus banyak mengeluarkan dan menemukan *inventions* yang baru dan ulung yang dapat dipatenkan dan mempunyai nilai komersial.

Isu ini pernah juga saya bahaskan di Dewan ini juga, yang mana saya pernah menyuarakan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang mana Malaysia harus mendapatkan *Nobel Prize*, atau Hadiah Nobel menjelang tahun 2020 yang merupakan satu hasrat yang dapat dicapai dengan adanya prasarana yang dapat menyokong saintis-saintis dalam mencipta sesuatu yang terulung dan terancang di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh isu bioteknologi, biosains, bioperubatan yang mana kesemuanya adalah berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan atau ringkasnya R&D dalam kita menumpukan perhatian kita dalam membangunkan projek Bio-Valley di negara kita. Kita akui bahawa dalam negara kita Orang Asli pun mempunyai pengetahuan tentang ubat-ubatan herba yang mana kalau kita bantu dengan sistem pengeluaran secara moden dan memberi khidmat piawaian, produk-produk itu tentu dapat dikomersialkan.

Apa yang kita lihat, bukan sahaja di negara kita malahan di beberapa negara membangun, pengetahuan sedemikian tidak diberikan perhatian. Umpamanya kuinin yang merupakan bahan farmaseutikal yang ulung, telah dijumpai berkurun dahulu di sekitar lokasi di Ulu Peru. Saintis negara asing telah menjalankan penyelidikan secara senyap-senyap, memajukan industri yang besar tanpa pengetahuan negara asal. Saya percaya situasi yang sama terdapat juga di negara kita, di mana umpamanya di Sarawak yang mana ia kaya dengan sumber-sumber asli yang mengandungi nilai ubat-ubatan atau (*medicinal value*) yang telah diterokai dan diselidiki oleh saintis-saintis asing tanpa pengetahuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini walau bagaimanapun, telah disedari oleh negara-negara membangun dan mereka telah bergabung agar hak-hak negara mereka, hak-hak komuniti berkenaan mesti dikekalkan. Sejumlah 15 negara telah bergabung dan dinamakan *the Group of Like-Minded Mega Diverse Countries* di bawah naungan UNEPS terdiri daripada Bolivia, Brazil, China, Costa Rica, Colombia, Ecuador, India, Indonesia, Kenya, Mexico, Malaysia, Peru, Philippines, South Africa dan Venezuela. Negara-negara ini bersama-sama memiliki lebih daripada 70% daripada jumlah sumber kekayaan *biological diversity* di seluruh dunia dan dari segi jumlah penduduk pula, sebanyak 45% di samping kekayaan dari segi pengetahuan asli atau, dengan izin, *traditional knowledge*.

Dalam *conventionnya* yang lalu, bulan November tahun lepas di Cisco, Peru, kesemua negara anggota sebulat suara bersetuju untuk mengadakan agenda yang sama atau *common agenda* untuk bekerjasama dan mempromosikan hak-hak mereka dalam pembangunan sumber *biological* mereka, termasuk perkongsian manfaat dari segi komersial dan lain-lain dan juga menjaga pengetahuan tradisi atau *traditional knowledge*. Kesemua sumber-sumber dari tiap-tiap negara adalah hak *sovereign* atau kedaulatan yang harus dihormati oleh dunia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca prinsip kumpulan ini yang berbunyi demikian, "*Based on the principle of the sovereign rights of the states over their own natural resources, enshrined in the Rio Declaration, the convention on biological diversity and the Cancun Declaration, the group intends to ensure the conservation and sustainable use of their biological and other resources, especially with regard to the fair and equitable sharing of benefits arising out of the use of bio-diversity. As a group, they will ensure that the interest of the countries of origin of biological resources, and those of indigenous and local communities are given adequate attention and focus and concerns are adequately addressed at all regional and global initiatives and activities*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang menarik dalam advokasi mereka ini ialah bukan sahaja faedah dan manfaat apa-apa ciptaan atau *invention* berasaskan sumber bio di sesuatu negara itu terpelihara pada masa akan datang malahan, telah dipersetujui sebulat suara bahawa faedah dan manfaat ini ditunda tarikh penguatkuasaannya kepada jangka masa 40 tahun ke belakang. Saya telah berpeluang mewakili Dewan Negara di persidangan tersebut di mana, selain daripada mesyuarat di antara menteri-menteri, suatu mesyuarat untuk Ahli-ahli Parlimen atau *legislative* telah diadakan dan suatu platform juga ditubuhkan pada tahun 2002 itu. Anggota-anggota Parlimen di kumpulan ini masih belum dirasmikan, kerana cuma tiga negara menyertai konvensyen tersebut. Walau bagaimanapun, suatu resolusi telah dicapai antara tiga negara iaitu Malaysia, Peru dan Mexico agar usaha ini berterusan dan di mana undang-undang akan diselaraskan di antara negara-negara anggota. Malaysia adalah tuan rumah kepada konvensyen itu tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya langkah meminda Akta Paten yang kita bahaskan hari ini memberikan lebih makna dengan adanya penganggotaan kita dalam *the Group of Like-Minded Mega Diverse Countries* ini, agar penyelarasan dari segi rang undang-undang akan memberikan keberkesanan kepada usaha-usaha kita. Ini ditambah pula dengan gelombang globalisasi dan juga AFTA yang telah bermula dan akan dilaksanakan berperingkat-peringkat dalam jangka masa yang telah dipersetujui. Saya percaya, banyak lagi penyelarasan dari segi rang undang-undang akan dibuat, sama ada akta baru ataupun pindaan kepada akta-akta yang sedia ada. Dengan anjakan sedemikian, peranan kita sebagai Ahli Parlimen yang membahaskan dan meluluskan rang undang-undang, akan juga melalui anjakan, terutama di Dewan Negara yang mulia ini, badan kelulusan yang paling tinggi, yang mana kita rasa kadang-kadang kita cuma '*rubber stamp*', saya hendak tengok semuanya tidurkan atau tidak. *[Ketawa]*

Saya menyeru kesemua rakan-rakan agar kita juga sedia membuat penyelidikan kita, memahami pergolakan dunia dan juga Tuan Yang di-Pertua, kami harus juga menyertai persidangan, konvensyen dan sebagainya, agar perbahasan kita bermutu tinggi dan terkini dari segi kefahaman. *In short* dengan izin, "*The Role Of Parliamentarians Are Also Transforming*", salah satu tema di persidangan sempena ulang tahun ke-50 Parlimen India awal tahun ini. Kita saksikan juga parlimen-parlimen serantau diwujudkan seperti *European Parliament*, satu langkah selepas wujudnya *European Union* (EU). Mungkin Tuan Yang di-Pertua, suatu ketika akan tiba di mana ASEAN Parlimen mungkin wujud atau ditubuhkan. Ini bererti, peranan kita akan berubah selaras dengan perubahan blok-blok perdagangan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong sepenuhnya suatu akta untuk meminda Akta Paten 1983 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.28 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Paten 1983 ini. Saya ingin tahu sedikit latar belakang tentang cadangan ini kerana daripada nota-nota catatan yang diberikan itu, nampaknya *treaty* berkenaan iaitu *Treaty Kerjasama Paten* (PCT) ini telah dibuat dalam tahun 1970 dan telah berkuat kuasa pada tahun 1978. Sekarang, sudah 2003 iaitu, selepas satu tempoh yang panjang, iaitu 25 tahun baru kita bersedia menyertai *treaty* ini dan sekarang baru sempat atau ingin mengambil bahagian dalam PCT ini. Jadi, selepas menunggu satu tempoh suku abad iaitu paling lama suku abad menunggu kesan *treaty* ini, baru sahaja kita mahu menyertainya.

Jadi saya ingin tahu, apakah faktor-faktor yang menjadikan ia begitu penting sehingga kita rasa sudah sampailah masanya untuk menyertai *treaty* ini? Dan adakah kita telah mengkaji kebaikan-kebaikan kepada negara pada keseluruhannya untuk menyertai *treaty* ini? Pada saya apabila kita mengambil bahagian dalam sebarang *treaty*, kita juga dipertanggungjawabkan dengan beberapa tindakan yang harus dilakukan dan kita juga kena memberi perlindungan-perlindungan tertentu kepada negara-negara yang telah menandatangani perjanjian tersebut kerana ini adalah satu tanggungjawab antarabangsa kita.

Jadi itu telah mengambil satu masa yang begitu panjang iaitu satu suku abad - 25 tahun bagi kita membuat keputusan untuk mengambil bahagian. Adakah kita sudah rela atau haruskah kita tunggu 25 tahun dari sekarang baru kita menyertai *treaty* ini? Mungkin ada penjelasan-penjelasan yang tertentu yang saya kurang dapat daripada nota-nota yang diberikan.

Berkenaan dengan bahagian 14A yang telah dicadangkan sebagai satu bahagian baru iaitu permohonan antarabangsa di bawah *treaty* kerjasama paten atau PCT ini, apabila saya membaca peranan kementerian khususnya pejabat paten dalam usahanya membantu rakyat kita mendapatkan paten, saya tahu pada takat ini bilangan paten yang dikeluarkan kepada rakyat kita di Malaysia hanya satu bilangan yang kecil sahaja kalau dibandingkan dengan paten-paten yang dikeluarkan oleh negara-negara lain. Antaranya mungkin disebabkan oleh usaha pejabat paten dalam membantu pihak-pihak kita untuk mendapatkan paten.

Tadi kita telah mendengar masalah tentang masa untuk menyiasat latar belakang sesuatu permohonan. Dan adakah ini juga akan melemahkan usaha kita dari segi membantu rakyat kita mendapat lebih paten? Kalau kita melihat perundangan yang telah dicadangkan di bawah Bahagian XIVA ini, kita dapati di banyak bahagian saya boleh bagi contoh 78H(4), 78I(4), 78O(2) semua ini mengandungi bahagian-bahagian yang menolak permohonan. Semua ini cari sebab untuk menolak permohonan-permohonan daripada rakyat kita. Pada anggapan saya peranan pejabat paten mesti pro-aktif, mesti membantu tetapi di sini cari sebab untuk menolak sesuatu permohonan.

Kalau demikian bagaimana rakyat kita boleh dapat lebih paten? Setahu saya di pejabat paten di negara-negara maju sedang disertai oleh pegawai-pegawai yang cukup berpengalaman, cukup matang dan dengan sikap yang ingin membantu rakyat dari negara itu untuk mendapatkan lebih paten. Tetapi kalau kita melihat di dalam perundangan Bahagian XIVA itu, dilihat kian-kian permohonan tidak lengkap, ini tidak beres, itu tidak beres, ditolak, ditolak, ditolak, seolah-olah kita bangga dengan proses penolakan.

Saya lebih berbangga kalau kita boleh umumkan tahun ini ada 10 permohonan, dan dengan bantuan pejabat paten 8 telah didaftarkan atau telah diterima, dan satu dua sahaja sedang menunggu maklumat yang lebih - bukan ditolak tetapi menunggu maklumat yang lebih. Kalau saya boleh melihat demikian, maka saya akan berasa lebih berbangga dengan peranan pejabat paten itu. Jadi ini ialah satu anggapan saya daripada membaca fasal-fasal yang ada di bawah bahagian 14A ini. Mungkin teguran ini boleh diambil perhatian oleh pejabat paten.

Kita harus menggunakan satu sikap bantu membantu rakyat kita menjayakan permohonan paten itu dan bukan menolaknya kononnya maklumat tidak lengkap dan sebagainya. Apa pasal kalau kita minta pemohon itu datang lebih kerap untuk memastikan permohonan itu betul-betul sempurna tetapi jangan gunakan kuasa ini untuk menolaknya. Kita mesti melihat dari segi jumlah yang telah diterima hanya sebilangan kecil sahaja di negara kita. Jadi kita harus berusaha lebih giat lagi untuk membantu golongan ini untuk mencapai satu peratusan yang lebih tinggi.

Saya harap perkara-perkara di bawah 78H (4), 78I (4), 78O (2) itu boleh dilihat dari segi ingin bantu membantu dan bukan dari segi hendak cari sebab untuk menolak. Mungkin kerja itu lebih ringan, terus menolak itu lebih ringan. Kalau kena berhubung dengan si pemohon mungkin itu akan menyusahkan pegawai. Kalau tidak cukup pegawai mungkin kementerian boleh minta lagi lebih jawatan tetapi akhirnya yang penting sekali ialah kepentingan negara.

Kita mahu Malaysia mencapai satu peratusan kejayaan dalam pendaftaran paten yang tinggi supaya usaha-usaha kita itu dapat dijaga dan usaha-usaha kita itu juga dapat dihargai dan diberikan pemulangan-pemulangan yang berpatutan kepada si pencipta itu dan kepada mereka yang telah berusaha membuat penyelidikan dan kemudian mendapatkan paten yang sesuai bagi penciptaan mereka.

Ini adalah satu tekanan yang saya mahu kementerian itu melalui pejabat patennya melakukan demi kebaikan negara pada keseluruhannya. Di bawah 78Q juga ada peruntukan di mana pejabat penerima asing iaitu bila kita hantar ke sana, mereka ada

kuasa dan mereka ada hak untuk ingin memberikan suatu tarikh pemfailan kepada permohonan kita. Itu menunjukkan pihak sana juga mahu jaga kepentingan dan bila kita hantar ke sana, sana juga mahu cari masalah untuk menolak permohonan kita.

Di sini 78Q ada disebutkan bahawa pejabat penerima asing boleh enggan memberikan suatu tarikh pemfailan dan apa tindakan yang harus kita ambil. Di sini ada diperuntukkan bahawa Pejabat Pendaftaran Paten hendaklah memutuskan sama ada keringanan itu wajar di bawah *treaty* atau kaedah-kaedahnya. Ia akan memutuskan tetapi cerita bukan habis di sana sahaja. Selepas diputuskan bahawa asas-asas yang digunakan untuk menolak permohonan kita itu tidak berasas, apakah tindakan seterusnya.

Bagaimana pihak kita dapat perlindungan kerana 78Q membiarkan cerita habis di sana sahaja. Kita memutuskan sama ada keengganan itu wajar di bawah *treaty* atau tidak tetapi apakah langkah kemudian. Bagaimana kita boleh membantu proses ini sampai ke peringkat penyempurnaan supaya permohonan kita itu dapat difailkan, tarikh dapat diberi dan selepas itu pemprosesan permohonan kita dapat dilakukan. Mungkin kita tunggu begitu lama untuk mengambil bahagian dalam *treaty* ini sehingga mungkin kita tiada pengaruh langsung dan kita tidak berani katakan kita kena rayu, kita kena ambil pihak ini rujuk kepada pihak Tribunal untuk membuat suatu keputusan atau proses rayuan dan sebagainya untuk memastikan bahawa kes kita itu boleh sampai ke tahap yang kita harapkan.

Jadi, nampaknya ada lagi banyak kelemahan dari segi peranan pendaftaran paten kita dan semua ini harus dibetulkan oleh Pejabat Pendaftaran Paten kerana mereka mempunyai kepakaran, mereka mempunyai kuasa, mereka mempunyai tanggungjawab untuk membantu rakyat kita untuk mendapatkan paten dan satu proses yang senang yang tepat dan yang membantu pemohon itu harus dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftaran Paten supaya semua hasrat kita dapat dicapai terutama hasrat kita supaya boleh keluaran lebih paten.

Sekarang apabila rakyat kita membuat cetak rompak kerana di bawah *treaties*, mereka pun hadapi banyak masalah. Mereka diambil tindakan oleh kerajaan, pegawai-pegawai penguatkuasaan daripada kementerian juga menghadapi masalah dipukul oleh rakyat kita sendiri dan banyak lagilah masalah yang wujud dan sekarang jika dilihat dari kaca mata rakyat kita sendiri sebagai terlalu keras dalam mengambil tindakan-tindakan tertentu. Oleh kerana kita telah membuat perjanjian dan kita bimbang kalau kita tidak melaksanakan penguatkuasaan, kita nanti dilihat sebagai pihak yang tidak bertanggungjawab di kaca mata antarabangsa negara-negara antarabangsa. Oleh kerana itu kita kena bertindak tetapi pada masa yang sama kita juga harus bertindak lebih giat lagi untuk membantu rakyat kita untuk mendapatkan paten.

Jadi, saya nampak cadangan-cadangan di bawah seksyen 14 itu, masih ada perkara-perkara yang dapat diperkukuhkan lagi oleh kementerian. Saya berharap dari masa ke semasa kita akan diberi maklumat tentang berapa permohonan telah diterima dan berapa permohonan telah ditolak kerana kekurangan-kekurangan seperti yang tersenarai di bawah 78H, 78I dan 78O itu.

Ini kerana saya yakin statistik nanti akan menunjukkan kita menolak lebih daripada kita menjayakan permohonan-permohonan itu, kecuali kita menukar sikap kita untuk membantu pihak ini dengan lebih giat lagi. Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah tentang bahasa yang digunakan untuk pemfailan ini.

Di dalam akta ini ada di katakan mereka yang membuat pemfailan itu boleh membuatnya di dalam dua bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan dan juga bahasa Inggeris. Di dalam situasi yang mana pemfailan itu hanya dibuat di dalam Bahasa Malaysia, adakah ini akan membawa sebarang masalah kepada permohonan itu kerana perkara-perkara akan dirujuk kepada satu pejabat antarabangsa yang ada di Washington kalau tidak salah saya.

Jadi daripada segi bahasa yang diguna dalam pemfailan itu, adakah ia sesuai kalau kita minta bahawa mereka membuat permohonan itu di dalam dua bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan dengan bahasa Inggeris supaya permohonan itu tidak menghadapi sebarang masalah. Saya pun kurang tahu proses untuk ini selepas diterima oleh Pejabat Pendaftaran Paten apa akan berlaku kepada dokumen-dokumen itu. Adakah itu semata-

mata untuk kegunaan kita ataupun ia akan disebar sebagai maklumat dan mungkin memprosesan di pejabat-pejabat antarabangsa.

Jadi, kalau ia perlu disebar, ia perlu dihantar kepada pejabat-pejabat lain maka pada pendapat saya, adalah sesuai untuk meminda bahawa dokumen-dokumen ini diberi dalam dua bahasa supaya ia tidak mengganggu lagi proses pendaftaran itu. Itu yang penting. Saya mahu melihat satu kejayaan bukan satu kegagalan yang setiap kali masalah di atas sebab-sebab teknikal. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Paten ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui.

3.55 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Paten (Pindaan) 2003. Perbahasan saya akan menyentuh beberapa perkara mengenai rang undang-undang ini dan Akta Ibu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya rang undang-undang adalah perlu dipadankan sekarang dan memang tepat pada masanya. *Treaty* kerjasama paten akan membolehkan pemfailan satu permohonan paten di satu negara tetapi mempunyai kesan di beberapa negara lain tanpa memerlukan pemohon memfailkan permohonan berasingan di setiap negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini menggambarkan betapa kerajaan memang sedar tentang peri mustahaknya tentang harta intelektual di negara ini dilindungi. Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang berada dalam era digital. Perlindungan harta intelektual nampaknya semakin tercabar. Melalui proses maklumat digital penyalinan, perhubungan dan manipulasi data sangat mudah dilakukan dan tidak syak lagi undang-undang paten yang ada tidak berupaya menjaganya.

Oleh itu saya ingin bertanya pihak yang berkenaan sama ada undang-undang perlindungan tradisi menjaga hak intelektual masihkah berkesan dalam era ruang siber masa kini? Bagaimanakah kita boleh melindungi hak intelektual dalam persekitaran *internet*? Perkhidmatan *interactive online* dan *e-mail*, dengan izin, adakah kita telah bersedia untuk menghadapi semua cabaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak berkuasa yang berkenaan akan sentiasa mengimbangkan kepentingan-kepentingan terhadap harta dan insentif kepada pereka cipta di satu pihak dan memastikan peluang untuk mereka cipta sentiasa terbuka luas di mana sesuatu bidang ini tidak dibolot oleh satu pihak sahaja di pihak yang lain. Kita hendaklah memastikan bahawa undang-undang paten bukan hanya untuk melindungi kepentingan orang kaya dan mampu untuk membuat penyelidikan untuk mereka cipta dan seterusnya menghalang pihak lain untuk menceburkan diri dalam bidang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sebaliknya pula jika tiada perlindungan diberikan di atas ciptaan maka para pelabur tidak mungkin berminat untuk melabur dalam bidang-bidang baru dan akibatnya akan membantutkan perkembangan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sempena membahaskan rang undang-undang ini izinkan saya mengambil kesempatan untuk bertanya kementerian yang berkenaan sama ada ia mempunyai rancangan jangka pendek atau jangka panjang untuk membolehkan orang ramai mudah dengan peruntukan-peruntukan harta intelektual yang ada dalam Akta Paten.

Saya memang bersetuju dengan rakan saya Senator Dato' Chin Fook Weng tadi tentang proses memfailkan permohonan paten. Kita haruslah melicinkan prosesnya. Saya juga berpendapat undang-undang yang ada pada masa ini terlalu kompleks seperti bila masanya sesuatu ciptaan boleh dipatenkan. Adakah ciptaan itu sesuatu yang boleh menikmati perlindungan sama ada kedudukan monopoli disokong oleh dokumen-dokumen yang diperlukan oleh undang-undang dan sebagainya.

Izinkan saya selanjutnya bertanya pihak yang berkenaan: *Isn't all these procedures too complicated to the extreme?* Dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, *if our law*

is not made more comprehensive to Malaysian users of the patent system, then I think we as the legislators have failed in our responsibility. Dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin bertanya kementerian yang berkenaan, adakah benar 'tongkat Ali' satu produk kita yang terkenal turun-temurun yang berasal dari negara ini telah dipatenkan oleh sebuah syarikat dari Amerika Syarikat. Syarikat dari Amerika Syarikat ini telah mempatenkan tongkat Ali sebelum syarikat tempatan membuatnya. Ekoran dari pendaftaran paten ini, maka tongkat Ali secara tidak langsung merupakan suatu *American product*, dengan izin. Mengapa dan bagaimana perkara ini boleh berlaku amatlah mengejutkan saya dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain setuju dengan saya.

Ini tidak sepatutnya berlaku, kerana tongkat Ali *is an everyday language and familiar to almost every Malaysian*, dengan izin. Ini menunjukkan bahawa ahli-ahli perniagaan dan pengeluar tempatan tidak peka dengan undang-undang paten yang ada di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, selepas ini janganlah 'Kacip Fatimah' pula dipatenkan oleh sebuah syarikat lain dari Amerika Syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, macam mana semua ini tahu?

Datuk William Lau Kung Hui: Saya memang membuat sedikit *research*, ini informasi memang benar dan tepat, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya boleh memberi jaminan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya hendak membuat pengumuman sedikit. Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada petang ini.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat Datuk Lau, sila.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di mana saya? Oh! kacip Fatimah.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dah hilang pula.

Datuk William Lau Kung Hui: Kacip Fatimah pula dipatenkan oleh sebuah syarikat lain dari Amerika Syarikat atau United Kingdom kerana kita mesti belajar dari kesilapan kita iaitu *'pisang tidak akan berbuah dua kali'*. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang berkenaan adalah wajib bersifat proaktif memberi penjelasan dan kesedaran kepada orang ramai tentang undang-undang paten yang ada di negara ini melalui kempen-kempen kesedaran seperti *workshop* dan sebagainya agar ahli-ahli perniagaan kita tidak ketinggalan sekali lagi pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin minta penjelasan dari pihak yang berkenaan ialah tentang bilangan paten yang didaftarkan oleh orang asing di negara ini, kerana saya kurang pasti sama ada paten yang di daftarkan di negara ini kebanyakannya dimiliki oleh orang asing berbanding dengan paten yang didaftarkan oleh rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, jika majoriti paten yang didaftarkan adalah milik orang asing, maka negara kita sebenarnya hanyalah melindungi kepentingan orang asing dari ditiru dan pada hari ini apabila rang undang-undang ini diluluskan, saya khuatir apakah implikasi terhadap kepentingan orang kita, memandangkan rang undang-undang ini akan membolehkan memfailkan satu permohonan paten di luar negara tetapi mempunyai kesan kepada negara kita .

Tuan Yang di-Pertua, jika ini keadaannya, sampai bila pun kita tidak boleh mengatasi monopoli yang diwujudkan oleh orang asing ini dan peluang kita untuk maju juga terhindar dengan munculnya undang-undang sebegini. Saya dengan ini Tuan Yang di-Pertua, mencadangkan supaya ditubuhkan suatu majlis atau badan untuk mengkaji semula seluruh undang-undang paten kita supaya ia tidak membantutkan proses pembangunan dan adil kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya berharap pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian di atas cadangan-cadangan saya tersebut di atas dan akhir kata saya memohon untuk menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sila, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

4.06 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya ingin merakamkan tahniah kepada kementerian kerana berjaya untuk mengemukakan satu rang undang-undang yang sudah lama ditunggu-tunggu oleh rakyat, undang-undang yang boleh mencerminkan keperluan semasa. Akta paten yang mula diperkenalkan pada tahun 1983 dan kini sudah semakin banyak mengalami perubahan berikutan kehendak dan peredaran zaman, adalah bertujuan untuk melindungi hak pihak-pihak tertentu yang selama ini berusaha keras untuk menghasilkan satu reka cipta baru bagi kegunaan manusia sejagat. Seandainya tidak ada perundangan yang boleh menjadi garis panduan sedemikian, maka sudah pasti ramai orang akan boleh hidup dengan senang lenang hanya dengan cara mencuri hasil, idea atau reka cipta orang lain.

Justeru itu, adalah perlu kerajaan dari masa ke semasa mengkaji serta menilai semula keberkesanan setiap tindakan yang diguna pakai untuk memastikan setiap tindakan tersebut sentiasa bertepatan dengan kehendak pihak-pihak yang ingin mempatenkan hasil reka cipta mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya pindaan-pindaan yang dibuat terutamanya dengan mewujudkan satu peruntukan baru menjurus kepada menjaga serta memelihara hak kita dalam mempatenkan hasil reka cipta yang kita keluarkan di peringkat antarabangsa, saya berpendapat usaha kerajaan Malaysia ingin menjadi satu pihak dalam Terti Kerjasama Paten atau *International Application Under The Patent Cooperation Treaty* merupakan satu langkah yang sangat bijak terutama sekali sebagai usaha sokongan bagi menggalakkan lebih banyak reka cipta yang kita hasilkan bersaing di peringkat global.

Ini seterusnya akan membantu kita untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi kepada keadaan yang lebih baik dari tahun ke setahun. Di sebalik usaha ini juga sebenarnya ia adalah perangsang kepada golongan-golongan usahawan tempatan supaya berlumba-lumba membekalkan reka cipta yang mereka hasilkan bagi memperkukuhkan lagi aktiviti perniagaan mereka. Dengan cara ini usahawan-usahawan tempatan mampu untuk berdikari dan mencari inisiatif sendiri bagi mengembangkan serta memajukan perniagaan mereka sehingga ke peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut tertarik dengan fasal 2 untuk meminda seksyen 3A Akta 291 yang menyatakan bahawa kebenaran akan diberikan kepada orang ramai untuk memeriksa sesuatu permohonan paten selepas habis tempoh 18 bulan dari tarikh pemfailan permohonan paten tersebut. Jika diperhatikan tempoh 18 bulan itu, merupakan satu tempoh yang agak lama untuk dinanti, sedangkan pihak-pihak yang ingin memohon paten itu sudah tentu memerlukan pada kadar yang segera bagi membolehkan reka cipta yang mereka hasilkan boleh dijual oleh mereka dan mendapat keuntungan darinya serta dalam masa yang sama terjamin bahawa hasil reka cipta itu tidak lagi dicuri oleh pihak lain. Oleh yang demikian, saya ingin merayu agar kerajaan menilai semula jangka masa tersebut supaya ianya setimpal ataupun berbaloi dan munasabah kepada pihak-pihak yang memohon paten tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu fasal 4 yang bertujuan untuk meminda seksyen 52, Akta 291 supaya memberi kebenaran ke atas tindakan pengimportan reka cipta yang dipatenkan juga boleh menimbulkan persoalan yang lain. Ini kerana sekiranya keadaan sebegini berlaku, pihak-pihak yang mendapat kebenaran itu akan berkecenderungan untuk menghasilkan keuntungan hanya daripada penjualan reka cipta yang diimport sahaja tanpa usaha-usaha gigih bagi menghasilkan sendiri reka cipta yang

boleh dipatenkan kepada mereka. Sudah pasti implikasinya adalah imej Malaysia sebagai negara yang mampu mengeluarkan reka cipta sendiri akan terjejas di mata masyarakat antarabangsa.

Oleh itu, keadaan ini perlulah dipantau sebaik mungkin supaya kita kelak tidak dikatakan tidak berupaya menghasilkan reka cipta sendiri, sedangkan pada hakikatnya kita sudah menempa nama dalam menghasilkan reka cipta baru terutamanya di peringkat antarabangsa. Kita harus bertindak lebih giat lagi untuk mendapatkan seberapa banyak paten. Maka kementerian bertanggungjawab untuk memperbaiki segala kelemahan seperti mana yang ditegur oleh Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini supaya segala tindakan kementerian mencerminkan kesungguhan dan kebijaksanaan dalam usaha untuk melindungi dan menggalakkan hak cipta warganegara Malaysia.

Saya juga bersetuju diperbanyakkan seminar ataupun forum cara untuk mendapat paten supaya rakyat lebih peka dengan segala peraturan yang diperlukan. Jangan akibat daripada kurang kefahaman, orang asing akan mengambil kesempatan. Secara keseluruhannya, saya melihat bahawa semua pindaan yang diadakan di atas fasal-fasal dalam akta sangat-sangat membantu dan memberi manfaat kepada orang ramai yang inginkan agar reka cipta yang mereka hasilkan sentiasa terpelihara dan terjamin kualitinya.

Namun masih ada beberapa perkara yang perlu juga diambil perhatian agar kelak tidak akan menimbulkan lebih banyak persoalan lain yang lebih merumitkan pihak kerajaan dalam mencari jalan penyelesaian. Oleh itu saya turut merayu kepada semua pihak agar kita sentiasa membantu kerajaan dalam menangani apa jua permasalahan yang dihadapi bagi menjamin kestabilan dan kemakmuran ekonomi yang telah kita kecapai sekarang ini sentiasa berkekalan. Dengan kata-kata yang sedemikian, saya juga mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, ada lagi? Tidak ada. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menggulung.

4.13 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas rang undang-undang yang dikemukakan. Empat Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan saya ingin menjawab perkara-perkara penting yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang lain-lain akan diambil kira apabila kita menjalankan tugas.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin tentang sokongan PCT, saya ucap terima kasih. Beliau menyokong PCT dan dengan menyertai PCT, saya yakin proses permohonan paten boleh dipercepatkan. Mengenai bio-teknologi, saya percaya kerajaan telah membuat strategi tertentu dan telah wujudkan Majlis Bio-teknologi Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dibantu oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kita juga ada projek *bio-valley* dan projek bio-teknologi yang saya fikir akan berjalan pesat pada masa hadapan.

Seperti saya terangkan, dengan kita menyertai PCT, ini akan mempercepatkan pendaftaran. Peruntukan bagi menjalankan R&D di negara kita juga adalah diambil berat oleh Kerajaan Persekutuan. Perkara ini diberi perhatian yang secukupnya melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, tetapi saya fikir belum sampai masa kita memberi *Nobel prize* ataupun *prize* seperti itu, oleh kerana *Nobel prizes* adalah di peringkat antarabangsa. Kalau kita ada penemuan-penemuan, kita boleh hantar penemuan-penemuan itu di peringkat antarabangsa yang juga memberi hadiah-hadiah.

Ramai di kalangan kita, rakyat Malaysia yang telah mendapat penemuan-penemuan yang unggul telah pun hantar ke pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa dan dapat penghormatan dan hadiah yang pertama dan sebagainya di peringkat antarabangsa. Kita ada seorang yang juga telah mengumpulkan nama-nama orang yang telah menerima hadiah-hadiah di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan beberapa isu. Pertama ialah mengenai kelewatan menyertai PCT.

Perkara ini juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Suka saya menjelaskan dan kadang-kadang kita, walaupun PCT diwujudkan pada tahun 1970 dan berkuat kuasa 1978, Akta Paten kita dikemukakan pada tahun 1983. Itu yang pertama.

Yang kedua, kita perlu kaji hak paten, kadang-kadang di peringkat antarabangsa, bukan sahaja paten, tetapi lain-lain keputusan ataupun cadangan yang dibuat di peringkat antarabangsa, kebanyakannya dikemukakan oleh negara-negara membangun. Kita tidak boleh tergesa-gesa *sign treaty* itu dan lepas itu kita mengalami kesan buruk. Ada pengalaman kita dalam beberapa perkara lain, khususnya dalam keputusan-keputusan WTO.

Jadi, selepas PCT di laksanakan pada tahun 1978 dan Akta Paten kita diwujudkan pada tahun 1983, kita buat kajian sempurna mengenai kesan baik, buruk dan juga faedah yang akan diperolehi. Kita juga melihat penguatkuasaan, barulah kita fikir. Pada mulanya kita anggap ini akan menghilangkan hasil, dari segi *fee* pemfailan kerana kita banyak menerima permohonan daripada luar negara. Pemohon-pemohon paten lebih banyak daripada luar negara jika dibandingkan dengan negara kita sendiri.

Jadi, kalau kita menyertai PCT dengan tergesa-gesa kita akan hilang sumber itu. Itu yang pertama. Ada kira-kira 95% ejen-ejen paten. Ejen-ejen paten juga akan kehilangan hasil kerana orang luar akan fail di negara lain. Jadi kalau kita kekalkan sistem yang lama, mereka perlu cari ejen dalam negara kita dan memfailkan.

Jadi, ini jugalah menjadi satu daripada sebab, tetapi sekarang permohonan tempatan kian bertambah, bukan banyak tetapi bertambah. Umpamanya dari Oktober 1986 hingga Mei 2003 Malaysia punya permohonan paten dari dalam negara adalah hampir 4.3%, tetapi pada anggapan kita ini telah meningkat. Yang paling besar adalah daripada kita tahu, negara yang membangun, U.S 35% daripada jumlah permohonan. Yang lain-lain yang tinggi adalah seperti Jepun 19.7%, selain daripada Jepun dan yang lain-lain adalah berkurangan daripada itu, angka yang kecil 2%, 3%. Switzerland satu negara membangun telah kemukakan sebanyak 3.42% permohonan daripada 1986 hingga 2003. Begitu juga Sweden juga satu negara membangun membuat permohonan 2.62%.

Jadi kita puas hati tentang permohonan-permohonan baru dan tempatan yang dikemukakan. Jadi kita fikir masanya sesuai untuk kita menyertai PCT dan selepas kita meluluskan undang-undang ini dan apabila dapat persetujuan dan perkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita akan cuba menguatkuasakan pindaan ini di negara kita. Tentang ada Ahli-ahli Yang Berhormat selain daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, juga Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani dan Datuk William Lau telah pun mencadangkan supaya kita lebih proaktif, kita memberi bantuan dan sebagainya untuk memperbanyakkan pengeluaran mereka. Paten itu tidak boleh memperbanyakkan sewenang-wenangnya. Paten itu adalah penemuan. Kalau rakyat kita banyak penemuan, kita akan mengeluarkan paten. Kita akan memberi perlindungan kepada penemuan-penemuan itu, kita memang menggalakkan.

Mengenai prosedur permohonan paten, jabatan kita akan memberi khidmat nasihat, akan membantu semua perkara ini, bukan tolak pasal prosedur permohonan itu salah. Kita akan menghubungi pemohon, membantu, menasihati dan sebagainya tetapi penemuan itu adalah penting. Kalau banyak penemuan, banyak syarikat swasta melakukan R&D dan di peringkat universiti dan sebagainya, banyak permohonan akan diterima dan mungkin banyak paten dapat diwujudkan.

Kalau kita tengok statistik-statistik, permohonan memang yang negara-negara membangun yang memperuntukkan satu peruntukan besar bagi R&D dan juga menjalankan penyelidikan begitu lama, merekalah yang mempunyai paten yang paling banyak. Negara-negara membangun begitu kurang bukan sahaja yang dapat perlindungan di negara masing-masing tetapi di seluruh dunia.

Jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat memahami perkara ini, bukan tujuan kita. Sekarang, pihak kerajaan telah pun memperbadankan Jabatan Harta Intelek, sekarang dijadikan sebagai Suruhanjaya Harta Intelek, sudah dijadikan sebagai perbadanan dan ini mempunyai autonomi sedikit, ada *board*, ada autonomi untuk melantik pegawai-pegawai dan memberi gaji berlainan daripada gaji *civil service* oleh kerana susah

untuk mendapatkan ejen-ejen yang menjalankan *search*, dalam negara kita. Kebanyakan mereka bertugas di pejabat-pejabat peguam dalam negara oleh kerana mendapat gaji yang lebih lumayan. Kita juga perlukan ejen-ejen dalam beberapa bidang; sains, *engineering* dan sebagainya. Jadi kita telah memperbadankan Harta Intelek supaya mereka dapat lebih banyak autonomi dan mereka boleh menunaikan tanggungjawab mereka dengan lebih cekap dan positif.

Jadi, saya amat berharap Ahli-ahli Yang Berhormat memahami Harta Intelek dan kementerian akan membantu mereka. Umpamanya fasal-fasal berkenaan PCT yang diwujudkan oleh Yang Berhormat Dato' Chin ini dipetik daripada perjanjian tersebut, bukan ini yang kita kemukakan sendiri. Perjanjian tersebut, PCT dipetik dan dipakai. Ini bukan sahaja kita, semua ahli-ahli kepada perjanjian masukkan fasal-fasal itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Jadi penolakan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidaklah dibuat dengan sewenang-wenangnya kerana jika Yang Berhormat teliti, terdapat dalam tiap-tiap fasal, peluang diberi kepada pemohon untuk membuat pembetulan sekiranya berlaku apa-apa kesilapan di dalam permohonan asal. Misalnya, Fasal 78H (2) memperuntukkan bahawa Pendaftar hendaklah membenarkan pemohon membetulkan apa-apa kesilapan yang dibuat dalam tempoh 30 hari. Jika pemohon gagal memberi kerjasama, barulah permohonan itu akan ditimbang untuk ditolak. Pada masa yang sama, Pejabat Pendaftar Paten juga akan membantu pemohon dengan memberi khidmat nasihat kepada pemohon untuk mengikuti prosedur pemfailan.

Mengenai bahasa, cadangan itu adalah satu cadangan ataupun satu soalan yang baik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan, dalam negara kita pemohon itu boleh difailkan dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kalau buat dalam bahasa Inggeris ia perlu diterjemahkan apabila dikemukakan kepada negara-negara asing dan ia memerlukan kos penterjemahan. Jadi kalau mereka membuat permohonan untuk perlindungan di negara kita, Bahasa Kebangsaan mencukupi.

Kalau mereka ingin meminta perlindungan di beberapa negara asing dengan PCT, apabila mereka membuat permohonan, mereka boleh tanda berapa negara dalam dunia yang mereka ingin mendapat perlindungan bagi paten, jadi eloklah mereka buat dalam bahasa Inggeris. Ini sebagai penjelasan tetapi pemohon-pemohon itu ada pilihan untuk membuat dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris. Cuma kalau bahasa kebangsaan sahaja dan memerlukan paten dalam negara-negara lebih daripada Malaysia, mereka perlulah membayar kos penterjemahan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai permohonan paten, adakah ianya *complicated procedure* ataupun permohonan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk William Lau. Prosedur paten yang terdapat di Malaysia adalah seragam dengan prosedur permohonan di negara-negara lain. Sememangnya permohonan paten akan melibatkan perkara-perkara yang teknikal. Oleh sebab itu Akta Paten mengandungi peruntukan tentang *patent agent* yang boleh memberi bantuan kepada pemohon-pemohon di dalam pemfailan permohonan mereka. Jadi setiap prosedur di dalam permohonan paten adalah perlu untuk memastikan hanya rekaan yang layak sahaja diluluskan untuk mendapatkan paten. Prosedur-prosedur tersebut bukanlah untuk menyulitkan pemohon.

Jadi, kita pun berharap rakyat kita mendapat fahaman yang baik tetapi rakyat jelata hanya memerlukan fahaman yang am sahaja apa paten atau apa mereka suka tetapi mengenai fahaman dalaman, kita fikir itu memerlukan masa yang lebih lama, latihan pembacaan dan sebagainya.

Oleh kerana itu, kita ada seorang *scientist*, dia buat penyelidikan dan mendapat satu penemuan untuk fail. Itupun kita ada orang teknikal yang dipanggil ejen. Dialah yang biasa tahu prosedur-prosedur dan cara-cara mengemukakan permohonan paten. Ini bukan sahaja di negara kita tetapi di seluruh dunia ada. Jadi, memang kita akan meneruskan usaha-usaha kita melalui *roadshows* dan sebagainya untuk menjelaskan kepada rakyat tentang harta intelek, paten, hak cipta dan sebagainya tetapi itu adalah secara umum.

Saya lupa menjelaskan tadi mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, beliau telah menyentuh tentang beberapa fasal iaitu Fasal 78H, 78I, 78O dan sebagainya yang membolehkan penolakan permohonan. Jadi, saya telah mengatakan bahawa semua ini adalah yang dipetik daripada Perjanjian PCT dan diguna pakai oleh semua negara dan pegawai-pegawai kita akan memberi nasihat kepada pemohon sebelum ianya ditolak.

Undang-undang Paten adalah untuk semua. Siapa yang pandai mereka cipta, mereka boleh dapat hak cipta. Kalau mereka kaya, mereka tidak akan dapat apa-apa pun. Kalau mereka pandai mereka cipta, barulah mereka dapat perlindungan di bawah paten. Jadi ini, Yang Berhormat Datuk William Lau, saya suka menjelaskan bahawa kaya atau miskin tidak berkaitan dengan paten tetapi untuk mengeksploitasi paten itu atau mengkomersialkan paten itu mereka perlukan modal. Itu perkara yang kedua.

Dalam negara pun ada pihak yang mampu untuk mengusaha atau mengkomersialkan penemuan kita. Kalau murid-murid sekolah buat reka cipta, mereka juga boleh mendaftarkan dan mendapat perlindungan di bawah paten. Jadi, PCT ini adalah sesuai dengan era internet, globalisasi dan digital.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 95% paten adalah dimiliki oleh orang asing. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana orang asing datang membuat pelaburan dan perniagaan di Malaysia. Sudah tentu mereka ingin melindungi produk mereka di dalam negara kita. Jadi, perdagangan antarabangsa berjalan lancar sebab ada perlindungan paten antara negara. Apa yang kita boleh buat adalah menggalakkan orang tempatan membuat banyak reka cipta untuk didaftarkan dan bukan menolak pendaftaran orang lain dari negara asing di negara kita.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, tempoh 18 bulan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang untuk diperiksa paten itu oleh orang awam adalah tempoh yang standard bagi semua negara. Ini bukan di Malaysia sahaja. Ini mengikut negara-negara yang menjadi anggota WAIPO dan menyertai PCT, mengguna pakai 18 bulan sebagai tempoh standard. Mengenai isu import, kita akan pastikan import boleh dibuat sekiranya keluaran dalam negara tidak berdaya maju, misalnya kerana saiz market di negara kita kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan itu, lagi sekali saya ucap setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang dikemukakan...

Datuk Willim Lau Kung Hui: [Bangun]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat Datuk, ada yang minta laluan.

Datuk Willim Lau Kung Hui: Izinkan saya, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri selesai menjawabnya, saya ingin tahu, saya sudah bangkitkan satu soalan. Adakah Tongkat Ali telah dipatenkan di dalam negara kita? Saya ingin tahu, ini *claim*, adakah benar atau tidak benar? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat memang ada membangkitkan isu itu. Tongkat Ali kalau sebagai *plant variety* ataupun sebagai Tongkat Ali itu tidak ada paten tetapi kalau ada pihak yang menjalankan penyelidikan dan membuat penemuan-penemuan baru atau pembaikan produk dan sebagainya, ada kemungkinan ianya telah dibuat dan dipatenkan.

Dalam negara kita pun ada banyak yang diberi hak cipta. Paten, saya tidak berapa pasti. Apakah ada sesiapa yang membuat penyelidikan dan sebagainya di dalam negara tetapi saya fikir kalau ini sebagai satu *plant variety* ataupun sebagai satu tumbuhan dalam negara, mereka tidak boleh membuat paten. Cuma penyelidikan dan hasil penyelidikan yang boleh dijadikan paten. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan itu saya ucap terima kasih. Bagi soalan-soalan lain yang tidak dijawab secara langsung, kita akan mengambil nota dan kita akan meneliti perkara-perkara itu. Sekian.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PELINDUNGAN PENGGUNA (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Pengguna 1999 telah dikuatkuasakan semenjak 15 November 1999. Bahagian 12 akta ini memperuntukkan penubuhan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Objektif penubuhan Tribunal Tuntutan Pengguna ini adalah untuk mewujudkan satu saluran tebus rugi yang murah, mudah dan cepat bagi pengguna menyelesaikan masalah mereka.

Keberkesanan bilangan kes yang difailkan telah meningkat berkali ganda iaitu dari 291 kes pada tahun 2000, 1,155 kes pada tahun 2001 dan 2,649 kes bagi tahun 2002 dan sehingga 2 Jun 2003, sebanyak 1,927 kes telah difailkan.

Jumlah tuntutan yang difailkan sejak penubuhannya sehingga 30 Jun 2003 adalah sebanyak 6,022 tuntutan dan 5,629 tuntutan telah pun diselesaikan.

Pada masa kini, keanggotaan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi, serta sembilan orang anggota tribunal yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Bilangan ini didapati agak berkurangan memandangkan anggota yang dilantik tidak berkhidmat secara sepenuh masa.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan seksyen 98(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999, amaun tuntutan yang boleh difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia kini adalah sebanyak RM10,000. Akta Perlindungan Pengguna 1999 juga tidak mempunyai sebarang peruntukan bagi tatacara prosiding Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia diadakan dalam bentuk tulisan dan diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2003 yang kini dibentangkan untuk pertimbangan secara keseluruhannya mencadangkan 6 fasal pindaan iaitu yang berkaitan dengan anggota tambahan daripada perkhidmatan

kehakiman dan perundangan dilantik menganggotai tribunal, meluaskan bidang kuasa tribunal untuk membolehkan tribunal mendengar dan memutuskan kes-kes bagi tuntutan yang amaunnya tidak melebihi RM25,000.

Seterusnya, pindaan adalah dibuat supaya peruntukan diadakan bahawa apa-apa tatacara diguna pakai oleh tribunal untuk prosidingnya hendaklah dituliskan dan hendaklah disiarkan dalam warta.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan pada seksyen 86(1)(b)(i), Akta Perlindungan Pengguna 1999 adalah dicadangkan supaya bilangan kes yang semakin bertambah dapat dikendalikan dalam tempoh yang singkat agar tujuan tribunal untuk memberi, mengadili tuntutan pengguna dengan mudah, murah dan cepat dapat dipraktikkan. Mengikut rekod Tribunal Tuntutan Pengguna, pemfailan kes di negeri-negeri selain Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Labuan, Johor, Melaka dan Terengganu semakin meningkat. Ini memerlukan penambahan dalam tenaga sumber manusia yang berpengalaman dan mahir dalam undang-undang untuk mengendalikan perbicaraan dan pendengaran di tribunal.

Permasalahan yang dihadapi oleh pihak tribunal kini dengan anggota-anggota yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri di bawah seksyen 86(1)(b) Akta Perlindungan Pengguna iaitu anggota yang bukan dari perkhidmatan kehakiman dan perundangan ialah anggota tersebut tidak dapat meluangkan lebih masa untuk mendengar kes-kes di tribunal dan tarikh-tarikh kelapangan mereka tidak bersesuaian dengan tarikh perbicaraan kes-kes di tribunal.

Ini secara tidak langsung menjejaskan perjalanan pendengaran kes-kes di tribunal di mana kes-kes ini harus diselesaikan dalam tempoh 60 hari dengan menambah pelantikan anggota daripada kalangan anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Masalah ini akan dapat diatasi kerana anggota baru ini akan bertugas sepenuh masa.

Di samping itu, mereka juga akan terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran tribunal. Bersesuaian dengan peningkatan bilangan kes dan masalah yang dihadapi, maka difikirkan perlu bagi kementerian ini untuk menambahkan bilangan anggota di Tribunal Tuntutan Pengguna. Berikutan perkembangan keadaan ekonomi dan pasaran yang lebih mantap dan kukuh, maka kuasa membeli para pengguna di negara ini telah pun meningkat. Dari itu kebanyakan pembelian atau *transactions* melibatkan jumlah yang lebih besar, yakni melebihi RM10,000.

Apabila pengguna ingin membuat tuntutan terhadap barangan atau perkhidmatan yang melebihi RM10,000, buat masa ini kes berkenaan tidak dapat dibawa ke Tribunal Tuntutan Pengguna. Kesedaran pengguna mengenai hak mereka untuk mendapatkan ganti rugi telah pun meningkat dan dengan meluaskan bidang kuasa jumlah amaun had tuntutan kepada RM25,000 akan dapat melindungi hak pengguna di semua lapisan. Oleh itu dicadangkan pindaan kepada seksyen 98(1) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit" dengan perkataan "dua puluh lima ribu ringgit". Pindaan *consequential*, dengan izin, juga dibuat kepada seksyen 101(1) dan subseksyen 101(1).

Selain daripada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah telah ditubuhkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini. Untuk mengelakkan pertindihan bidang kuasa mendengar tuntutan, maka pindaan pada seksyen 99(1) perlu dibuat.

Selaras dengan hasrat kerajaan menuju ke arah satu kerajaan yang telus, maka pindaan di buat pada Akta ibu untuk menambahkan peruntukan baru iaitu seksyen 109A untuk memastikan segala tatacara prosiding perjalanan perbicaraan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dibuat secara bertulis dan diwartakan. Ini adalah untuk memastikan supaya pengguna-pengguna tahu tentang tatacara yang akan diterima pakai oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dalam menjalankan prosidingnya dan seterusnya semua prosiding di tribunal adalah konsisten dalam pelaksanaannya. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Saya mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila, Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

4.50 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan pindaan ke atas Akta Perlindungan Pengguna 1999 ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Dato' Haji Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Negeri Kelantan dan seluruh Kerajaan Negeri Kelantan kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk sekali lagi menyambung tugas saya sebagai Ahli Dewan Negara bagi kali yang kedua, mewakili Kerajaan Negeri Kelantan.

Pertama kalinya saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana telah mengemukakan satu cadangan pindaan yang secara keseluruhannya pada pandangan saya bertujuan untuk memperkemas dan memperkasakan lagi peranan yang telah dimainkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga sangat dialu-alukan oleh semua lapisan masyarakat dalam negara ini, dan diharapkan pindaan ini akan dapat memastikan hak-hak pengguna seterusnya dapat dihormati oleh semua pihak. Dengan pembangunan dan penerapan nilai-nilai ICT dalam masyarakat kita di semua peringkat, maka kita dapat melihat betapa masyarakat Malaysia hari ini semakin matang dan peka terhadap hak-hak mereka. Ini sangat berbeza dengan suasana sebelum ini.

Justeru itu, melalui cadangan pindaan pada hari ini berhubung dengan keanggotaan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dengan menekankan pelantikan anggota-anggota yang mempunyai latar belakang kehakiman dan perundangan, diharapkan akan melancarkan lagi segala aktiviti penyelesaian satu-satu kes, apatah lagi kes-kes itu yang mesti diselesaikan dalam tempoh 60 hari.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal undang-undang dan peraturan, kita harus akur bahawa individu yang mempunyai latar belakang undang-undanglah yang akan mampu bertindak serta memainkan peranan yang lebih efektif. Sehubungan dengan itu, saya juga menyokong sekiranya jumlah keanggotaan Tribunal tersebut ditambah ataupun dipertingkatkan bersesuaian dengan keperluan yang ada pada hari ini.

Dengan kesedaran yang tinggi di kalangan rakyat, serta kes-kes yang semakin bertambah berganda-ganda maka adalah sangat relevan untuk menambah keanggotaan dalam Tribunal. Bahkan saya turut mencadangkan agar peranan Tribunal ini akan terus dapat dihebahkan kepada rakyat di seluruh negara dengan memperkasakan lagi kewujudannya di seluruh negeri di Malaysia.

Sebagai contoh, kita tengok bagaimana peningkatan amaun, contohnya, saya tengok bagaimana peningkatan amaun tuntutan daripada RM10,000 hingga ke RM25,000 juga merupakan satu tindakan yang bijak memandangkan kos dan taraf hidup rakyat yang semakin tinggi ketika ini. Mudah-mudahan dengan itu hak-hak pengguna akan lebih terpelihara.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya ingin penjelasan daripada pihak Kementerian. Di antaranya, saya ingin penjelasan bahawa pindaan ke atas Akta ini bersifat pindaan *constituent* yang mana kerana ia menyelaraskan dengan peruntukan yang lain.

Sebagai contohnya, bidang tugas dan tanggungjawab Tribunal Perumahan. Saya ingin penjelasan, seandainya terdapat pengguna, iaitu seorang pembeli rumah yang membawa kesnya kepada Tribunal Tuntutan Pengguna dan bukannya Tribunal Perumahan, adakah beliau berhak untuk menyelesaikan kes yang berkenaan? Ataupun kes yang berhubung dengan perumahan hanya berhak dibawa kepada Tribunal Perumahan atau bagaimana?

Yang kedua, saya ingin juga penjelasan tentang sejauh manakah keputusan yang telah dibuat oleh pihak Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, misalnya, tidak dapat dicabar. Contohnya, dibicarakan pula di mahkamah kerana ketidakpuasan hati mana-mana pihak yang terbabit.

Yang ketiga, saya juga ingin penjelasan daripada pihak Kementerian, adakah boleh atau tidak masalah ataupun kes yang berhubung dengan penjamin sosial yang telah dipalitkan dengan pengisytiharan bankrap akibat kegagalan peminjam membayar balik pinjamannya, membawa kes ini ke Tribunal Tuntutan Pengguna akibat tidak berpuas hati ke atas pihak yang memberi hutang? Jadi, adakah perkara ini berhak ataupun tidak mereka berbuat demikian?

Dan yang keempat, saya ingin juga penjelasan tentang sejauh manakah kuasa keputusan yang dibuat oleh Tribunal dapat dilaksanakan, diperkasakan, kerana kita tidak mahu kita wujudkan satu Tribunal yang akhirnya tidak digeruni oleh setengah-setengah pihak yang tertentu. Jadi, saya harap di antara masalah-masalah yang mungkin saya tidak jelas daripada huraian yang dihuraikan daripada pihak Kementerian, saya ingin penjelasan. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sila Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi.

4.55 ptg.

Puan Lim Kee Moi: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, bekas Presiden MCA, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik dan Kerajaan Negeri Johor kerana memilih saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Fasal 3, 5 dan 6 bertujuan meminda subseksyen 98(1), 100(1) dan 101(1) Akta 599 untuk meluaskan bidang kuasa Tribunal untuk mendengar dan memutuskan kes-kes jika jumlah amaun yang dituntut tidak melebihi RM25,000.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pengeluar buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan dan seberang laut mematuhi PHI, iaitu *pre-harvest interval* semasa mereka mengutip hasil untuk dipasarkan. Jika mereka tidak mematuhi PHI maka konsumer-konsumer akan menikmati sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak selamat sebab terdapat sisa baki racun yang masih terkandung dalamnya. Jabatan Pertanian dan Jabatan Kesihatan haruslah memainkan peranan yang aktif untuk melatih serta mengawal pengeluar-pengeluar supaya mematuhi PHI.

Pada masa yang sama, konsumer-konsumer perlu dididik untuk memilih dan makan sayur-sayuran dan buah-buahan yang selamat. Sisa baki racun yang dibenarkan dalam sayur-sayuran adalah tiga *parts per million* manakala sisa baki racun yang dibenarkan di dalam buah-buahan adalah lima *parts per million*. Sekiranya sisa baki racun melebihi tahap tersebut maka sayur-sayuran dan buah-buahan tersebut haruslah dimusnahkan demi keselamatan konsumer.

Terdapat banyak ubat-ubatan dan produk-produk penjagaan kesihatan yang diimport dari seberang laut. Adakah ubat-ubat tersebut selamat dimakan oleh konsumer? Apakah peranan Jabatan Kesihatan untuk mengawal perkara tersebut? Juga terdapat di kalangan wanita yang minat menguruskan badan, kononnya hendak cantik, badan hendak ramping, termakan ubat yang membawa maut, apakah tindakan Jabatan Kesihatan untuk memastikan ubat-ubat tersebut selamat dimakan oleh konsumer dan cara-cara menginsafkan konsumer-konsumer tentang bahayanya memakan ubat menguruskan badan?

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga ubat-ubat dan produk-produk penjagaan kesihatan dan makanan yang dijual sudah habis tempoh hayat dan tidak selamat dimakan. Apakah tindakan Jabatan Kesihatan untuk mengawal perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, *additives* makanan biasanya digunakan di dalam makanan seperti pewarna dan bahan pengawet. Adakah konsumer sedar bahawa pewarna dan

bahan pengawet selamat dimakan? Bagi pengilang, adakah mereka dilatih mengenai tahap bahan pengawet dan pewarna yang dibenarkan dalam makanan selamat dimakan?

Tuan Yang di-Pertua, ayam-ayam yang dijual dipasar adalah disuntik dengan hormon untuk mempercepatkan tumbesarnya. Adakah hormon tersebut selamat dimakan? Syarikat McDonald telah memutuskan membeli ayam tanpa suntikan hormon, adakah pengusaha-pengusaha lain akan mengikut jejak langkah McDonald tersebut? Konsumer-konsumer sepatutnya disedari hak-hak mereka. Dengan ini saya menyokong meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sila Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

5.00 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang membahaskan sedikit rang undang-undang untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2003.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna atas usahanya mengambil langkah-langkah yang serius untuk memberi lebih perlindungan kepada pihak pengguna. Salah satu langkah untuk melicinkan proses perlindungan tersebut ialah mengukuhkan atau menguatkan Tribunal Tuntutan Pengguna - Consumer Claims Tribunal di mana rayuan-rayuan dan tuntutan-tuntutan orang awam dapat dibentangkan dan cara-cara menyelesaikannya dapat disyorkan. Ini akan mengecualikan kes-kes tersebut daripada masuk ke sistem mahkamah biasa di mana kadangkala kes terlibat akan dibicarakan, ditangguhkan dan dipanjangkan dengan tidak terhingga.

Merujuk kepada Seksyen 100(1), 101(1) di dalam cadangan meminda akta ini, cadangan menaikan had tuntutan kes tersebut daripada RM10,000 kepada RM25,000 pun begitu wajar dengan mengambil kira inflasi dan pelbagai faktor lain pada zaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini izinkan saya menyuarakan sedikit masalah yang dihadapi oleh masyarakat apabila ada kenaikan harga barang-barang atau komoditi-komoditi tertentu. Kenaikan harga sesuatu barang kadangkala perlu, itu saya mengakui, dan keputusan itu dibuat oleh Jemaah Menteri dan kerajaan atas pengesyoran (*recommendation*) kementerian atau badan-badan tertentu atau syarikat-syarikat import berkenaan. Saya tidak soal itu tetapi apa yang kurang memuaskan ialah caranya di mana sebelum pengumuman rasmi berkenaan, kenaikan harga sesuatu barang kadangkala bila ada timbul khabar angin sahaja, dengan serta merta harga di kedai-kedai untuk barang tersebut sudah naik dahulu.

Ada juga ketika di mana barang tersebut tidak boleh didapati langsung kerana disorok atau *hoarding*, dengan izin, oleh tuan kedai atau *retailer*, dengan izin, supaya dapat dijual dengan harga baru pada esok hari atau bila harga naik. Situasi lebih teruk jika komoditi tersebut sesuatu yang penting seperti minyak. Kenaikan harga begitu cepat, *before the sun rises the next morning*, dengan izin, tetapi apabila ada pengumuman 'keturunan' harga, lambatnya untuk menurunkan harga di kedai-kedai atau *retailer*, dengan izin.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, 'penurunan' harga.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Ya penurunan harga. Kenaikan cepat, turun sangat lambat.

Alasan yang klasik, yang biasa ialah "Oh kita harus *clear stock* lama dahulu. Tunggalah!" Untuk keuntungan lebih atau *profit* lebih, dengan izin, tindakan serta merta diambil oleh peniaga-peniaga tetapi untuk keuntungan biasa, sangat perlahan untuk implementasi. Saya harap KPDN dan HEP dapat siasat kejadian seperti ini dan mendakwa pihak peniaga yang tidak ikut etika perniagaan....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat...

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: ...dan menipu pengguna.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: ...Yang Berhormat Senator Dr. Chin minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam kerana memberi laluan kepada saya. Bagaimana kalau kita sebagai pengguna menggunakan budi bicara sendiri dan tidak membeli barangan itu kalau kita dapati ia dinaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Kalau kita tunggu kementerian mengambil tindakan mungkin sudah terlambat tetapi kalau kita memulaukan, boikot barangan itu sebagai seorang pengguna, saya dapati itu lebih sesuai daripada apa tindakan yang boleh diambil kerana banyak daripada itu mengikut *supply and demand*, dengan izin, iaitu bekalan dan juga tuntutan. Dan kalau kita dapati memang harga telah dinaikkan dengan tidak wajarnya, macam mana kalau kita sebagai pengguna, kita sendiri memulaukan barangan itu. Bolehkah ini akan selesaikan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sila.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin saya rasa baik tetapi mesti ada kerjasama dari pihak pengguna. Kadang-kadang kalau benda itu *essential*, macam minyak, saya ingat susah sedikitlah oleh kerana kereta pun perlu minyak, untuk memasak pun perlu minyak. Susah untuk boikot oleh kerana pada ketika itu barangan itu perlu. Tetapi terima kasihlah kepada Dato' Dr. Chin atas cadangan beliau yang *theoretically* bagus. Saya minta sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sambung.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang wujud ialah kenaikan harga sesuka hati mengikut keperluan. Jika ada keperluan yang hebat, peniaga-peniaga menaikkan sahajalah harga dengan tidak ada kawalan, tidak ada *control*. Baru sahaja saya baca dalam surat khabar bahawa harga tiket di sebuah panggung wayang *Cineplex* sudah meningkat oleh kerana tindakan keras yang diambil ke atas penjual-penjual VCD haram, VCD cetak rompak ini. Sekarang susah nak dapat CD *movie* yang original, mahal. Jadi terpaksa pergi ke panggung wayang. So pengurus-pengurus panggung wayang sudah menaikkan harga. Ini satu tempat sahajalah tetapi saya harap ini tidak berlaku di lain panggung wayang. Sikap pengurusan panggung wayang tersebut amat mendukacitakan.

Satu lagi contoh ialah pada masa perayaan sama ada Hari Raya, Krismas, Tahun Baru Cina atau Deepavali. Walaupun ada lebih banyak tindakan dari pihak penguatkuasaan dari kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak dapat mencegah dengan penuh kenaikan harga bahan-bahan makanan di pasaran seperti ayam, ikan, sayur dan lain-lain. Bila pegawai-pegawai buat rondaan, pada masa itu ada tunjuk papan tanda harga (*price tag*) tetapi apabila mereka lepas, semua *price tag* hilang. Mereka menyebut apa sahaja harga yang mereka suka. Oleh kerana pada masa perayaan, orang mahu barang keperluan makanan.

Keadaan yang sama juga, satu lagi contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada masa lumba kereta F1 di Sepang, pada masa itu harga bilik-bilik hotel terutama sekali di sekitar Sepang, Seremban sudah naik kadang-kadang dua kali, tiga kali ganda. Ini hotel-hotel besar yang bertanggungjawab. Harga makanan dalam litar F1 pun satu burger RM10.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga secara suka-suka oleh *retailers* ini dapat dikawal sedikit. Nampaknya cara membuat penguatkuasaan ini ialah untuk meningkatkan anggota pihak penguat kuasa dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong rang undang-undang DR 15/2003 untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sila Yang Berhormat Datuk Yaakob.

5.12 ptg.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan secara ringkas Akta Perlindungan Pengguna 1999. Banyak *points* telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan yang lain. Tumpuan saya petang ini yang pertama, bagaimanakah caranya kementerian dapat bertindak untuk memberi pengajaran kepada orang ramai terutamanya di kalangan masyarakat bawahan yang kurang faham tentang hak mereka sebagai pengguna, apatah lagi masyarakat di luar bandar atau masyarakat yang buta huruf.

Saya melihat di antara perkara-perkara yang menjadi isu sekarang ini ialah bagi kebanyakan mereka yang berpendapatan rendah sama ada kakitangan kerajaan dalam perkhidmatan awam, ketenteraan ataupun polis ataupun masyarakat tani di mana biasanya mereka membeli barang-barang secara ansuran atau secara hutang, Umpamanya barang-barang elektrik sering kali apabila mereka beli terikat dengan surat perjanjian tetapi barang-barang yang dibeli itu kadang-kala terdapat kerosakan dan memang sukar sekali untuk mendapat ganti apatah lagi dari pihak yang menjual.

Kalau dilihat masyarakat di negara-negara luar, pihak pembekal ataupun syarikat yang menjual barang-barang begitu prihatin, begitu sensitif dan mereka sanggup menerima barang-barang yang dikembalikan apabila pembeli membuat aduan tentang kerosakan barang-barang tersebut. Di sini saya lihat wujud seumpama *parasite* di mana pihak penjual tidak mahu atau tidak dapat melayani tuntutan, aduan atau *complaints* daripada pihak pembeli terutamanya mereka yang kurang faham dari segi hak. Jadi, apakah strategi dan perancangan yang dibuat oleh kementerian supaya menyedarkan pengguna-pengguna ini agar mereka tidak terus mendiamkan diri ataupun diperbodohkan oleh pihak penjual.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dari segi kedudukan ataupun beban tugas pihak Tribunal seperti mana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi, dengan pertambahan Pengerusi dan beberapa jawatan di dalam Tribunal, ia boleh menyelesaikan masalah. Mungkin boleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri menyatakan setakat hari ini berapakah tunggakan yang bertimbun ataupun yang tidak dapat diselesaikan.

Kalau diikuti ucapan awal Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri menyatakan sesuatu kes itu akan diselesaikan dalam tempoh 60 hari. Dari sini mungkin kita boleh lihat dengan pertambahan itu, bilakah tunggakan tersebut sama ada 5 tahun lagi baru dapat diselesaikan atau di sebaliknya. Dari segi insentifnya pula, berapakah jumlah bayaran gaji dan elaun kepada pihak Pengerusi dan ahli-ahli yang dipilih agar tanggungjawab dan beban tugas yang mereka laksanakan itu setimpal dengan elaun dan gaji yang diberikan. Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kerana masa tidak mengizinkan. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sila Yang Berhormat Tuan Zainal.

5.16 ptg.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kerana saya melihat Yang Berhormat telah pun dipilih untuk mempengerusikan sidang ini. [*Ketawa*] Saya biasa bercakap dengan Yang Berhormat Datuk Long Jidin dahulu, dia buat penggantian jadi Pengerusi Dewan kadang kala saya menyatakan ia mempengerusikan sahaja, tetapi dari segi elaunnya tidak ada. Saya sebagai pemimpin kesatuan sekerja saya selalu bercakap walaupun dia *acting* dan sebagainya mesti ada elaun.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Bolehlah cadangkan.

Tuan Zainal bin Rampak: Saya mencadangkan supaya dibayar elaun dan sebagainya oleh kerana Yang Berhormat Menteri pun ada di sini dan saya minta supaya dapat dipertimbangkan supaya tidak ada penggantian hanya sebagai pengganti tetapi tidak ada pembayaran yang sepatutnya diterima.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999. Sebenarnya dari apa yang telah saya lihat, cadangan ini memanglah satu cadangan yang baik. Ada dua aspek, satu aspek menambah bilangan anggota untuk menjalankan penghakiman terhadap

tuntutan-tuntutan pengguna yang dikemukakan. Kedua, menaikkan jumlah dendanya dari RM10,000 kepada RM25,000.

Kedua-dua cadangan ini memanglah sepatutnya diluluskan dan diterima oleh kita kerana merupakan cadangan yang progresif demi untuk menjaga kepentingan pengguna dalam negara kita. Seperti mana juga kita sedia maklum, tuntutan-tuntutan kecil ini memanglah selalu berselerak di mana-mana. Seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bahawa penambahan mereka yang mengendalikannya ini adalah disebabkan kes-kes yang bertambah dirujuk ke Tribunal.

Saya ingin mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, penubuhan tribunal ini adakah terletak di bandar-bandar besar sahaja?. Tidakkah difikirkan supaya ditubuhkan di tiap-tiap daerah di seluruh negara kerana kita tahu kebanyakan yang tertipu oleh pihak-pihak tertentu ialah kalangan mereka yang datang dari luar bandar yang tidak tahu barang tersebut *original* ataupun barang tipu dan harganya betul atau tidak betul. Kadang-kadang barang tersebut telah lama disimpan sebagai stok lama kemudian dipaparkan semua menjadi *cheap sale* katanya, dijual sebagai barang baru dan ditaruh dengan satu harga yang baru.

Kebiasaannya selalu kita lihat bahawa penipuan itu dilakukan oleh pihak penjual tertentu untuk menipu dan mencari keuntungan secara berlebihan hasil penjualan mereka. Saya mencadangkan supaya kerajaan menambah ahli Tribunal dan dalam masa yang sama kes-kes seperti ini hendaklah didengar di daerah-daerah seperti di Klang atau di Kajang atau pun di Parit Buntar. Begitu juga di Dungun ataupun di Mersing dan pekan-pekan kecil lain iaitu pendekatan kepada rakyat jelata khususnya orang kampung.

Mereka lebih senang berurusan dan tidak berjalan lebih jauh ke bandar besar untuk membuat *file case* kalau tuntutan RM1,000, RM2,000 atau RM3,000. Kadang kala kalau dalam keadaan yang begitu jauh, mereka terpaksa mengatakan kenapa hendak pergi begitu jauh umpamanya sedangkan tuntutan hanya sebanyak RM2,000; masa yang terluang begitu banyak, kadang kala mereka sendiri tidak tahu apa yang mereka harus buat. Jadi, kalau diadakan di pejabat-pejabat yang terletak di bandar-bandar kecil, saya mempunyai keyakinan besar kemungkinan banyak kes seperti ini akan dapat dikemukakan, akan dapat dilayan dan satu keadilan dapat dinikmati oleh rakyat negara ini.

Saya bercerita ini bukan sahaja di Semenanjung malah besar kemungkinan juga di Sabah dan di Sarawak. Saya lihat di Sarawak sendiri dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain terpaksa berjalan selama 8 jam untuk pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan kenderaan umum tidak ada sama sekali. Kadang kala mereka terpaksa menaiki bot dan sebagainya. Jika naik bot pula, dari segi tambangnya begitu mahal. Kalau menaiki kapal terbang lagi mahal. Jadi bagaimana untuk mereka mencari jalan menyelesaikan perkara sedemikian rupa. Jadi saya mencadangkan supaya penubuhan sedemikian ini ditubuhkan di tiap-tiap daerah bagi memastikan rakyat mendapat *accessible* untuk mendekati diri mereka kepada tribunal dan mengemukakan tuntutan-tuntutan mereka supaya dapat diadili dan sebagainya.

Kemudian, perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal ahli Tribunal, selain apa yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya berkenaan dengan eluan dan sebagainya. Kita mahu supaya ahli Tribunal ini kalau boleh sepenuh masa, *full time* dengan izin, kalau mereka dapat bekerja sepenuh masa, kes-kes dapat didengar dengan secepat mungkin, tidak tertangguh sampai tiga bulan, empat bulan, setahun baru didengar dan sebagainya.

Saya mencadangkan supaya kerajaan menyediakan hakim-hakim, mereka yang mengendalikannya Tribunal ini sepenuh masa. Jadi, dengan adanya pejabat di setiap daerah dan Tribunal di tiap-tiap daerah dan dengan kakitangan yang cukup, saya yakin perkara-perkara sedemikian dapat diselesaikan dalam masa yang sama. Ini akan ditakuti oleh pihak penjual ataupun pengedar untuk menipu rakyat untuk mencari keuntungan.

Hari ini kita dengar banyak penipuan yang berlaku. Kalau kita baca surat khabar, hari-hari, umpamanya macam soal besar kemungkinan jual *make-up*, barang-barang untuk wanita. Beli barang kata, ini baik, bagus, bila kena pada muka daripada putih, sudah jadi hitam. Ini suatu perkara yang saya ingat bagaimana tuntutan ini hendak dibuat. Ini satu

pendekatan yang lebih baik dan kita yakin bahawa ianya akan dapat memberikan satu kebaikan kepada rakyat jelata, umumnya.

Perkara yang ketiga, selain apa yang telah dibentangkan dalam pindaan ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerajaan sendiri bahawa satu ketika dahulu kita mendengar, ubat-ubat yang diimport dari Australia, iaitu yang dinamakan Syarikat Pan Pharmaceuticals Limited, Australian, di mana didapati ubat-ubat tersebut mengandungi bahan-bahan yang merosakkan, ada *side effect* kepada mereka yang mengambilnya.

Jadi, bila mana kerajaan Australia bertindak sedemikian barulah kita mengambil tindakan mengeluarkan stok-stok mereka, barang-barang tersebut daripada dijual di pasararaya. Tidakkah kerajaan sendiri mengadakan satu

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Maksud Yang Berhormat, *health food*.

Tuan Zainal bin Rampak: Ya, *health food*, kemudian vitamin dan sebagainya dan ubat-ubat yang lain, macam *garlic* dan sebagainya. Jadi, tidakkah kerajaan mengadakan sendiri satu pemeriksaan yang rapi ataupun ditubuhkan satu unit untuk memastikan dengan adanya *expert*, pakar-pakar yang terlatih memeriksa ubat-ubat yang masuk, mesti mendapat kelulusan daripada kita dahulu? Kita tidak harus menyatakan bahawa ia terletak pada orang luar negara untuk memeriksa sama ada barang tersebut boleh dijual, boleh dimakan oleh rakyat negara kita.

Besar kemungkinan boleh dimakan, ia boleh dimakan oleh Orang Putih, *foreigners can eat but not to be consumed*, dengan izin, oleh orang-orang tempatan. Besar kemungkinan ini akan wujud dan *side effects* nya yang kita boleh lihat. Jadi, saya ingin mencadangkan, kalau tidak ada diadakan keadaan sedemikian iaitu satu badan untuk membuat pemeriksaan, saya mencadangkan supaya badan tersebut ditubuhkan oleh kerajaan bagi memastikan bahawa pemeriksaan-pemeriksaan sedemikian dapat dilakukan.

Kemudian perkara yang keempat Tuan Yang di-Pertua, iaitu soal berkenaan dengan harga kerana heboh cerita VCD, CD dan sebagainya, menjadi perkara utama dalam perbincangan. Dahulu, sekali saya pun sudah bercakap atas perkara yang sama. Penjualan CD, VCD dengan harga yang begitu mahal. Saya tidak tahu sama ada penyanyi tersebut atau pengeluar filem tersebut mendapat keuntungan hasil daripada penjualan tersebut. Siapa yang dapat untung, *the biggest profit*, dengan izin, sama ada pengeluar ataupun mereka yang menjadi pelakon atau mereka yang menjadi penyanyi mendapat untung.

Jadi, sehingga hari ini, kita mendengar hanya menyatakan mahal, Siti Nurhaliza pun campur juga, katanya, bertindak sedemikian dan membuat kempen supaya jangan beli CD haram tetapi saya tidak tahu siapa yang dapat untung lebih sama ada penyanyi itu sendiri dapat untung lebih atau pengeluar yang dapat untung lebih ataupun siapa yang dapat untung lebih. Jadi, kita tidak tahu keadaan sebenarnya.

Jadi, saya memohon supaya kementerian selain daripada harga CD ini dikurangkan. Saya ingat barangkali, saya dalam mesyuarat 3PMTUC – Pergerakan Pengguna - Pekerja MTUC, kita telah mencadangkan, *I think at the most.., I think within RM10, RM12*, di antara RM10, RM12, satu CD. *The best* harga yang boleh dijual. Dengan ini orang boleh beli.

Oleh kerana kita tahu pemakaian CD, VCD dan sebagainya untuk tiga kali sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat barangkali kita hendak tengok selalu pun jelak juga, *you see*, kemudian kita beli yang lain. Kenapa kita belanja lebih? Itu yang menyebabkan orang ramai suka beli VCD, CD, cetak rompak dengan harga kurang daripada RM5. *There's some cases*, barangkali RM2, RM3 pun boleh beli *then* dengar dua, tiga kali, tengok dua, tiga kali filem sudah cukup untuk kita melihatnya.

Jadi, saya ingin untuk memohon kepada kementerian membuat kajian di atas perkara ini. Melihat dari aspek ini, selain daripada apa-apa tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk mengadakan perbincangan dengan pengeluar dan mereka yang terlibat dalam VCD, CD ini untuk mengurangkan harga barang-barang penjualan tersebut dengan harga yang berpatutan yang boleh dibeli oleh rakyat.

Pertama sekali kita harus melihat dari segi soal VCD, CD dan sebagainya, kita harus melihat mereka yang mempunyai pendapatan, yang bekerja, Tuan Yang di-Pertua. Besar kemungkinan sedikit kemampuan dari segi mereka yang bekerja. Itu pun mengikut keadaan pendapatan mereka.

Bagaimana pula rakyat di luar bandar, bagaimana pula rakyat yang di kampung, bagaimana pula kalangan keluarga miskin? Mereka juga ingin melihat dari segi penglihatan, dari segi pendengaran dan sebagainya. Mengapa mestinya harga yang begitu mahal dikenakan? Jadi, saya tidak fikir barang kali perkara sedemikian harus digalakkan, diteruskan. Saya mengucapkan syabas kepada kementerian kerana mengambil tindakan yang sedemikian untuk mengadakan perbincangan.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya telah melihat, kata Yang Berhormat, rakan saya tadi, dari segi soal kenaikan harga barang-barang, MTUC telah memantau perkara ini satu ketika dahulu. Saya sendiri pergi ke pasar sebenarnya. Kadang kala kalau saya tidak ada mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, hari Ahad, saya ikut isteri saya pergi ke pasar, saya tengok harga barang-barang, memang benar apa yang telah dijelaskan oleh rakan saya tadi, harga barang-barang meningkat naiknya. Sengaja berlaku sedemikian rupa.

Apa yang boleh kita lakukan iaitu untuk menyedarkan para pengguna kita. Jadi, kalau harga barang itu naik, harganya mahal, kita jangan beli terlalu banyak sangat. *Don't buy a large amount*, satu jumlah yang besar, kita beli untuk satu hari punya makan. Kita tengok, biar barang itu busuk dan sebagainya, akhirnya harga barang tersebut akan turun dengan serta merta.

Untuk penyedaran ini kita nyatakan bahawa, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu kurikulum, *subject matters* untuk diajar ke sekolah-sekolah, didik rakyat dari bawah, iaitu mereka yang masih bersekolah. Kita tahu dalam sekolah pun ada juga barang-barang yang berharga mahal, dijual oleh kantin dan sebagainya.

Kalau saya sekolah dahulu hanya 5 sen saya boleh makan macam-macam, Tuan Yang di-Pertua, sendiri pun maklum. Hari ini 5 sen *is of no value any more*. Tidak ada apa yang boleh kita beli. Itu juga jadi pengajaran, dari peringkat sekolah hendaklah kita lakukan. Kalau boleh kementerian dapat mengadakan tindakan, mengadakan perbincangan di Kementerian Pendidikan supaya kurikulum untuk mengajar dan mendidik anak-anak di bangku sekolah. Saya ingat mungkin satu perkara yang penting juga yang harus kita wujudkan dalam memastikan penyedaran pengguna di kalangan murid-murid sekolah. Jadi, dengan ini kita akan dapat mendidik pengguna dalam satu jangka masa yang panjang.

Kemudian, perkara yang keenam, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kalau kita memikirkan, bincang soal harga barang-barang, kalau kita pergi ke luar negara, Tuan Yang di-Pertua, kita tengok banyak koperasi ditubuhkan. Kita lihat Koop di mana-mana seperti di Eropah. Saya biasa pergi membeli barang-barang di Koop daripada pergi luar...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya minta Yang Berhormat sambung esok hari.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya menengguhkan sidang mesyuarat ke hari esok, 2 Julai, jam 10.00 pagi

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

